

# Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



**Salam RAMADAN**  
BERMULANYA SATU PERUBAHAN

"Semoga amalan Ramadan kali ini menzahirkan kita menjadi insan bertaqwa dan peduli kepada masyarakat serta meningkatkan kefahaman terhadap amar makruf nahi mungkar dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa."

Daripada:  
**MOHAMAD SABU**  
Presiden AMANAH

Amanah  
Facebook: Parti Amanah Negara | Twitter: @PartiAmanah | Website: www.amanah.org.my

**Jentera AMANAH turun ke DUN Cempaka**



→ ms2

**Dari Banggol Peradong ke Tok Jembal**



→ ms9

**Tidak salah bawa bukan Islam berbuka puasa di masjid, kata mufti**



→ ms8

# POLITIK BENCI CEMAR RAMADAN

**SAMBUTAN** Ramadan tahun ini dicemarkan oleh politik benci dan ekstremis yang melanda dunia dan juga negara ini. Ketika Manchester, Marawi dan Jakarta menghadapi bom dari militan, Malaysia pula menghadapi tragedi tampar dan mesej kebencian menjelang dan pada awal Ramadan.

→ **Laporan penuh muka 8**

## Pesuruhjaya Suhakam kunjungi pejabat AMANAH

12 delegasi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) yang diketuai Pengerusinya Tan Sri Razali Ismail mengunjungi pejabat AMANAH pada

31 Mei lalu. Semasa kunjungan lebih sejam yang disambut oleh Presiden AMANAH, Mohamad Sabu itu, kedua-dua pihak saling bertukar tukar

pandangan. Suhakam pula mahu AMANAH terus menyuarakan dan memperjuangkan isu-isu berkaitan hak asasi manusia di negara ini




**DR. OLIVE**  
BODY CARE

Natural Safe Effective

Rahsia kecantikan kulit secara alami,

# Jentera AMANAH turun ke DUN Cempaka

**W**ALAU PUN bila pilihan raya umum ke 14 belum jelas, jentera AMANAH mula turun ke kawasan Dewan Undangan Negeri Cempaka yang kini diwakili oleh naib presiden PAS, Datuk Iskandar Samad.

Ia diketuai sendiri oleh Ir Izham Hashim, Pengerusi AMANAH Selangor melalui program bersepadu 'Amanah Peduli Rakyat' minggu lalu dan telah mendapat sambutan hangat dari penduduk tempatan.

Program tersebut diadakan di De-

wan Serbaguna, Kampung Pandan Dalam di Dun Cempaka, Parlimen Pandan.

Kibaran bendera, bunting dan risalah serta Akhbar Amanah telah mendekati penduduk tempatan dengan AMANAH.

Antara pengisian program itu ialah pemberian minyak petrol untuk motor secara percuma, jualan peduli rakyat, sumbangan makanan dan duit bantuan kepada penduduk, pemeriksaan kesihatan, jualan pelbagai barangan dan lain-lain.

Program tersebut dipimpin oleh Izham dengan bantuan dari beberapa kawasan AMANAH di Selangor.

Izham menyatakan puas hati dengan sambutan penduduk tempatan, bahkan dari sekitar Dun Cempaka.

Menurut Izham, program peduli rakyat ini akan diadakan berterusan ekoran sambutan orang ramai yang sangat menggalakkan.

Kataya, kini penduduk sekitar sudah mengenali AMANAH.

Tidak mustahil, katanya, AMANAH



Antara orang ramai yang berbaris untuk mendapatkan khidmat pemeriksaan kesihatan percuma dalam program AMANAH di Cempaka.

akan bertanding di Dun Cempaka ini dalam PRU akan datang.

Dalam PRU yang lalu, Parlimen Pandan, di mana terletak Dun Cempaka, telah dimenangi oleh Rafizi Ramli dengan jumlah undi besar,

48,183 undi menewaskan dua lagi pencabarnya.

Penyandang Dun Cempaka, Iskandar Abdul Samad dari Pas pula menewaskan Muhammad Faizal Sufar (Umno-BN).

## Bekas JK Teknikal Hudud keluar Pas sertai AMANAH

**KECEWA** dengan tindakan Pas khususnya dalam membelakangkan 'roadmap' pelaksanaan Syariah yang dirancang oleh Jawatankuasa Teknikal peringkat Persekutuan, bekas Pengerusi Lajnah Undang-Undang Pas Kelantan Hisham Fauzi bertindak keluar Pas dan menyertai Parti Amanah Negara (AMANAH).

Hisham yang juga Ahli Jawatankuasa Teknikal Hudud Kelantan, Ahli Jawatankuasa Penggubal Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015

dan Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah Persekutuan (mewakili negeri Kelantan) menyerahkan borang ahli AMANAH pada satu majlis terbuka puasa di sebuah restoran di Kuala Lumpur, 30 Mei lalu.

Penyerahan borang itu dibuat kepada Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional Mohamed Hanipa Maidin yang juga Pengerusi Biro Undang-Undang AMANAH (Kanun), sambil disaksikan oleh Timbalan Setiausaha Agung AMANAH Abang Ahmad

Kerdee Abang Masagus serta Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Faiz Fadzil, Ahli Jawatankuasa Biro Guaman DAP Kedah Zulhazmi Shariff dan ahli jawatankuasa Kanun yang lain.

Ketika berucap pada majlis itu Hisham berkata, beliau akan terus komited untuk meningkatkan syiar Islam termasuk usaha ke arah pelaksanaan undang-undang Islam berteraskan maqasid (matlamat) syariah.

"Islam adalah rahmat bagi sekalian alam ini. Orang Islam harus mempunyai sifat membawa rahmat dan manfaat kepada manusia lain.

"Saya akan sentiasa mencuba mencari sudut terbaik bagi membantu meningkatkan syiar Islam dan pelaksanaan syariah Islam dengan perhatian khusus kepada maqasid syariah. Ini komitmen saya," katanya. Penyerahan borang menyertai AMANAH itu dibuat selang beberapa hari selepas beliau tampil di pentas Ceramah Pakatan Harapan di Pengkalan Chepa, 25 Mei lalu.

Berucap pada majlis itu, Hisham berkongsi kekecewaannya terhadap tindakan Pas melalui presidennya yang membawa Rang Undang-Undang 355 (RUU 355) yang disifatkan membelakangkan Jawatankuasa Teknikal dan merosakkan semua perancangan asal bagi memperkasa syariah di negara ini.

"Kita kena menghadapi Raja-Raja Melayu terlebih dahulu sebab bidang kuasa mahkamah syariah ini duduk bawah majlis raja-raja. Raja tandatangan, bentang di parlimen, barulah tiada ahli parlimen Melayu akan bantah.

"Ini kaedah sebenar. Bila Pas bawa kucar-kacir habis. Himpunan RUU 355 (di Padang Merbok) bukan perkara yang dipersetujui (jawatankuasa)," ujarnya sambil menambah polemik itu sudah memakan masa lebih dua tahun.

Ekoran tindakan tidak bijak itu katanya, kini tiga daripada enam Ahli Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Syariah Persekutuan telah menyertai AMANAH termasuk beliau sendiri.

Mereka yang dimaksudkan beliau adalah Dr Zulqarnain Luqman dan juga Termizi Abdullah yang kini masing-masing menyandang jawatan Timbalan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Kanun.

Mengulas kemasukannya ber-

sama AMANAH, Hisham berkata beliau berpegang kepada pesan Allahyarham Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa masa depan untuk membina Malaysia baru adalah bersama Pakatan.

"Almarhum Tok Guru Nik Aziz pernah berkata, perjalanan kita masih panjang, noktah perjuangan kita masih jauh, namun tanda-tanda kemenangan sudah kelihatan.

"Walaupun guruh di langit bukan menandakan hujan akan turun, namun sekurang-kurangnya telah ada harapan untuk menyaksikan kemarau berakhir.

"Lantaran itu, ingin saya ingatkan sekali lagi bahawa masa depan ialah bersama Pakatan Rakyat di dalam membina Malaysia yang baru," katanya memetik kata-kata bekas Mursyidul Am Pas itu.

Selain isu pelaksanaan syariah, bekas Timbalan Pengarah Pilihan Raya Pas Kelantan itu juga kecewa dengan perubahan mendadak Pas yang kini tidak lagi berminat untuk mersama arus perubahan rakyat malah dilihat lebih mesra Umno-BN.

Malah beliau menyifatkan pemimpin Pas termasuk ahli parlimen parti itu seperti "pasu bunga" kerana tidak menunjukkan pendirian jelas membela rakyat dan masa depan negara.

"Negara kita sedang bermasalah, sikap ulamak dan parti Islam macam mana? Apa yang menyebabkan saya sedih dengan Pas, bila Najib bentang belanjawan 2017. Bila pembangkang-pembangkang lain membantah, undi tolak bajet tetapi wakil-wakil Pas berkecuali sedangkan kita mahu tunjukkan pada Najib yang kita marah pada BN.

"Kita mahu parti yang jelas sikapnya kepada Umno-BN. Kalau musuh, katakan musuh. Kalau duduk dalam, duduk dalam. Kalau duduk luar, duduk luar," katanya.

## Terjemah disiplin bulan Ramadan dalam kehidupan

**SELAIN** dijanjikan dengan pelbagai kelebihan, bulan Ramadan juga menjadi medan kepada umat Islam melatih diri untuk berdisiplin dan amanah bukan sahaja kepada Allah, tetapi juga kepada diri sendiri.

Dalam perutusannya sempena kehadiran Ramadan, Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH) Mohamad Sabu berkata, disiplin sendiri yang dipupuk sepanjang Ramadan perlu diterjemahkan dalam kehidupan seharian, lebih-lebih lagi bagi mereka yang bergelar pemimpin.

"Ramadan ini bulan ujian untuk melihat kita membuktikan ketaatan kepada Allah. Seharusnya amanah kepada diri dalam bulan Ramadan itu dapat diterjemahkan dalam kehidupan seperti tidak rasuah dan tidak membolot kekayaan negara untuk kepentingan diri.

"Gabungan semua disiplin ini akan lahirlah pemer-

intah yang melaksanakan urusan tadbir yang baik, bukan semata-mata undang-undang mengawal kita tapi disiplin atau paling tepat taqwa kepada Allah yang kita capai dalam bulan Ramadan ini menjadi perisai kepada kita," katanya.

Selain itu katanya, Ramadan juga perlu dijadikan medan muhasabah kepada diri bagi menyedarkan bahawa kita adalah seorang hamba yang serba lemah.

Malah katanya, semangat Ramadan ini juga perlu menjadi medan untuk kita lebih peduli kepada masyarakat disamping mendidik agar membenci rasuah dan salah guna kuasa.

"Semoga amalan Ramadan kali ini juga menzahirkan kita menjadi insan bertaqwa dan peduli kepada masyarakat serta meningkatkan kefahaman terhadap amar makruf nahi mungkar dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa," katanya.



# Logo PH bakal diperagakan



Tun Mahathir menjawab soalan pemberita di samping Mohamad Sabu selepas mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan.

**P**UTRAJAYA: Pakatan Harapan akan memperagakan logo gabungan politik itu pada 9 Jun ini dengan menggunakan singkatan nama 'Harapan'.

"Kita akan umum 9 Jun ini hari Jumaat dan sepakat guna 'Harapan,'" ujar Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tun Mahathir Mohamad.

Tun Mahathir menjawab soalan pemberita selepas mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan di Yayasan Kepimpinan Perdana, dekat sini, petang 31 Mei lalu.

Para pemimpin Pakatan Harapan dan teta-

mu khas turut berbuka puasa, solat Maghrib, Isyak dan Terawih berjemaah.

Pada 16 Mei lalu Majlis Setiausaha Pakatan Harapan mengumumkan telah menyenarai pendek 10 logo daripada 330 penyertaan untuk dipaparkan di laman rasmi Pakatan Harapan.

Bagaimanapun Pengarah Majlis Media Pakatan Harapan Fahmi Fadzil ketika ditemui pemberita memaklumkan, Majlis Presiden telah pun memilih logo gabungan itu dan akan diperagakan sebelum mengemukakan borang pendaftaran ke Pejabat Pendaftar Pertubuhan (RoS).

"Kita sudah buat senarai pendek hanya satu logo dipilih. Kita ada buat sedikit perubahan ke atas logo yang dipilih itu dari segi jenis font dan saiz tulisan dan nama yang akan digunakan.

"Dalam masa terdekat sewaktu buat proses pendaftaran ke RoS, kita akan paparkan, kita tidak mahu tunjuk lebih awal," ujarnya.

Ditanya tentang peluang khalayak untuk menilai 10 logo yang disenarai pendek

seperti diumumkan sebelum ini, Fahmi yang juga Pengarah Komunikasi Keadilan berkata pandangan umum telah diambil kira dalam proses awal mereka cipta logo.

Antara pemimpin Pakatan Harapan yang hadir pada majlis tersebut ialah Presiden Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Penasihat DAP Lim Kit Siang, Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Presiden PPBM Mukhriz Mahathir, Presiden Warisan Datuk Seri Shafie Apdal dan Setiausaha Majlis Pakatan Harapan Datuk Saifuddin Abdullah.



Dr Wan Azizah dan Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar selepas mesyuarat di Yayasan Kepimpinan Perdana.

## Jangan guna akta drakonian untuk hukum The Star

**KUALA LUMPUR:** Walaupun kesal dengan tindakan akhbar The Star yang menyiarkan berita berhubung penganas Islam dan foto umat Islam bersolat Terawih di muka hadapan akhbar itu, Pemuda AMANAH Nasional tidak mahu akhbar harian berbahasa Inggeris itu dikenakan tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Timbalan Ketua Faiz Fadzil berkata, insiden ini perlu menjadi pengajaran terbaik kepada semua pihak di negara ini bagi mempromosikan permuafakatan kaum dan agama sebagai agenda nasional.

Usaha ini, katanya penting bagi memastikan kemakmuran dan keamanan negara ini terus terpelihara.

"Sensitiviti kaum dan agama hendaklah sentiasa diutamakan. Justeru, kami percaya pihak media harus memainkan peranan penting menjayakan agenda ini," ujarnya dalam satu kenyataan.

Pada 27 Mei lalu akhbar berbahasa Inggeris itu telah memaparkan di muka hadapan foto dan keterangan gambar umat Islam sedang mengerjakan solat terawih pada hari pertama Ramadan di bawah tajuk "Malaysian Terrorist Leader".

Ini mencetuskan kritikan daripada pelbagai pihak, pemimpin parti politik dan badan bukan kerajaan (NGO), yang menyifatkan tajuk berita dan keterangan gambar itu sebagai tidak sensitif terhadap perasaan masyarakat Islam.

Pada 30 Mei, Kementerian Dalam Negeri memanggil empat editor The Star untuk menjelaskan tajuk, foto dan keterangan gambar yang seolah-olah menunjukkan umat Islam ada kaitan dengan penganas.

The Star kemudian diberikan masa tujuh hari untuk menjawab surat mengapa tindakan tidak boleh diambil terhadap akhbar itu di bawah

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, termasuk menggantung permit penerbitannya.

Polis juga telah membuka kertas siasatan di bawah Akta Hasutan dan Seksyen 298A Kanun Keseksaan seperti diumumkan Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar, 30 Mei lalu.

Menurut Faiz, AMANAH sebagai parti yang menjunjung kebebasan dan hak asasi seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan menyifatkan penggunaan dua akta tersebut adalah keterlaluan.

Ujarnya lagi, sebarang tindakan undang-undang di bawah Akta Hasutan 1948 dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 atau mana-mana undang-undang drakonian yang menyekat kebebasan media tidak seharusnya berlaku.

"Pemuda AMANAH Nasional mengambil pendirian bahawa ke-luhuran Perlembagaan dan undang-undang hendaklah dipelihara demi menyuburkan amalan demokrasi di dalam negara ini," ujarnya.

Pada 28 Mei lalu, Ketua Pemuda AMANAH Nasional Mohd Sany Hamzan menuntut The Star memohon maaf kepada umat Islam negara ini kerana menimbulkan persepsi negatif berhubung ibadat orang Islam.

Sebagai media yang bertanggungjawab terhadap sebarang laporan yang disediakan, The Star katanya perlu mengakui kekhilafan mereka dan wajar menjernihkan suasana.

The Star pada 29 Mei telah menyatakan permohonan maaf dan memperjelaskan pihaknya tidak berniat untuk menyinggung perasaan umat Islam.

Mengulas lanjut, Faiz berkata pihaknya menerima permohonan maaf akhbar The Star yang dibuat secara terbuka.

Oleh itu, beliau menyarankan semua pihak bersikap terbuka dengan insiden yang telah berlaku itu.

"Kami menggesa agar semua pihak bersikap terbuka dan mahabbah untuk menerima permohonan maaf tersebut kerana agama Islam menganjurkan sikap berkasih sayang dan kemaafan di atas keterlanjuran sesuatu perkara sebagai nilai penting Islam sebagai agama rahmat," ujarnya.

Pada 31 Mei lalu, dua editor kanan The Star telah digantung tugas berikutan siasatan terhadap muka hadapan akhbar itu.

Menurut The Star Online, dua editor itu ialah Ketua Pengarang Datuk Leanne Goh Lee Yen dan Pengarang Eksekutif Dorairaj Nadason.

## Laporan polis terhadap SPR di seluruh negara

**SHAH ALAM:** Pemuda AMANAH Selangor membuat laporan polis terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ekoran keengganan badan pengendali pilihan raya itu mendedarkan Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) kepada parti-parti politik.

Menurut Timbalan Ketua Pemuda Danial Al-Rashid Haron, laporan itu dibuat bagi menggesa satu siasatan dibuat sama ada wujud salah guna kuasa mana-mana

pihak yang mendorong kepada tindakan SPR itu.

"Tindakan SPR yang bertentangan dengan undang-undang dan perlembagaan ini juga menimbulkan kebimbangan kerana tanpa RDPT ini, pelbagai manipulasi dan penipuan terhadap daftar pemilih akan dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab melalui SPR," katanya kepada pemberita selepas membuat laporan di ibu

pejabat polis (IPD) Shah Alam, 31 Mei lalu.

Dalam perhimpunan 23 Mei lalu, Pemuda dan Wanita Pakatan Harapan bertindak mengunci pintu pagar ibu pejabat SPR di Putrajaya selepas badan itu didakwa enggan menerima bantahan mereka.

Setakat berita ini ditulis, laporan polis terhadap SPR telah dibuat di Johor, Negeri Sembilan, Perak, Kelantan dan Sabah.

## Minda Pengarang

### Gejala ekstremisme perlu dihalang

**EKSTREMISME** dalam bentuk apapun, sama ada berbentuk perkauman, pelampau agama, puak dan apa saja gejala yang menjurus kepada fahaman dan perlakuan ini perlu ditentang kerana ia pemusnah kemanusiaan, rakyat dan negara.

Ia bukan datang dari Islam, justeru Islam sebagai agama 'Rahmatan Lil-Alamin' (rahmat seluruh alam). Ia sebuah agama cinta damai. Pelbagai ayat Al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. menjelaskan semuanya ini.

Kita mengambil perhatian mengenai gejala buruk ini, justeru ia suatu kejahatan, kerana terutama sejak akhir-akhir ini, terdapat pelbagai peristiwa yang didorong oleh ekstremisme yang semakin bermunculan bukan saja di negara Arab tetapi juga di rantau sebelah sini, seperti di Selatan Filipina, Indonesia dan lain-lain.

Gambarkan bagaimana kesan buruk yang melanda hampir seluruh dunia. Pengeboman dan pelbagai serangan di Eropah, Indonesia dan tempat lain sangat mengerikan. Ini menyebabkan Islam digambarkan sebagai agama teroris yang sangat menakutkan. Pada hal fahaman yang melampau ini bukan datang daripada Islam.

Maka itu, perbuatan yang dilakukan oleh golongan ekstremis ini perlu ditentang oleh semua pihak secara bersepadu, kerana ia adalah sebuah malapetaka. Di dalam negeri, gejala ekstremisme ini semakin ketara pula dilakukan oleh golongan tertentu yang didorong oleh kebencian terhadap pihak yang bukan dari golongan mereka.

Apa yang berlaui di Pulau Pinang, dan peristiwa buku tulisan Hannah Yeoh dan beberapa peristiwa lain menggambarkan gejala ekstremisme ini semakin meningkat.

Perlu diingat, bagaimana peristiwa di Makkah sebelum Islam di mana

orang Quraish melakukan kekejaman terhadap umat Islam.

Lalu Naabi s.a.w. mengarahkan Jaafar Al-Siddiq mengumpul orang Islam di Makkah supaya berhijrah ke Habasyah, Pada waktu itu Habasyah diperintah oleh Raja Najasyi yang beragama Kristian. Kata Nabi s.a.w, "Pergilah ke Habasyah, rajanya seorang Kristian, tetapi sangat adil."

Oleh itu sangat wajar bagi semua pihak meneladani sikap dan pertimbangan rasional Nabi s.a.w. ini. Tidak pernah ada di dalam Islam, khusus melalui hukumnya yang melarang orang bukan Islam memasuki masjid, berbuka puasa, menyampaikan bantuan dan sebagainya.

Oleh itu, entah dari mana golongan ekstremis ini mendapat 'petunjuk' hingga sanggup melakukan perbuatan melampau ini. Kita amat khuatir, perbuatan keji ini akan semakin berleluasa terutama menjelang Pilihan Raya Umum ke-14.

Maka itu semua pihak, rakyat yang rasional, harus menggunakan pertimbangan dan kewarasan bagi menentang gejala buruk ini yang boleh merosakkan segala-galanya.

Gejala ekstremisme ini dilihat datang daripada golongan yang menjadi mangsa kepada rasa 'rendah diri' yang mengakibatkan golongan ini tidak lagi bersikap normal dan rasional, lalu mengambil sikap melampau untuk memuaskan hati mereka.

Oleh itu, sekali lagi kita sangat bimbang akan sikap kebencian seperti ini.

Maka itu, sempena bulan Ramadan yang mulia ini, mari kita memelihara keharmonian dalam segala bentuk, keadaan dan tempat pada semua masa. Mari kita sama-sama memelihara imej Islam supaya tidak dicemari oleh golongan pelampau ini.

Selamat menyambut Ramadan Kareem.

## Tingkat agenda reformasi, islah dalam perjuangan



**KEBEJATAN** sosial, penindasan, ketidakadilan dan bermacam-macam lagi tindakan yang menyimpang daripada tuntutan Islam berlaku dengan rancaknya. Seharusnya golongan 'muharrik Islam' mesti bersiap-siaga dengan segala persiapan yang jitu bagi menghadapi kerosakan ini untuk dipulihkan dengan sesegera yang mungkin.

Bahkan perlu kepada sikap tegas dengan watak keras membenci dan menolak untuk bekerjasama dengan golongan zalim ini. Dorongan ke arah Islah terpapar dalam Surah al-An'am: 48, Surah al-Araf: 35, Surah al-Syura: 40, Surah al-Maidah: 39, Surah al-Baqarah: 224, Surah al-Nur: 5, Surah Ali Imran: 89 dan lain-lain.

Seharusnya, kejayaan yang telah dikecapi oleh generasi terdahulu perlu diteruskan dengan rentak istiqamah yang sebenar dan dilakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa berdasarkan susunan perancangan yang rapi dan teliti.

Bukan sembrono dan bersikap oportunistik demi dunia.

Prinsip dan idealisma perjuangan

mesti kekal iaitu menolak sekeras-kerasnya segala bentuk kejahatan, keburukan, kezaliman dan penindasan.

Para penggerak Parti Amanah Negara di semua lapisan dan peringkat seharusnya menghayati pesan al-Syahid al-Imam Hasan al-Banna: "Sesungguhnya tugas kita yang utama ialah dua perkara iaitu membuat reformasi dan peningkatan. Iaitu, membuat reformasi atau

institusi lantaran kerosakan yang kian parah telah berlaku.

Parti Amanah Negara dan Pakatan Harapan perlu bersama-sama memperbaiki jati diri, kesentosaan keluarga, kesepaduan parti, keutuhan bangsa dan rakyat di samping mengorak langkah untuk meningkatkan taraf hidup rakyat kepada yang lebih baik dan ini menjadi tunjang dalam perjuangan.

Ini serentak dengan peningkatan

**... Parti Amanah Negara bersama Pakatan Harapan dengan agenda reformasi institusi lantaran kerosakan yang kian parah telah berlaku.**

islah dan meningkatkan kualiti seseorang Muslim daripada satu peringkat kepada satu peringkat serta membawa umat Islam dan rakyat meningkatkan kualiti kehidupan mereka daripada suatu peringkat ke suatu peringkat yang lebih tinggi."

Pesanan ini, menampilkan makna inti kepada kita bahawa reformasi dan peningkatan itu merupakan perkara utama yang perlu diusahakan dan digerakkan. Parti Amanah Negara bersama Pakatan Harapan dengan agenda reformasi

mutu kerjasama, kemesraan perhubungan kemanusiaan, program permuafakatan ke arah mencapai kemenangan dalam pertarungan di dunia dan di akhirat.

Inilah tuntutan Islah dalam Parti Amanah Negara dan Pakatan Harapan. Allah berfirman dalam Surah al-Anfal ayat 1, maksudnya: "Bertakwalah kepada Allah dan pulihkan hubungan sesama kamu. Taatilah Allah dan RasulNya jika kalian manusia beriman."

**"Tahniah! Ramai di kalangan masyarakat mula membenci perbuatan maksiat. Mereka meninggalkan maksiat dan mengajak orang lain untuk meninggalkan maksiat.**

**Wajar untuk kita terus memberi penerangan dengan kasih sayang, betapa jelik dan jijiknya sesuatu perbuatan maksiat kepada orang ramai. Tetapi janganlah kita mengikut budaya jahiliah dengan memaki hamun pelaku maksiat itu."**

**USTAZ HASANUDDIN MOHD YUNUS  
NAIB PRESIDEN AMANAH**



# Kita lawan, kita menang!

**BARANGKALI** tidak ramai yang ingat kes #KitaLawan dan #PecatIGP. Bermula dengan pemeneraan Anwar Ibrahim pada 10 Februari 2015, satu kempen #Kita Lawan telah dilancarkan untuk mendesak agar Ketua Pembangkang Parlimen ini dibebaskan.

Seperti biasa, penangkapan dan penahanan berlaku, sungguhpun hak berhimpun termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, dijamin pula di bawah Akta Perhimpunan Aman.

Beberapa orang pemimpin politik utama #Kita Lawan ditahan dan direman, misalnya Ketua Angkatan Muda KeADILan Nik Nazmi. Paling dramatik apabila Nurul Izzah, ahli parlimen Lembah Pantai, Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat, anak sulung kepada Anwar Ibrahim, yang hadir untuk diambil keterangan, direman dan terpaksa bermalam di lokap Balai Polis Jinjang.

Ketua Polis Negara yang pada mulanya menjanjikan pembedaan Nurul selepas keterangan direkod, dibidas lantaran kejadian tersebut. Justeru, satu kempen #PecatIGP dilancarkan sebagai protes terhadap Ketua Polis Negara kerana Khalid Abu Bakar dituduh telah berbohong dalam kenyataan rasminya.

Penangkapan dan penahanan berlaku untuk mematahkan ger-

akan #KitaLawan, namun Sekretariat Kita Lawan telah mengumumkan satu protes "Duduk Bantah" di Dataran Merdeka, untuk tempoh seminggu, bermula dari 21 Mac hingga 28 Mac 2015. Banner besar mendesak agar Ketua Polis Negara Khalid Abu Bakar dipecat telah dinaikkan di tapak "Duduk Bantah", iaitu tengah-tengah pusat bandaraya.

Dan di sini juga berlakunya kes yang akhirnya mengheret Adun Teja Chang Lih Kang, Adun Simpang Pulai Tan Kar Hing, dan empat orang lagi aktivis ke mahkamah sepanjang dua tahun ini.

Perbicaraan yang berlanjutan sememangnya meletihkan. Ribuan, puluhan malah ratusan ribu manusia boleh turun bersama anda untuk memeriahkan perhimpunan, tetapi tidak ramai yang mampu bersama anda setiap kali perbicaraan mahkamah berlangsung.

Keenam-enam tertuduh ini terpaksa berhempas pulas ke mahkamah, lebih-lebih lagi dua orang Adun KeADILan ini menetap di negeri Perak. Sudah tentu ia menguji sejauh mana seseorang itu mampu menahan tekanan, keletihan dan kesepian sepanjang



**Siang-Malam**  
Lim Hong Siang

perjuangan ini.

Saya masih ingat kes ini sungguhpun ia berlaku pada dua tahun yang lalu. Pembangkang padahal mulai retak sebelum Anwar disumbat ke dalam penjara. Pas jelas tidak terpan-

gil untuk menggembelng akar umbinya ke perhimpunan ini. Justeru, pemeneraan Anwar tidak mencetuskan gelombang yang terlalu besar.

Di samping itu, ada suara dalam komuniti Cina yang mendesak agar gerakan #Kita Lawan mengambil pendekatan yang agresif dan radikal. Mereka disindir kerana sekadar "lawan sampai petang", dan tidak berani untuk "occupied" tapak-tapak strategik agar penguasa berganjak dengan tindakan protes tersebut. Ringkasnya, tindakan #KitaLawan ini dianggap tidak akan mendatangkan kesan terhadap regim Umno-Barisan Nasional.

Namun, jikalau dilihat dalam kerangka yang lebih besar, kita akan memahami dilema pembangkang ketika itu. Kuasa pembangkang gagal disatukan, dan ia pecah berkecai. Mencabar Umno-BN dengan kekuatan sedemikian sememangnya mengundang maut. Namun ia tidak bererti kita

harus pasrah dan menyerah diri begitu sahaja. Maka mujurlah ada juga sekumpulan pemimpin muda yang sanggup menggalas misi untuk melakukan sesuatu, sungguhpun usaha ini diperkecil dan diperlekehkan.

Saya sempat menjenguk rakan yang "Duduk Bantah" sebelum ia digulung tikar. Lebih kurang seratus orang, kelompok yang agak kecil, datang bergilir-gilir selepas Mat Sabu, Hishamuddin Rais dan lain-lain ditangkap. Semuanya wajah-wajah yang dikenali, bagi sahabat lama yang tetap enggan berganjak sungguhpun sedar risikonya.

la sekadar tanda solidariti. Kita tidak menaruh harapan bahawa kehadiran kita di situ bakal membawa sebarang perubahan. Namun kerana dijanjikan protes ini berlangsung dari 21 hingga 28 Mac 2015, maka kita cuba pastikan ada sahaja orang di situ setelah rakan seperjuangan yang lain ditangkap.

Antara tuduhan terhadap Chang Lih Kang, Tan Kar Hing dan lain-lain adalah menghalang anggota Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) daripada menjalankan tugas. Saya difahamkan bahawa banner Pecat IGP cuba diturunkan, dan rakan di situ cuba mempertahankan haknya untuk menegakkan banner itu.

Inilah proses demokrasi. Bukan

sahaja rakyat perlu sedar dan bangkit untuk mempertahankan hak asasi, tetapi sang penguasa juga perlu belajar untuk menerima hakikat bahawa rakyatnya memiliki hak tersebut. Sungguhpun mungkin tidak selesa dipandang, terasa kewibawaan diri dicabar, tetapi apa yang harus dilakukan adalah membuktikan dengan prestasi bahawa tuduhan dan desakan rakyat tidak munasabah.

Dengan kata lain, IGP harus membuktikan bahawa dirinya menjalankan tugas dengan profesional untuk menyanggah tuntutan agar dirinya meletak jawatan.

Saya tidak menjangkakan kemenangan keenam-enam tertuduh dalam kes ini. Penghakiman ini satu langkah ke depan, bahawa semua pihak, khususnya penguasa harus membiasakan diri ketika berdepan dengan kritikan. Ia tidak harus ditangkis dengan penindasan atau cengkaman, sebaliknya ruang untuk hak bersuara, berhimpun, mengkritik wajib dihormati dalam sesebuah masyarakat yang meraikan demokrasi.

Sering kali kita lawan dan tewas. Kali ini kita lawan, kita menang. Iktibarnya, kita berkemungkinan besar kalah sungguhpun lawan, tetapi kita akan terus kalah jikalau henti lawan.


## Ramadan mengajar kesederhanaan, mengingatkan pesan Al-Quran

**Ketika** menyambut Ramadan Kareem ini saya teringat beberapa peristiwa di kampung saya, di sebuah desa di Tanjung Piai, Pontian Johor. Setiap kali Ramadan tiba, beberapa orang tua di kampung saya menangis terisak-isak, berpelukan di masjid kami sebelum solat tarawih.

Mereka sangat gembira menyambut Ramadan, bagaikan suatu hidangan yang amat lazat diturunkan oleh Allah s.w.t. Mereka orang kampung yang sangat sederhana pengetahuan agamanya. Tetapi menghayati sepenuhnya Ramadan itu.

Mereka berpuasa sekadarnya dengan hidangan kampung, bukan dengan buffet Ramadan yang mewah di restoran atau hotel ternama di kota. Tetapi mereka ini menikmati Ramadan lebih daripada segalanya.

Di penghujung Ramadan, di



**CETUSAN MINDA**  
ABDUL SHUKUR HARUN

malam hari raya, ketika kanak-kanak bergembira dengan bunga api dan mercun padi, orang-orang tua tadi, yang menangis gembira menyambut kedatangan Ramadan, kini menangis sekali lagi.

Mereka bukan lagi gembira, tetapi amat sedih kerana berpisah dengan Ramadan, yang kata mereka entah berjumpa atau tidak pada tahun-tahun hadapan. Mereka bercucuran air mata berpelukan, seperti enggan melepaskan Ramadan Kareem itu.

Demikianlah suasana di kampung, di tengah orang-orang tua yang sangat warak.

Kini bulan Ramadan terus mmeriah. Masjid dan surau — di

mana-mana bergemarlapan dengan cahaya kemeriahan. Ada masjid dan surau berkarpet baru dan semua peralatan begitu canggih.

Umat Islam berbondong-bondong mendatangi masjid dan surau. Ada masjid menyediakan iftar (berbuka puasa) dan morey selepas tarawih. Demikianlah meriah dan kudusnya Ramadan.

Tetapi apakah natijah sebenarnya Ramadan ini, selain daripada mengajar akan erti lapar dan dahaga serta mengingati turunya Al-Quran? Di sinilah tersimpul makna Ramadan ini, iaitu panas dan menahan diri daripada segala kemungkinan.

Bagi yang telah lama hidup, banyak kalilah ia melalui Ramadan. Tetapi apakah kesan Ramadan itu sendiri padanya.

Ramadan Kareem ini mesti dijalani beriringan dengan mencegah segala bentuk

kemungkaran. Oleh itu ketika menyambut bulan mulia ini masihkah kita terus menerus bergelut dengan pelbagai kemungkaran? Bagaimana dengan perihal perlakuan rasuah, penipuan, penyelewengan, pembaziran, salah guna kuasa dan sebagainya.

Sepatutnya Ramadan yang telah kita dijalani berulang kali semakin menjauhkan kita daripada segala kemungkaran itu. Maka, sangat wajar di bulan yang mulia ini kita memikirkan kembali persoalan ini sedalam-dalamnya, jika mahu benar-benar menghayati Ramadan ini.

Al-Quran yang diturunkan di bulan yang mulia ini menebarkan pengajaran bagaimana sewajarnya umat Islam itu melaksanakan tuntutan Islam sebagai *Rahmatan Lil Alamin* (rahmat seluruh alam).

Betapa Al-Quran meletakkan status dan fungsi umat Islam seb-

agai umat pertengahan, yang adil dan Rasul sendiri sebagai saksi seperti maksud Surah Al-Baqarah, ayat 134. "Umat Islam itu dijadikan sebagai umat pertengahan, menjadi pengadil kepada manusia dan Rasul menjadi saksi."

Menekuni ayat ini didapati bahawa umat Islam berpaksikan kesederhanaan. Menjadi pengadil dan pengeimbang. Betapa penting dam luhurnya peranan umat Islam. Ia bersikap sederhana, toleransi dalam batas-batas yang dibenarkan oleh Islam. Ia anjal, tidak boleh dipatahkan.

Demikianlah petunjuk Al-Quran yang diturunkan dalam bulan Ramadan ini. Oleh itu, malam Ramadan ini, bukan sekadar bertarawih, membaca Al-Quran, berzikir dan sebagainya, tetapi merenung dan berfikir, sedalam-dalamnya, mengenai pesan Al-Quran dan melaksanakan tuntutannya.

# Ramadan datang lagi

**R**AMADAN datang lagi. Bulan mulia, bulan perjuangan yang kekal di tinta sejarah, bulan yang mengasyikan bagi para abid dan para mujahid sejak zaman Al-Rasul s.a.w. hingga ke zaman kita. Dari zaman Bahari hingga kini, bulan berkah ini sentiasa membuka lembaran baru.

Ramadan mengimbau kenangan, menyentuh emosi dan perasaan mengenangkan di Ramadan 1436H lebih dua tahun yang lalu kami para pencinta Islam bertungkus-lumus menyatukan pemikiran, merancang dan melaksanakan strategi penerangan ke seluruh negara bagi memperjelaskan tuntutan pembentukan sebuah wadah politik baru.

Sejarah Ramadan 1436H ini didahului oleh wacana dan dialog di Melawati, Hulu Kelang pada hari Ahad, 27 Syaaban 1436 (14 Jun 2015) di mana perwakilan tiga orang dari setiap negeri bermuzakarah bersama ahli-ahli akademik yang menghasilkan sebuah konsensus, berusaha menggerakkan sebuah wadah politik baru.

Sebuah deklarasi yang dipanggil Deklarasi Melawati mengisytiharkan, "Wacana Melawati mengambil keputusan berdasarkan dapatan minda peserta dengan ini secara konsensus bersetuju menubuhkan parti baharu yang berteraskan Islam, merangkumi ciri-ciri progresif, demokratik, moderat, berintegriti dan mendokong Pakatan Rakyat".

Pada hari Selasa, 29 Syaaban 1436H (16 Jun 2015) pada jam 5 petang di Hotel Traders, Muar pertemuan tokoh-tokoh Pas yang digelar G18 menubuhkan Gerakan Harapan Baru (GHB) bagi mendapatkan pandangan rakyat, keperluan menubuhkan parti baru berteraskan Islam yang berciri progresif dan inklusif.

Seterusnya pada malam awal Ramadan satu majlis ceramah perdana yang menghimpunkan tokoh-tokoh ternama itu diadakan di Bakri, Muar atas nama Majlis Jasamu Dikenang. Ribuan pendokong hadir memberikan sokongan, laungan "Harapan Baru" mula berkumandang dan disela oleh laungan Parti Baru! Parti Baru! Parti Baru!

Di bulan Ramadanlah parti ini mendapat nama: Parti Amanah Negara (AMANAH) dengan nilai-nilai pegangan Inklusif, Amanah, Progresif dan Peduli.

Di bulan Ramadan itulah kita melakarkan

**“ Kita berharap semangat Ramadan yang penuh keberkatan ini akan menjadikan pimpinan dan anggota parti ini khususnya dan rakyat Malaysia amnya menjadi lebih pengasih dan dapat hidup bersama tanpa dipisahkan oleh bahasa dan agama.”**

visinya: Menjadi parti Islam utama di Malaysia sehingga wujudnya sebuah negara yang adil, beramanah dan rahmah untuk semua.

Misinya: Menawarkan kepimpinan dan tadbir urus yang Amanah, Progresif dan Peduli bagi mensejahterakan seluruh rakyat dan memakmurkan negara bersendikan tuntutan Maqasid Syariah; dan slogannya: Harapan Baru.

Sejak dari pelancaran parti pada 16 September 2015, berbekal dengan semangat Ramadan 1436H, para pemimpin dan penggerak Parti Amanah Negara bekerja keras memperkenalkan politik baru berteraskan din ul haq. Parti Amanah Negara (AMANAH) tampil sebagai golongan politikal Islam generasi kedua yang ingin membawa perubahan, pendekatan dan penampilan di era baru.

"Dengan fenomena baru dalam dunia keilmuan Islam yang mutakhir ini yang disebut sebagai as-Sahwah al-Maqasidiyyah atau Kebangkitan Maqasid seolah-olah tampil memberikan suntikan baru kepada semangat Gen-2 untuk terus menerjah dan menggarap pelbagai cabaran masyarakat moden serta 'modernity' bersekali dengan segala kepelikannya..." (Generasi Kedua Politikal Islam Wacana Baru Politikal Jilid I, suntikan Mazlee Malik dan Zulkifli Hasan, ilhambooks 2016)

Tema Islam rahmatan lil'alamin, Rahmat Untuk Semua diterapkan dengan menggarap seluruh kemampuan yang ada pada para pimpinan dan anggota-anggota parti. Kita bukan sahaja menolak faham perkauman sebagai satu jenayah yang paling menjengkelkan bahkan berusaha untuk berinteraksi dengan semua sesuai dengan semangat Al Quran yang tidak saja menekankan soal persamaan, keadilan dan kelestarian.

"...justeru mengingatkan betapa Al Quran sentiasa menegaskan manusia itu perlu bersikap pluralis, inklusif, egaliter dan kosmopolit

bukan bersikap sebaliknya eksklusif, rasialis, ekstremis atau fanatisme kesukuan." (Beda Mashab, Satu Islam, Umar Shihab, Jakarta 2017)

Kepimpinan parti di berbagai peringkat telah dibuka kepada warganegara bukan Melayu dan bukan Islam. Acara dan program parti sentiasa terbuka kepada semua tanpa pilih kasih, pilih kaum, pilih budaya dan pilih kepercayaan. Majlis-majlis terbuka puasa disertai oleh berbagai golongan termasuk orang bukan Islam dan sumbangan-sumbangan kebajikan kepada golongan miskin dan yang memerlukan diberi kepada semua termasuk bukan penganut Islam.

Kita berharap semangat Ramadan yang penuh keberkatan ini akan menjadikan pimpinan dan anggota parti ini khususnya dan rakyat Malaysia amnya menjadi lebih pengasih dan dapat hidup bersama tanpa dipisahkan oleh bahasa dan agama.

Alangkah buruknya sikap setengah dari orang Islam yang secara keras menolak kehadiran golongan bukan Islam ke majlis-majlis yang diadakan di sepanjang Ramadan.

Saya masih ingat kira-kira 30 tahun yang lalu ada seorang tokoh gerakan Islam dari Tamil Nadu mengunjungi kami di Petaling Jaya, Maulana dari Pergerakan Jamiat Islami, India itu menceritakan betapa beliau melihat seorang lelaki Hindu yang sering berdiri mere-nung ke dalam masjid dari pintu pagarnya. Bila Sang Maulana menegurnya, "kenapa hanya berdiri di situ, jemputlah masuk ke halaman dan ruang rumah Tuhan ini."

Lelaki tersebut menjawab, Sudah lebih 20 tahun beliau berharap agar dibenarkan melihat apa sebenarnya yang ada di dalam rumah ibadat orang-orang Islam ini. Apa yang ada di dalam masjid yang dia lihat ribuan dan ratusan orang sentiasa berhimpun di dalamnya. Na-



mun tiada seorang pun yang menyapa apatah lagi mempelawa beliau masuk.

Sang Maulana mengusulkan kita perlu membuka pintu masjid untuk orang bukan Islam mengunjunginya bukan kerana dakwah semata-mata tetapi untuk membolehkan kehidupan bersama (coexistence) di antara sesama manusia.

Alangkah peliknya di tahun 2017 di bumi Malaysia yang terkenal dengan kemajmukannya masih ada orang yang menolak kehadiran orang bukan Islam di majlis-majlis buka puasa dan majlis-majlis keraian agama.

Saya terbaca berita yang disiarkan oleh Wales Online pada 29 Mei 2017 oleh Abbie Wightwick, di bawah judul: 'A Mosque Is Inviting Non Muslim To Comes And Share Meals During Ramadan'. Sebuah laporan yang menyatakan Masjid Darul Isra, yang bertempat di Cardiff, United Kingdom membuka pintu untuk semua orang bagi bersama-sama waktu makan semasa iftar sebagai sebahagian dari projek menjambatani hubungan antara masyarakat dengan harapan untuk meningkatkan kefahaman mengenai agama ini.

Program tersebut dikatakan telah dilaksanakan sejak enam tahun berturut-turut dan ia mendatangkan kesan yang sangat baik. Inilah yang dikatakan Islam itu benar-benar rahmatan lil'alamin yang bukan rahmatan lil muslimin. Saya terkejut sejak akhir-akhir ini melihat ada orang-orang Islam yang menzahirkan rasa benci kepada orang bukan Islam di Facebook, Whatsapp, Instagram dan sebagainya.

Perhatikan betapa buruknya sebuah entri seorang Yang Dipertua kawasan sebuah parti politik Islam yang menyebut di laman Facebooknya, "Meluat menyampah aku tgk pemimpin dap buka puasa sekai dengan orang islam. menyebok je... masa lain buat pesta arak dan pesta onani. haram jadah sungguh. kepada orang islam allah dah sebut lakum di nukum waliyadin. sori saya tak perlu pandangan sufi tasauif di sini. Dap musuh islam. pan pkr macai dap!!"

Astaghfirullah al azim! Bolehkah kita menerima sikap kebencian yang meluap-luap ke atas orang bukan Islam seperti ini. Jelas ia bercanggah sama sekali dengan dasar Islam yang murni. Parti Amanah Negara tidak akan bersekongkol dengan sebarang kenyataan dan perlakuan sumbang seperti ini. Kami berharap kita akan berusaha dengan lebih keras lagi merapatkan sebarang jurang kefahaman antara insan berlainan agama di negara ini.

Ramadan Kareem!

**Mohd Anuar Mohd Tahir ialah Setiausaha Agung AMANAH**

Singapura denda dua bank S\$1.6 juta

# Akibat transaksi babitkan 1MDB

**P**ETALING JAYA: Pihak Berkuasa Kewangan Singapura (MAS) mengenakan penalti kewangan ke atas United Overseas Bank (UOB) dan Credit Suisse berhubung transaksi berkaitan 1MDB.

Akhbar Singapura, The Straits Times, 30 Mei lalu melaporkan pemeriksaan selama 2 tahun ke atas UOB dan Credit Suisse mendapati kedua-dua bank itu melanggar beberapa keperluan antipengubahan wang haram (AML) dan kesilapan kawalan.

Ia termasuk kelemahan dalam melaksanakan pematuhan piawaian ke atas pelanggan dan kawalan tidak mencukupi ke atas transaksi serta aktiviti pelanggan.

MAS bagaimanapun tidak mengesan kelemahan kawalan menyeluruh dalam kedua-dua bank itu.

Sehubungan itu, UOB dikenakan penalti

kewangan berjumlah S\$900,000 dan Credit Suisse pula didenda S\$700,000 kerana melanggar Notis 626 MAS n Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Menentang Pembiayaan Keganasan.

Pengurusan dua bank itu turut diarah mengambil tindakan disiplin sewajarnya ke atas kakitangan terbabit, selain melantik badan bebas untuk menilai dan mengesahkan pelaksanaan langkah pembaikan secara berkesan.

UOB dan Credit Suisse sedang mengambil langkah untuk menangani kelemahan yang dikenal pasti dan meningkatkan kawalan AML mereka.

Dalam pada itu, The Straits Times turut melaporkan MAS mengeluarkan perintah larangan (PO) kepada 3 individu dan notis untuk melaksanakan tindakan kawal selia sama ke atas 3 individu lain.

Susulan pengumuman pada 13 Mac lalu, PO seumur hidup dikeluarkan kepada pengurus Falcon Private Bank Ltd cawangan Singapura, Jens Fred Sturzenegger dan kakitangan BSI Bank, Yak Yew Chee, manakala PO selama 15 tahun dikenakan terhadap Seah Mei Ying yang juga pekerja BSI Bank, berkuat kuasa 29 Mei.

Sturzenegger didapati bersalah melakukan jenayah kewangan, termasuk memberi maklumat palsu kepada pihak berkuasa dalam usaha menyembunyikan hubungan Falcon Bank dengan jutawan Malaysia, Low Taek Jho yang lebih dikenali sebagai Jho Low.

Yak dan Seah pula didapati gagal melaporkan urusan niaga mencurigakan dan memalsukan surat rujukan di BSI Bank bagi pihak Jho Low.

Tiga individu itu dilarang daripada memberi khidmat nasihat kepada mana-mana pasaran modal dan kewangan, menyertai pengurusan,

bertindak sebagai pengarah atau menjadi pemegang saham utama dalam mana-mana firma penasihat kewangan dan perkhidmatan pasaran modal di Singapura.

MAS turut memaklumkan 3 lagi bekas dan pekerja sedia ada diberikan PO selama 3 hingga 6 tahun.

MAS sebelum ini mengarahkan penutupan BSI Bank dan Falcon Bank akibat kegagalan pengurusan kanan mengawal AML dan salah laku, selain mengeluarkan PO selama 10 tahun sehingga seumur hidup kepada 4 bekas pekerja institusi kewangan terbabit dalam transaksi berkaitan 1MDB.

Penalti kewangan berjumlah S\$29.1 juta turut dikenakan ke atas 8 bank, iaitu BSI Bank, Falcon Bank, DBS, UBS AG, Standard Chartered Bank, Coutts, Credit Suisse dan UOB atas pelbagai pelanggaran keperluan AML.

## Kit Siang beli lemang, peniaga hadiah rendang

**HULU LANGAT:** Kemesraan yang jelas terpancar di wajah peniaga Melayu di bazar Ramadan Batu 18, dekat sini bagi menyambut kunjungan Ketua Ahli Parlimen DAP Lim Kit Siang membuktikan pemimpin politik veteran itu disenangi malah dihormati semua lapisan masyarakat tidak mengira kaum dan agama.

Kit Siang yang ditemani Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said serta dua pemimpin muda DAP Young Syefura atau mesra dikenali sebagai Rara dan Mohd Firdaus Babh turut menyantuni pengunjung bazar tersebut sambil bertukar-tukar salam dan memberi sumbangan buah kurma.

Ketua Parlimen DAP itu singgah juga ke gerai seorang peniaga Melayu dan membeli dua batang lemang malah sebelum beliau beredar, peniaga itu sempat membungkus rendang daging secara percuma.

"Saya belanja," ujar peniaga tersebut.

Dalam pada itu, kamera telefon pintar para pengunjung tidak berhenti menghala ke arah rombongan Kit Siang, malah ada antara mereka turut mengambil gambar swafoto bersama Ahli Parlimen Gelang Patah itu.

Sebelum beredar ke destinasi seterusnya, Kit Siang tidak semena-mena disapa ramah seorang lelaki

yang dipercayai penyokong Umno kerana berbaju-T sambutan ulang tahun ke-71 parti itu.

"Saya tak kisah roket atau bulan atau apa," kata lelaki itu tersenyum sambil bersalaman dan menyentuh bahu Kit Siang, lapor Raketkini.

Sedang negara dilanda krisis perkauman dan agama yang kian meruncing, peristiwa di pekan kecil ini sedikit sebanyak telah mengembalikannya semula keyakinan bahawa semangat perpaduan tanpa mengira latar belakang agama dan kaum mampu dicapai jika sikap saling menghormati dan faham memahami diamalkan.

Kata Rara yang juga Ahli



Kit Siang membeli lemang ketika berkunjung ke bazar Ramadan Batu 18, Hulu Langat.

Jawatankuasa DAP Selangor merangkap penyelar program Jelajah Desa Kit Siang kali ini, keharmonian yang ditunjukkan itu membuktikan tohmahan Umno-BN terhadap Kit Siang dan DAP adalah

tidak benar.

Dalam kunjungan itu, rombongan Kit Siang turut menziarahi tiga keluarga asnaf bagi menyampai sumbangan berbentuk beras dan barang keperluan harian.

## Adekan peluk pemimpin Umno-Pas tular

**KUALA TERENGGANU:** Bagai sahabat lama, aksi mesra Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memeluk Ketua Penerangan Dewan Ulamak Pas Pusat, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali tular di media sosial.

Timbalan Perdana Menteri yang berjubah dan berkopiah putih itu bersama rombongannya berkunjung ke Terengganu sempena Ramadan ini.

Khairuddin merangkap Ahli Parlimen Kuala Nerus yang berpakaian warna perang dan berkopiah hitam itu pula dilihat tersengeh gembira apabila dipeluk Zahid.

Terengganu dilapor menjadi negeri pertama kunjungan Zahid untuk membuka puasa selepas mengumumkan akan ke setiap negeri bagi majlis iftar bersama rakyat.

Bernama melaporkan Zahid semalam hadir pada Program Penerapan Nilai-Nilai Murni bersama warga Kementerian

Dalam Negeri (KDN) peringkat negeri dan berbuka puasa bersama anak-anak yatim dari kawasan Kuala Nerus di Masjid Tok Jembal, Kuala Nerus.

Beliau kemudiannya menunaikan solat Isyak dan Terawih di Masjid Sultan Muhammad, Bukit Besar, di Kuala Terengganu.

Foto pemimpin Umno dan Pas yang dikongsi pengguna Facebook itu mengukuhkan lagi tanggapan umum tentang hubungan dan kerjasama politik antara kedua-dua parti tersebut menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Dr Khairuddin turut menyertai rombongan Ahli Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkunjung ke kota London baru-baru ini bagi bertemu komuniti Malaysia di Britain antara lain bagi menjelaskan isu berhubung Rang Undang-undang Akta 355 (RUU 355).

## Buku rasis Annuar Musa bakal ke mahkamah

**KUALA LUMPUR:** Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang tidak teragak-agak mengambil tindakan undang-undang terhadap buku rasis yang dilancarkan Ketua Penerangan Umno Tan Sri Annuar Musa, 26 Mei lalu.

Buku bertajuk 'DAP Bahaya Kepada Melayu-Islam Di Malaysia' itu memuatkan 16 rencana hasil pertandingan penulisan memburuk-burukkan DAP anjuran bekas menteri Umno itu.

Menurut Kit Siang, beliau belum lagi mendapatkan naskah buku itu dan teruja untuk membacanya. "Adakah Annuar sanggup untuk bertanggungjawab terhadap pertandingan menulis rencana 'Lim Kit Siang seorang rasis' dan semua rencana yang memenangi pertandingan itu? soalnya dalam satu kenyataan media, 27 Mei lalu.

Di masa yang sama Ahli Parlimen Gelang Patah itu melahirkan rasa hairan bagaimana Annuar boleh melancarkan buku tersebut.

"Adakah pemimpin Umno kebal dari undang-undang?

"Saya dimaklumkan buku itu melanggar peraturan kerana tidak meletakkan nama penerbit dan pencetak sebagaimana dikehendaki oleh Akta Mesin Cetak 1984," ujar beliau.

Seperti dilapor media, pemenang utama pertandingan menulis rencana memburuk-burukkan DAP dan Lim Kit Siang itu menerima hadiah RM10,000 manakala 25 pemenang yang terpilih menerima hadiah berjumlah RM50,000.

Annuar digantung tugas sebagai pengerusi Mara oleh ahli lembaga pengarah badan amanah bumiputera itu ekoran pembabitannya dalam bayaran kontroversi kepada pasukan bola sepak Kelantan.

Jawatan beliau sebagai pengerusi Pelaburan Mara Berhad (PMB) turut digantung.

Pemimpin Umno Kelantan yang pernah berhasrat untuk mati di dalam parti itu juga didakwa bertanggungjawab dalam skandal pembelian hartanah Mara di Melbourne Australia yang dibuat melebihi harga pasaran.

# Politik benci dan ekstremis cemar Ramadan

**S**ambut Ramadan tahun ini di cemarkan oleh politik benci dan ekstremis yang melanda dunia dan juga negara ini.

Ketika Manchester, Malawi dan Jakarta menghadapi bom dari militan, Malaysia pula menghadapi tragedi tampar dan mesej kebencian menjelang dan awal Ramadan.

22 disahkan terbunuh di Manchester, lima di stesen bas Kampung Melayu, Jakarta dan ramai cedera di Marawi, Mindanao, Filipina akibat keganasan menjelang Ramadan.

Di Pulau Pinang, pegawai pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang, Major (B) Zaidi Ahmad ditampar oleh sekumpulan penunjuk perasaan yang mendakwa kononnya kerajaan negeri menyekat fatwa.

Kejadian berlaku apabila Zaidi bertanya, fatwa yang mana disekat. Beliau ditampar oleh salah seorang penunjuk perasaan yang diketuai oleh bekas Ketua Pemuda Pas Pulau Pinang, Hafiz Nordin.

Hafiz dalam ucapan itu mendesak ketua menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng menghen-

takan usaha beliau berbuka puasa dengan umat Islam di negeri itu.

Di laman sosial, mesej benci dibuat oleh Yang Dipertua Pas Gombak sendiri, Salehuddin Nasir, tempat terletaknya Markas Tarbiyah PAS, Taman Melewar.

Selepas dikecam oleh pelbagai pihak, posting itu dibuang oleh Salehuddin.

Turut mengancam posting itu adalah pemangku presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man.

Tuan Ibrahim mengingatkan ahli Pas, terutamanya pimpinan parti itu agar mengawasi setiap tulisan dalam apa jua media sosial.

Beliau berkata, tulisan mestilah selaras dengan pendekatan budaya politik matang dan sejahtera yang menjadi dasar parti Islam itu.

"Aktiviti berbuka puasa tidak perlu dipolitikkan mahupun digunakan untuk tujuan politik. Sebaiknya aktiviti digunakan sebagai medan merapatkan hubungan antara kaum dan meningkatkan pemahaman antara agama," katanya.



Zaidi ditampar selepas bertanya apakah fatwa yang telah disekat oleh kerajaan negeri Pulau Pinang.



Tulisan YDP Pas Gombak di laman sosial Facebook yang dikecam oleh orang ramai termasuk oleh Pas sendiri.



Antara mangsa pengeboman di Manchester.

## Tidak salah bawa bukan Islam berbuka puasa di masjid, kata mufti

**K**etika pemimpin Pas mempertikaikan tindakan Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng berbuka puasa bersama umat Islam, Mufti Wilayah Persekutuan Dr Zulkifli Mohamad Albakri (*gambar*) berkata, tidak salah untuk membawa orang bukan Islam ke dalam masjid dan berbuka puasa bersama mereka.

"Dari segi hukum tidak salah, bahkan di zaman Nabi, Sahabat membawa tahanan bukan Islam ke dalam masjid.

"Namun, dari segi pelaksanaannya boleh atau tidak bergantung kepada peraturan pihak berkuasa setempat dan 'uruf (keadaan) setempat," kata Zulkifli sebagaimana dilaporkan portal berita The Malaysian Insight.

Dalam kuliah zohor di masjid itu,



Zulkifli turut berkata, adalah tidak salah untuk membawa orang bukan Islam berbuka bersama dengan orang Islam yang berpuasa.

"Mereka nak berpuasa ke, nak

**"... Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, karena adil itu lebih dekat kepada takwa..."**

[Al Maa-idah 8]

berbuka bersama kita ke, ia tidak salah, namun mereka tidak mendapat pahala berpuasa kerana mereka bukan Islam," katanya.

Zulkifli membawa contoh tindakan umat Islam Kanada yang membawa perdana menteri mereka yang bukan

Islam, Justin Trudeau, berbuka bersama mereka.

Selain Kanada, Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong dan Presiden Amerika Barack Obama juga pernah berbuka puasa bersama umat Islam.

Sebelum ini, kekecohan turut

berlaku di Masjid Annur Kampung Melayu Subang, Selangor apabila Ahli Parlimen Subang, R Sivarasa yang memasuki masjid itu untuk memberikan bantuan Ramadan turut dimarahi.



# Dari Banggol Peradong ke Tok Jembal

**BERMULA** dengan Datuk Ahmad Shabery Cheek dan Datuk Seri Andul Hadi Awang di Marang, kini hubungan antara pemimpin Pas dan Umno semakin intim dari hari ke hari di Terengganu, negeri yang sebelum ini merekodkan tragedi sembahyang dua iman antara Umno dan Pas.

Pada 28 Mei lalu, Pesuruhjaya Pas Terengganu yang baru, Datuk Husein Awang menyambut ketibaan timbalan perdana menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan berbuka puasa bersama di Masjid Tok Jembal, Kuala Nerus.

Turut serta adalah timbalan pesuruhjaya, Dr Alias Razak dan Datuk Dr Khairudin Aman Razali, ketua penerangan Dewan Ulama Pas Pusat.

Di majlis ini, Zahid kelihatan berpelukan dengan Khairudin tanda kemesraan antara kedua-duanya.

Keesokan harinya, pada 29 Mei, sekali lagi Khairudin menampakkan kemesraan antara Pas dan Umno.

Beliau menyertai menteri besar Datuk Ahmad Razif melancarkan jambatan baru dan kemudiannya kelihatan kedua-duanya menaiki kereta bersama.

Kesemua perubahan ini berlaku seolah-olah satu pusingan 180 darjah hubungan antara Umno dan Pas di Terengganu.

Perkembangan ini dilihat membuka lembaran baharu kepada politik Terengganu khususnya ke arah kerjasama Pas-Umno menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) selepas Pas tidak mahu bersama-sama Pakatan Harapan.

Umno pula dilihat senang dengan perkembangan ini dan menyambut

baik jika Pas ingin bekerjasama dengan parti itu.

Pada 7 April 1981, Abdul Hadi memberikan ucapan penting di Banggol Peradong, Kuala Nerus dan seterusnya dijadikan Amanat Haji Hadi oleh penyokongnya.

Teks amanat itu adalah: "Saudara-saudara sekalian

percayalah, kita menentang UMNO, bukan kerana nama dia UMNO. Kita menentang Barisan Nasional bukan



Amanat Haji Hadi yang dicetak oleh penyokong Pas.



Khairuddin naik kereta bersama Razif ketika menguji jambatan baru Pulau Sekati Kuala Terengganu.

kerana dia lama memerintah kerajaan. Kita menentang dia ialah kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan undang-undang kafir, mengekalkan peraturan jahiliyah. Oleh kerana itulah kita menentang mereka. Oleh kerana itulah kita menghadapi mereka. Oleh kerana itulah kita cuba berlawan dengan mereka.

"Percayalah saudara-saudara

sekalian.

"Perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad. Bergantunglah kita kepada Allah dengan (menghadapi) puak-puak ini kerana kalau kita mati melawan puak-puak ini, mati kita adalah syahid. Mati kita adalah Islam. Kita tidak perlu masuk Buddha, kita tidak perlu

masuk Kristian, tapi kita menjadi kafir dengan mengamalkan politik suku, agama suku?"

Kalau dahulu mereka bersengketa kini kedua-duanya mesra. Namun begitu, penyokong akar umbi Pas tetap mempertahankan bahawa mereka berlawan dengan Umno.



Zahid memeluk Khairudin ketika kedua-duanya berbuka puasa sekali di Masjid Tok Jembal, Kuala Nerus.



Husein Awang bersama dua lagi pemimpin Pas Terengganu turut menyertai majlis berbuka bersama Zahid Hamidi.

Bagaimana PH boleh hapuskan GST?

# Rafizi 'sekolahkan' Najib

**KUALA LUMPUR:** Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli sedia 'menyekolahkan' perdana menteri Datuk Seri Najib Razak yang baru-baru ini memokkan janji Pakatan Harapan untuk memansuhkan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dengan alasan tanpa GST perbendaharaan negara akan hilang RM42 bilion setahun.

"Sebenarnya saya telah ulas dengan mendalam dan disokong dengan angka-angka mengenai perkara ini di dalam buku 'Panduan Bina Semula Negara' yang saya tulis dan dilancarkan baru-baru ini.

"Cara untuk menguruskan Per-

bendaharaan tanpa mengenakan GST ada diuraikan di dalam Bab 4 bertajuk Mengurus Perbendaharaan Negara," ujar beliau dalam satu kenyataan media.

Menurut Rafizi, punca kerajaan BN kesempitan sumber kewangan adalah kerana kecenderungan berbelanja melebihi pendapatan sepanjang dua dekad lalu sehingga mewujudkan hutang yang besar.

Negara ujar beliau, terpaksa berhutang bagi menampung defisit apabila perbelanjaan melebihi pendapatan pada setiap tahun.

Pengurusan perbendaharaan negara, katanya tidak hanya berkisar



Rafizi Ramli

kepada menambah pendapatan malah di masa yang sama perlu

mengawal perbelanjaan.

Apabila perbelanjaan yang membazir dihentikan dan ketirisan dikawal, penjimatan dari perbelanjaan itu, jelas beliau lebih dari mencukupi untuk menampung kekurangan hasil kutipan GST yang dihapuskan.

Rafizi yang juga ahli parlimen Pandan menjelaskan tiga kaedah yang akan digunakan oleh Pakatan Harapan untuk menampung perbelanjaan negara setelah GST dihapuskan iaitu membanteras rasuah dan mengurangkan ketirisan; pentadbiran kewangan yang telus bagi mengurangkan bayaran faedah tahunan; dan rasionalisasi

cukai melalui pengenalan 'cukai ke atas keuntungan jual beli saham' dan cukai jualan dan perkhidmatan.

Menurutnya, dengan inisiatif lain seperti rundingan semula kontrak-kontrak yang berat sebelah dan rampasan harta dari rasuah yang terlibat dalam skandal-skandal besar, beliau yakin masalah yang meruncing untuk menggantikan sumber pendapatan dari GST yang dihapuskan dapat diatasi.

"Pokoknya, secara moralnya GST perlu dihapuskan dan kita ada potensi penjimatan yang cukup untuk menampung kekurangan hasil apabila GST dihapuskan kelak," tegas beliau.

## GST untuk bayar faedah hutang kerajaan

**DIANGGARKAN** RM29 bilion terpaksa dibelanjakan kerajaan BN untuk membayar faedah hutang bagi tahun 2017 dan ia melebihi separuh wang hasil cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang dikutip kerajaan.

Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli berkata, setakat April 2017 jumlah hutang Kerajaan Persekutuan seperti yang disiarkan oleh Perbendaharaan adalah sebanyak RM649 bilion.

Dari jumlah itu, katanya bentuk hutang terbesar negara adalah kertas hutang kerajaan Malaysia (MGS) pada jumlah RM357 bilion, diikuti dengan kertas hutang terbitan pelaburan kerajaan (GIs) sebanyak RM235 bilion.

"Hutang-hutang dalam bentuk kertas hutang yang diterbitkan ini perlu ditebus oleh Kerajaan Malaysia bila sampai tarikh matangnya. Sementara menunggu matang, Kerajaan Malaysia perlu membayar faedah tahunan (selalu disebut sebagai 'coupon rate') mengikut kadar yang diurusniagakan di pasaran hutang," ujarnya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, lebih stabil sesebuah kerajaan dan lebih tinggi reputasi kewangannya, maka pelabur sanggup untuk mendapat bayaran bunga yang lebih rendah demi memegang kertas

hutang tersebut.

"Jika kerajaan itu tidak dihormati dan dicurigai, pelabur tidak ada keyakinan dan kadar faedahnya pun didagangkan tinggi," jelas beliau.

Oleh sebab itu, katanya reputasi antarabangsa kerajaan Malaysia di mata pelabur adalah sangat penting kerana ia menentukan jumlah bayaran faedah yang perlu dibayar dan ditanggung oleh rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, tambah beliau skandal 1MDB yang merosakkan nama baik Malaysia telah menyebabkan pelabur-pelabur mahukan pulangan yang lebih tinggi bagi setiap ringgit kertas hutang yang diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia.

Beliau yakin jika reputasi kewangan Kerajaan Malaysia dipulihkan, pentadbiran baru Pakatan Harapan boleh meyakinkan pasaran dan pelabur.

Keyakinan para pelabur ini, jelas beliau akan diterjemahkan dalam bentuk kadar faedah rendah ke atas kertas-kertas hutang yang diterbitkan.

"Saya tidak terkejut kadar faedah itu boleh turun sehingga 1% berbanding kadar sedia ada yang diterjemahkan kepada penjimatan sebanyak RM6.5 bilion setahun," ujarnya.

## Program rasionalisasi cukai mampu ganti GST

**BEBERAPA** inisiatif percukaian mampu menambah hasil kepada kerajaan untuk menampung pengurangan hasil akibat pemansuhan GST, kata Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli.

Antara langkah yang bakal dilaksanakan Pakatan Harapan jika mentadbir Putrajaya, jelas Rafizi adalah memperkenalkan Cukai Keuntungan Modal dan mengembalikan cukai jualan dan perkhidmatan.

"Saya pernah menyuarakan bahawa kerangka sistem percukaian yang ada didasarkan kepada keadaan ekonomi 1970-an yang kini tidak lagi sesuai dengan bentuk ekonomi negara mutakhir.

"Contohnya orang kaya yang berjual beli saham sehingga untung beratus juta ringgit dalam tempoh yang singkat

tidak dikenakan cukai, sedangkan negara-negara lain mengenakan Cukai Keuntungan Modal (Capital Gains Tax) ke atas pendapatan sebegini," ujarnya.

Menurut beliau, Pakatan Harapan akan memperkenalkan Cukai Keuntungan Modal untuk menggantikan GST agar orang kaya yang membuat untung dari jual beli saham membayar cukai dan bukannya orang miskin yang tidak berpendapatan turut dikenakan GST.

Pemansuhan GST juga, tambah beliau bermakna konsep cukai tidak langsung (indirect tax) akan kembali ke konsep asal iaitu barangan dicukai di kilang sahaja bagi barang-barang tertentu atau perkhidmatan tertentu di tempat-tempat tertentu.

"Rasionalisasi percukaian yang akan

dilaksanakan oleh Pakatan Harapan boleh menilai kembali pelaksanaan cukai tidak langsung melalui kaedah cukai jualan dan perkhidmatan yang dihadkan kepada barang tertentu di tempat pengilangan dan perkhidmatan profesional dan perkhidmatan mewah yang tertentu sahaja," katanya.

Menurutnya, sebelum GST dilaksanakan, kutipan cukai jualan dan perkhidmatan sudah mencecah sekitar RM12 bilion setahun.

Beliau yakin, dengan penambahan jenis barang dan perkhidmatan yang dikenakan cukai dan kutipan yang lebih cekap bagi membendung ketirisan dan rasuah, kerajaan Pakatan Harapan boleh menjana RM12 bilion dari kutipan cukai tidak langsung seperti sebelum pengenalan GST.

## Banteras rasuah, ketirisan boleh tampung bajet

**NAIB** Presiden Keadilan Rafizi Ramli menjelaskan bagaimana usaha membanteras rasuah dan ketirisan mampu menampung perbendaharaan negara walaupun setelah cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dihapuskan.

Beliau menjawab dakwaan sesetengah pihak bahawa wang dari kes-kes rasuah dan ketirisan tidak boleh dikembalikan dan apabila GST dihapuskan, kerajaan tetap akan kekurangan dana yang akan menjejaskan operasi kerajaan.

"Sebenarnya saya dan rakan-rakan di National Oversight and Whistleblowers (NOW) telah membuat satu kajian akademik yang menggunakan kaedah statistik dan matematik untuk menganggarkan berapa penjimatan yang realistik setiap tahun sekiranya pembaziran dan ketirisan dapat dikawal.

"Untuk mengetahui berapa kuantum

penjimatan yang realistik, kami perlu menganggarkan terlebih dahulu tahap pembaziran dan ketirisan kerajaan.

"Kaedah yang kami bangunkan diterbitkan di dalam satu buku terbitan NOW yang bertajuk Indeks Pembaziran Kerajaan yang diterbitkan tahun lalu," jelas beliau.

Menurut Rafizi, Indeks Pembaziran Kerajaan (IPK) adalah satu peratusan ketirisan dan pembaziran perbelanjaan kerajaan berdasarkan data-data rasmi.

Dalam proses ini, katanya segala maklumat pembaziran, ketirisan dan kerugian yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara di dalam Laporan Ketua Audit Negara dikatalogkan mengikut jenis dan jumlah.

Setiap kes pembaziran ini, ujar beliau disemak dengan membandingkan jumlah kerugian yang dikenal pasti dengan jumlah peruntukan yang dikendalikan

oleh jabatan atau kementerian tersebut.

Rafizi menambah, kaedah statistik digunakan untuk menganggarkan saiz peruntukan yang terdedah kepada ketirisan dan penyelewengan mengikut jabatan/kementerian dan kemudiannya dijumlahkan bagi mendapat angka keseluruhan.

"Berdasarkan data-data yang terkandung di dalam Laporan Ketua Audit, keputusan IPK menunjukkan anggaran pembaziran purata bagi tahun 2014 ialah 15.5% dari perbelanjaan kerajaan yang tidak melibatkan gaji atau kenaikan tetap yang seumpama dengannya.

"Bila IPK pada paras 15.5% ini dipadankan dengan anggaran jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan (yang tidak melibatkan gaji atau kenaikan tetap) bagi 2017 yang dianggarkan berjumlah RM136 bilion, ada potensi jumlah penjimatan sebanyak RM21 bilion," ujarnya.

# Hukum menjemput bukan Islam berbuka puasa

## Hukum menjemput bukan Islam berbuka puasa.

NON-MUSLIM adalah sebahagian daripada ummah siyasiyyah (political community) yang membentuk satu kerangka bagi sebuah ummah (nation) disamping adanya Muslim sebagai ummah diniyyah (religious community). Konsep ini telah dibentuk oleh Rasulullah s.a.w. melalui Sahifah Madinah (Piagam Madinah) yang dibentangkannya.

Maka, secara asasnya non-Muslim adalah warganegara yang wajar menerima haknya untuk hidup dengan harmoni seperti mana dalam konteks Malaysia.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim." (Surah al-Mumtahanah: 8-9)

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri." (Surah al-Nisa': 36)

Ketika membahaskan berkenaan konsep jiran dalam ayat di atas, Imam al-Qurtubi berkata:

"Aku berkata: Dengan ini, berlaku baik kepada jiran-jiran adalah digalakkan, sama ada mereka Muslim atau tidak. Ini adalah yang sah. Bentuk perlakuan baik itu sama ada dalam bentuk membantu atau boleh jadi dalam bentuk berlaku baik, mengelakkan daripada ketidakelesaian dan berada di samping mereka. (Tafsir al-Qurtubi, 5/179)

Amalan berbuka puasa perlu dilihat sebagai satu medium yang sangat baik bagi merapatkan hubungan kejiwaan dan mahabbah tanpa mengira agama dan bangsa selain daripada memberi gambaran yang sebenar terhadap sifat keramahan Islam. Malah, bulan Ramadan juga adalah satu bulan yang baik bagi kita menyenangi sikap bantu membantu dan berkongsi kesenangan terutamanya dengan mereka yang memerlukan.



Jika dilihat di luar negara, majlis berbuka puasa yang dihadiri non-Muslim adalah perkara yang lazim dilakukan. Tokoh terkenal bukan Muslim seperti Justin Trudeau (Perdana Menteri Kanada), Barack Obama (mantan Presiden Amerika Syarikat), Lee Husien Loong (Perdana Menteri Singapura) juga pernah menghadiri majlis berbuka puasa anjuran komuniti Muslim di tempat masing-masing.

Oleh itu, kami cenderung berpandangan hukum menjemput non-Muslim berbuka puasa adalah harus dan dibolehkan dalam Islam. Dalam masa yang sama, hendaklah dipelihara adab-adab dan nilai murni dalam majlis berbuka puasa tersebut.

Selain itu, pihak yang menganjurkan majlis berbuka puasa boleh juga mengutamakan mereka yang fakir miskin dan anak yatim daripada kalangan Muslim dan bukan Muslim dalam jemputan berbuka puasa.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Mereka juga memberi makan benda-benda makanan yang dihajati dan disukainya, kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan." (Surah al-Insan: 8)

Memberi makan juga adalah dikira sebagai salah satu bentuk sedekah. Dalam hal memberi sedekah kepada non-Muslim, Imam al-Nawawi menyatakan:

"Dianjurkan agar sedekah itu diberikan kepada orang soleh, orang yang rajin melakukan kebaikan, menjaga kehormatan dan yang memerlukan. Namun jika ada orang yang bersedekah kepada orang fasik, atau orang kafir, di kalangan Yahudi, Nasrani, atau Majusi, hukunya boleh dan baginya ganjaran pahala pada keseluruhan perbuatannya." (al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, 6/240)

Namun beberapa perkara harus diberi perhatian; lokasi berbuka puasa yang dipilih dan pakaian yang dikenakan haruslah bersesuaian. Manakala adab-adab berbuka puasa haruslah dijaga dan dipatuhi. Sebarang provokasi harus dielakkan, dan sebarang agenda yang tidak baik hendaklah dijauhi.

Semoga Allah memberikan kita kefahaman yang mendalam tentang agama dan menjadikan Malaysia sebuah negara berbilang agama dan bangsa yang kekal dalam keharmonian dan perpaduan.

S.S Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri ialah Mufti Wilayah Persekutuan. Artikel ini dipetik dari Irsyad Al-Fatwa Khas Ramadhan #87.

**DR. OLIVE**  
BODY CARE

**PROMOSI**  
**0124902861**  
 untuk urusan pembelian  
**DAPATKAN SEGERA**

*Natural  
Safe  
Effective*

**SABUN LOOFAH  
LAVENDER LEMON**  
RM 24.90

**Melancarkan darah,  
buang kulit mati,  
melembutkan kulit  
kaki dan tumit**

**SABUN KOPI  
(SKRUB)**  
RM 24.90

**Melancarkan darah,  
buang kulit mati,  
melembutkan kulit  
kaki dan tumit**

**SERUM**  
RM 34.90

**Mengandungi bahan  
asli seperti vitamin E  
,Olive, Coconut, Sweet  
Almond dan lain-lain**

**SUNSCREEN  
(CREAM)**  
RM 20.90

**Melindungi kulit  
muka dari matahari,  
terutama bagi indi-  
vidu yang sensitif**

**DEODORANT  
(CREAM)**  
RM 20.90

**Melindungi dari  
bau badan yang  
tidak menyenangkan**

**UNTUK MAKLUMAT LANJUT**  
<https://drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare>

**DAPATKAN SEGERA  
DI PASARAN!!**

# Untung-rugi dalam penjualan Proton

**TIDAK** dinafikan pencarian Proton akan rakan niaga strategik yang 'gagah' untuk sekian lama akhirnya akan tercapai. Perjanjian telah termeterai antara syarikat China Geely Holding Group Ltd dan DRB-Hicom.

Fokus penulisan ini akan menjadikan siapakah yang untung dan lebih untung, dalam urusan niaga penjualan 49.9% saham Proton kepada syarikat China Geely Holding Group Ltd dengan harga RM170 juta itu, sementara DRB-Hicom kekal memegang saham majoriti dengan 50.1%?

Bagaimana pula dengan kerjaan sendiri yang menjaga kepentingan pihak pembayar-cukai atau rakyat (tax-payers) dengan urusan niaga ini? Untuk catatan rekod, kerajaan telah menyuntik kurang lebih RM15 bilion membangunkan R&D Proton sehingga kini atas permintaan DRB-Hicom. Dalam kedudukan Proton sebuah syarikat swasta, kerajaan masih lagi memberi pinjaman kepada Proton.

Soalan kedua, yang rasa penulis belum disentuh mana-mana pihak termasuk para penganalisis pasaran adalah; Apakah kesan dan impak urusan niaga ini ke atas Dasar Automotif Nasional (NAP)? Ke mana arah-tuju NAP selepas semua jual-beli Proton termeterai? Perlukah NAP dinilai kembali atau pembuat dasar mesti kembali ke 'drawing board' mengkaji impak tindakan menjual Proton?

Untuk ingatan, DRB-Hicom memiliki sepenuh saham Proton dengan membeli dari Khazanah Nasional pada tahun 2012, sekaligus menjadikan perusahaan automobil nasional ini entiti 'swasta'. Kerajaan sejak itu tidak lagi pemegang 'golden share' dalam Proton. Tidak silapnya, DRB-Hicom membayar RM3.02 bilion. Sementara itu Proton telah menjadi pemilik Lotus Cars, sejak 1996 lagi.

Nah, perhatikan secara ringkasnya jual-beli ini bagi menentukan siapa dan berapa. Siapa yang untung dan lebih untung di segi kewangan? Aspek keuntungan kualitatif dan strategik tergantung kepada apa yang dimeterai secara terma-terma lebih khusus.

Pertama, buat DRB-Hicom, mungkin tidak ramai yang tahu bahawa Geely akan membayar terus kepada DRB-Hicom Bhd sebanyak £100 juta atau RM556 juta untuk mendapat 51% milik saham Lotus, sekaligus pemegang saham majoriti.

Mengikut penganalisis pasaran, syarikat kereta sport inilah yang lebih diminati Geely sebenar-benarnya. Meskipun penganalisis (CIMB Reserach) menganggarkan Lotus hanya mempunyai 'nilai aset bersih' (NAV) sebanyak RM82.1 juta, Geely membayar dengan harga RM556 juta. Walaupun DRB-Hicom telah belanjakan lebih dari RM1.96 bilion untuk Lotus,



kerugian terkumpul Lotus menghampiri RM1.5 bilion dalam 5 tahun yang lalu.

Sementara itu 49% saham selebihnya di miliki oleh Etika Automotif, milik penuh Tan Sri Syed Mokhtar Bukhari. Apa 'game' Geely di sebalik semua ini? Dikatakan Geely sangat berminat untuk membangunkan Lotus (lebih dari Proton) sebagai 'kereta sport mewah' yang selama ini kerugian dalam jagaan Proton. Yang untung ternyata Syed Mokhtar, yang memiliki 55.8% DRB-Hicom. Beliau juga memiliki 100% Etika Automotive, yang dikatakan adalah syarikat dengan modal berbayar sebanyak RM2.

DRB-Hicom juga akan mengekalkan 'land bank' milik Proton. Tanah 250 ekar di Shah Alam, di Glenmarie dan di luar negara juga akan dengan DRB-Hicom. Anggaran nilai buku (book value) adalah RM540 juta. Nilai pasaran hartanah terkini meletakkan tanah Shah Alam itu sahaja dalam lingkungan RM870 juta dan mempunyai 'nilai pembangunan kasar' (GDV) sebanyak RM4 bilion.

Dalam pada itu, diperhatikan aset tanah ini tidak dijadikan cagaran dalam pinjaman RM1.5 bilion yang diberikan kerajaan kepada DRB-Hicom. Andainya DRB-Hicom gagal melangsaikan hutang ini, maka tanah ini kekal milik DRB-Hicom, dan kerajaan (atau rakyat/pembayar cukai) menukarkan pinjaman sebagai hanya saham dalam Proton. Alahai bertuah sungguh pemilik DRB-Hicom. Cara 'kesenjangan' super-kaya terus melebar dalam negara!

Melanjutkan persoalan untung-rugi di pihak kerajaan pula, Menteri Kewangan Kedua pantas merakamkan bahawa kerajaan tidak perlu memberi 'subsidi' kepada Proton selepas penyertaan Geely.

Nyata itu tidak betul Pak Menteri! Sebaik sahaja perjanjian dimeteraikan, kerajaan akan menyuntik RM1.35 bilion kepada Proton. Pertama, sebanyak RM250 juta baki dari RM1.5 bilion akan disuntik kepada Proton. Sejauh ini kerajaan telah membayar RM1.25 bilion.

Yang pastinya ini adalah dana dan wang rakyat serta pembayar-cukai! Mengapa harus kerajaan melanjutkan suntikan kepada entiti swasta ini, khasnya kerana akan dimiliki juga oleh Geely. Keduanya, kerajaan akan menyuntik RM1.1 bilion untuk R&D sebagai komitmen kerajaan lebih awal lagi.

Bolehkah baki dana R&D itu dikontra dengan pinjaman hutang yang telah diberikan kerajaan kepada Proton. Bukankah boleh dirundingkan? Kedua, andainya tidak dapat dirundingkan? Kedua, andainya tidak dapat dilaksanakan, bolehkah Geely selaku rakan niaga DRB-Hicom menjamin pinjaman ini?

Menjadi lebih pelik lagi nanti, kalau berlaku keadaan Proton tidak dapat membayar (defaulted) pinjaman, dalam bentuk saham 'RCCPS' ini akan ditukar menjadi saham (ordinary shares) dalam Proton. Tetiba kerajaan akan menjadi pemilik Proton kembali dengan pegangan saham 65% sebagai 'pemilik majoriti'!

Sebelum rakyat atau pembayar-cukai bersorak keseronokan, sayugia diingatkan bahawa ketika itu Proton sudah tidak besar ertinya kalau gagal sampai gagal membayar pinjaman.

Pertama, kerana semua 'landbank' atau milik Proton asalnya telah 'dibolot' oleh DRB-Hicom. Kedua Lotus, sebagai aset penting yang boleh dibangunkan sudah pun terjual kepada Geely dan Etika Automotive milik Syed Mokhtar! Akhirnya siapa yang untung dan siapa yang menanggung? Tidak banyak yang berubah sejak 6 dekad pemerintahan Umno-BN ini!

Beralih kepada persoalan "Apa pula 'keuntungan' Proton"? Jelasnya Proton akan mendapat bayaran tunai RM1.52 bilion. Disamping RM1.35 bilion suntikan dari kerajaan, Proton akan mendapat bayaran tunai sebanyak RM170.3 juta dari Geely bagi 49.9% saham Proton.

Seperkara lagi Geely akan memberikan Proton satu 'platform' pembuat SUV Boyue, milik Geely. Proton tidak perlu melabur dalam R&D untuk mengeluarkan sebuah SUV. Sebuah teknologi 'platform' seperti itu dianggarkan bernilai RM600 juta. Proton hanya memerlukan untuk mengeluarkan perbelanjaan modal (Capex) bagi menyiapkan 'assembly line' sahaja.

Cumanya Geely hanya memberikan 5 tahun sahaja hak pengeluaran ini. Apakah berbaloi dan mampu mendapat pulangan dengan Capex itu nanti. Tidak ada jaminan Proton boleh membuat penambahan nilai (value proposition) dalam enterprise tersebut dan mampu bersaing dalam pasaran serantau dan global, walaupun dengan bantuan Geely bagi merentas pasaran China.

Bersungguhkah Geely untuk membantu Proton untuk benar-benar berdaya-saing kembali dengan berlaku pemindahan teknologi atau 'technology transfer' secara intensif? Ataukah segala fasiliti seperti Kilang Tanjung



ANALISIS  
DR DZULKEFLY AHMAD

Malim itu adalah untuk membangunkan kereta Swedish Volvo, sekarang ini milik Geely 100%.

Pastinya soal besar yang belum dijawab mana-mana pihak lagi adalah bagaimanakah seluruh urusan niaga ini akan meninggalkan impak dan kesan kepada Dasar Automobil Nasional atau NAP?

Mampukah Proton dengan rakan strategiknya yang gagah dan 'berprestasi tinggi' ini memacu pencapaian NAP itu? Ataukah perlu ada pengolahan semula NAP, antara lain, di segi memacu salah satu penekanan NAP iaitu EEV (Energy Efficient Vehicle)? Apakah ia sejajar dengan minat atau matlamat strategik Geely?

Yang pastinya buat penulis, kerajaan wajar kembali ke 'drawing board' dan kumpulan pemikir seharusnya menilai kembali salah satu dasar perindustrian negara dalam sektor automotif untuk menangani NAP ini. Perlu dilalui kembali (revisit) dalam rangka 'strategic thinking' untuk mengolah NAP untuk masa depan negara.

Apakah ada penekanan bersifat 'niche strategy' yang perlu dipacu dalam menembusi keperluan pasaran negara-negara Asean? Apakah keperluan mereka itu, termasuk dalam bidang operasi automotif perladangan kelapa sawit, contohnya yang kini rata-ratanya bersifat manual?

Sektor automotif kian menurun sumbangannya terhadap nisbah KDNK iaitu sebanyak 2% KDNK! Negara yang dulunya seangkatan dengan Malaysia, dalam tahun 70-an seperti Korea Selatan, menyumbang sebanyak 10% KDNK.

Alahai negaraku tercinta... sampai bila mahu begini?

# Henti sandiwara RUU 355

**K**UALA LUMPUR: : Umno dan Pas disaran menghentikan sandiwara menyalahkan pihak lain ekoran gagal melaksanakan Enakmen Jenayah Syariah Terengganu dan pengubalan Rang Undang-Undang 355 di Parlimen.

Ahli Parlimen Kuala Terengganu Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah berkata, kerajaan Umno-BN dan Pas telah menangguhkan sebanyak tiga kali RUU 355 di Parlimen dan menghalang Enakmen Jenayah Syariah Terengganu dibahaskan di Dun Terengganu pada tahun lalu.

"Lebih baik kerajaan menghentikan sandiwara menuduh pihak lain yang menghalang RUU 355 di Parlimen dan juga Enakmen Jenayah Syariah Terengganu.

"Umno-BN dan Pas yang telah menangguhkan sebanyak tiga kali (perbahasan) RUU 355 di Parlimen. Mereka yang sama jugalah yang menghalang Enakmen Jenayah Syariah Terengganu dibahaskan di Dun Terengganu pada tahun lalu,"

ujarnya dalam satu kenyataan.

Raja Bahrin mengulas kenyataan Menteri Besar Terengganu bahawa negeri itu belum bersedia melaksanakan hukum hudud sebelum kajian mendalam terhadapnya dilaksanakan.

Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, keputusan untuk melaksanakan hukum hudud juga hanya ditentukan oleh Dewan Undangan Negeri dan seterusnya perlu mendapat perkenan Sultan (Sultan Terengganu).

Ahmad Razif mengulas kenyataan Exco Telekomunikasi dan Multi Media Terengganu, Ghazali Taib bahawa Terengganu akan tetap memperjuangkan pelaksanaan Undang-Undang Syariah 2001 di negeri itu.

Berucap pada program Kembara Dakwah Media Terengganu ke Aceh baru-baru ini, Ghazali dilaporkan berkata, Terengganu akan menjadikan Aceh, Indonesia sebagai model dalam pelaksanaan hukum hudud jika ia dilaksanakan

di negeri Terengganu kelak.

Mengulas lanjut Raja Bahrin berkata, kenyataan Ghazali dan Ahmad Razif menunjukkan sikap dolak dalih kerajaan Umno-BN dalam isu-isu berkaitan pelaksanaan syariah.

"Cukuplah rakyat di kelirukan dan dipermainkan oleh Umno dan Pas," ujarnya.

Menurut beliau, usul Enakmen Jenayah Syariah Terengganu yang telah diluluskan Dun Terengganu pada 2002 dan diperkenan oleh Sultan juga telah digazetkan dan dikuatkuasakan pada Oktober 2003.

"Ia pernah dibangkitkan oleh Adun Batu Burok Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi dalam sidang Dun 2016. Setelah 15 tahun diluluskan masih tidak ada kemajuan dicapai dari aspek kajian mendalam atau pelaksanaannya.

"Cadangan usul YB Syed Azman untuk



Raja Bahrin Shah (kiri) bersama Dr Syed Azman.

membahas usul tersebut anehnya telah ditolak Speaker (Datuk Mohd Zuber Embong) dan tidak disambut oleh ahli-ahli Dun Pas dan Umno," katanya.

Beliau juga hairan dengan kegagalan Umno dan Pas untuk melaksanakan undang-undang syariah termasuk hudud di Terengganu sedangkan dua parti Melayu itu menguasai 31 daripada 32 kerusi Dun.

## Jumlah pengundi Dun tidak seimbang

**MELAKA:** Pengerusi AMANAH Melaka, Adly Zahari menyifatkan sistem pilihan raya pada masa ini berat sebelah seperti dapat dilihat pada cadangan persempadanan semula.

Menurutnya, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak menepati tuntutan rakyat untuk proses pilihan raya yang bersih dan adil apabila agihan pemilih di kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) tidak seimbang.

"Sebenarnya, sistem pilihan raya kita tidak adil. Dia (SPR) tidak menepati kehendak perlembagaan dan kehendak satu rakyat satu undi.

"Kita menang di Ayer Keroh dengan lebih 18,000 pengundi sedangkan Umno menang di Tanjung Bidara dengan kira-kira 6,000 pengundi sahaja.

"Satu Dun kita hampir sama dengan

tiga Dun Umno itu. Punyalah Umno mahu menipu. Tapi bila kita bawa ke mahkamah, peguam kita, Ambiga tunjukkan Dun tidak seimbang dimanipulasi oleh SPR.

"Akhirnya hakim pada Jumaat lalu (12 Mei) berpihak kepada kita tangguhkan cadangan persempadanan baru itu," ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam ceramah Pakatan Harapan di Padang Temu yang turut dihadiri pemimpin Keadilan, DAP dan Bersatu baru-baru ini.

Mahkamah Tinggi Melaka pada 12 Mei lalu membenarkan permohonan penangguhan persempadanan semula yang dicadangkan SPR untuk kedua-dua kawasan parlimen dan negeri di Melaka.

Sehubungan itu, Adly memberitahu Melaka antara negeri yang berjaya menangguhkan cadangan persempadanan semula menjadikan persempadanan di negeri itu kekal seperti pada Pilihan Raya Umum ke-13 lalu.

"Kita buat sementara boleh menang hasil perjuangan rakyat. Ini usaha dan keberanian tujuh pengundi di Melaka termasuk wanita yang berani saman SPR.

"Kita menang saman tersebut buat masa ini. Tak patut kita penakut sebab rakyat biasa berani pertahankan (hak). Kita kukuhkan Pakatan Harapan, kita lawan Umno-BN pada pilihan raya ke-14 akan datang," tegasnya.

Tujuh plaintif memfailkan permohonan penangguhan persempadanan

semula pada 4 April lalu dengan diwakili oleh peguam Datuk Ambiga Sreenevasan.

Mereka adalah Chan Tsu Chong, Neo Lih Xin, Azura Talib, Lim Kah Sheng, Norhizam Hassan Baktee, Amir Khairudin dan Amran Atan.

Mengulas tentang situasi Pas pada masa ini yang dijangka menjadi penyebab pertembungan tiga penjur, Adly menyifatkan parti yang memusuhi Pakatan Harapan itu tidak mempunyai kekuatan lantaran sudah mengambil sikap bersendirian.

"Saya lebih 20 tahun dalam Pas dari paling bawah sehingga berjawatan tinggi. Bermula dengan RM800 kerja dengan Pas. Saya tahu kekuatan parti itu. Walaupun kita

hilang rakan-rakan dari Pas tetapi Allah hadirkan parti PPBM sebagai rakan baru Pakatan Harapan.

"Saya yakin Dun Telok Mas, Macchap dan banyak lagi Dun akan di-menangi Pakatan Harapan," tambah beliau lagi.

Cadangan persempadanan semula di Melaka antara lain menyaksikan jumlah undi pembangkang di kerusi Dun Bukit Katil berkurangan manakala undi di kerusi Dun Kota Melaka akan meningkat.

Selain Melaka, kerajaan negeri Selangor juga berjaya memperoleh perintah penangguhan terhadap inkuiri tempatan SPR di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sementara menunggu pendengaran semakan kehakiman berhubung persempadanan semula itu.

## Balasan syurga neraka bukan hanya untuk rakyat

Oleh **ARIF ATAN**

**PENKALAN CHEPA:** Naib Presiden AMANAH, Datuk Husam Musa menyelar sikap pemimpin Kerajaan Negeri Kelantan diterajui Pas yang cenderung menggunakan syurga dan neraka sebagai modal politik.

Berceramah di Panchor, dekat sini, 25 Mei lalu, beliau mempersoal sama ada balasan syurga dan neraka hanya terpakai ke atas rakyat sebaliknya golongan pemimpin Pas mendapat ganjaran syurga semata-mata.

"Lepas demo (pemimpin Pas) boleh empat tahun (mentadbir kerajaan negeri) mana syurga, neraka? Atas rakyat saja syurga neraka? Exco tak kena syurga neraka? Menteri Besar tak payah syurga neraka? Syurga saja? Mana boleh begitu.

"Tidak boleh lepas pilihan raya, mu (rakyat) kena sokong aku (Pas) sebab bawa perjuangan Islam, kalau tak sokong masuk neraka, kalau sokong aku, masuk syurga.

"Kalau balak jual murah patut jual mahal - masuk neraka. Kalau kita buat projek, tinas rakyat, rakyat mengadu hal kita tak dengar - masuk neraka," bidasnya di Gertak Poknik Loh.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor itu turut mempertikai sejauh mana usaha Pas di Kelantan "memprogramkan kuasa" sejak empat tahun lalu iaitu selepas memperoleh sekali lagi mandat pada Pilihan Raya Umum ke-13 lalu.

"Lepas Menteri Besar menang, exco dilantik, Timbalan Menteri Besar dilantik, tok-tok wakil mengambil tempat dalam dewan, apa program kerajaan (negeri)?

"Masa empat tahun berlalu. Apa kerajaan buat? Bila sudah menang, apa program kelslaman kalau sungguh Pas perjuang Islam?" soalnya dalam ceramah yang turut dihadiri Setiausaha Agung Keadilan, Datuk Saifuddin Nasution Ismail.

Husam yang juga Penasihat AMANAH Kelantan selanjutnya menyenaraikan tindakan sebagai pemerintah yang sebenarnya berlandaskan Islam.

"Islam ini luas. Cuci sampah, bersih dan indahkan, majukan negeri itu Islam. Tolong budak-budak boleh kerja - Islam. Bagi bantuan pada budak yang mahu berniaga - Islam.

"Tolong orang susah tengah harga getah murah ni - Islam. Cakap betul - Islam. Buat rumah untuk rakyat - Islam. Jadi janganlah kita tiba pilihan raya kalau tidak sokong parti Islam (Pas), masuk neraka. Kalau sokong masuk syurga," tegasnya lagi.

Sehubungan itu, kata Husam dalam ceramah bertemakan 'Pemimpin Kaya Rakyat Tergadai', rakyat pada masa ini mempunyai pilihan untuk mengundi selain Pas dan Umno-BN.

"Sekarang ini ada pilihan. Umno-BN mengenakan pelbagai kesusahan kepada rakyat, bawa lari wang rakyat, semua orang tahu.

"Mahathir sendiri hulubalanganya dibedal, dirotan. Bermakna kita tak boleh sokong Umno-BN. Sejak awal kita tidak sokong. Sekarang ini, Mahathir pun kata Umno bawa lari pith (wang). Cukup saksi, cukup bukti.

"Dulu, kalau tidak mahu Umno, terpaksa pilih Pas kerana marah pada Umno lebih tinggi daripada marah pada Pas," katanya.

Bagaimanapun jelas beliau, kini rakyat mempunyai pilihan parti Islam lain iaitu AMANAH yang bergabung di bawah Pakatan Harapan bagi melakukan perubahan politik.

Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan menyaksikan Pas menguasai 31 kerusi dan Umno-BN (12) manakala AMANAH dan Keadilan masing-masing satu kerusi.

# Negeri PM paling kurang sejahtera

Oleh **ARIF ATAN**

**KUALA LUMPUR:** Negeri Pahang mencapai skor terendah dalam laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) Malaysia 2016.

Secara keseluruhannya, indeks kesejahteraan keluarga Malaysia bagi negeri asal Perdana Menteri, Datuk

Seri Najib Razak itu dilaporkan hanya 6.72 mata daripada skor maksimum 10 mata.

Berada di bawah garis peringkat kebangsaan iaitu 7.33 mata, Pahang bersama Negeri Sembilan (6.78 mata) dan Perlis (6.97 mata) berada dalam kelompok tiga terendah.

Lapan domain digunakan dalam

IKK antaranya keselamatan keluarga serta domain keluarga dan teknologi komunikasi.

Sementara itu, Melaka menjadi negeri paling sejahtera di Malaysia dengan pencapaian 8.28 mata.

Bagi negeri Pakatan Harapan, Selangor mencapai skor 7.33 mata manakala Pulau Pinang mencatatkan 7.31 mata.

## Kempen anti-DAP untuk tutup skandal 1MDB

**KUALA LUMPUR:** Kempen menakutkan rakyat kepada DAP menjadi senjata kitar semula Umno dan sekutunya bertujuan menjauhkan sokongan terhadap Pakatan Harapan.

Malah dakwaan kononnya parti-parti dalam Pakatan Harapan menjadi 'tunggang DAP' jauh meleset kerana parti komponen Pakatan Harapan saling bekerjasama antara satu sama lain.

Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (Dun) Pahang, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji menyifatkan kempen berbau perkauman itu menyerlahkan Umno dan sekutunya kini terdesak meraih sokongan rakyat ekoran skandal mega 1MDB.

Tengku Zulpuri mengulas tulisan menteri kabinet, Datuk Seri Salleh Said Keruak dalam blognya yang terus-menerus menggam-



**Tengku Zulpuri Shah Raja Puji**

barkan Pakatan Harapan kononnya diketuai DAP.

"Ini jelas ketakutan teramat sangat apabila Umno hilang kuasa. Andaian-andaian yang di buat terlalu tipis dan terdesak.

"Pemimpin Umno masih memainkan lagu bahawa DAP akan menang majoriti kerusi tapi mereka

tidak berani sebut jika parti-parti lain dalam Pakatan Harapan seperti AMANAH, Keadilan, PPBM serta parti-parti pembangkang di Sabah dan Sarawak menang besar," kata Adun Mentakab itu kepada Raketkini.

Katanya lagi, amat malang bagi pemimpin Umno untuk terus memainkan isu tersebut kerana ia secara langsung memberi gambaran kepada rakyat bahawa Umno sebenarnya telah merendah-rendah keupayaan dan kebijakan negarawan pemimpin Melayu seperti Tun Mahathir dan ramai lagi.

"Malah apa yang PH buat sekarang ialah untuk memerangi rasuah dan penyelewengan yang dilakukan pemimpin Umno. Adakah itu jahat?"

"Adakah pemimpin Umno tidak kisah parti mereka terus terpalit dengan pelbagai dakwaan rasuah atau mereka memang suka rasuah?" soalnya sinis.

## Fokus kajian ilmiah, usah jadi alat BN

**KUALA LUMPUR:** Biro Undang-Undang (Kanun) AMANAH menasihati pensyarah kanan Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Kamarul Zaman Yusoff supaya fokus kepada penyelidikan ilmiah berbanding mengeluarkan kenyataan murahan menyebelahi BN.

Timbalan Pengerusinya, Wan Anwar Wan Ibrahim menyifatkan ulasan Pengarah Pusat Kajian Politik Malaysia (Mapan) UUM itu berhubung beberapa kenyataan pimpinan AMANAH termasuk Kanun tersasar jauh.

"Selaku pensyarah universiti, eloklah beliau menumpukan kepada kerja-kerja akademik dan tidak menulis tulisan picisan di Facebook sahaja yang bertujuan memenangkan BN dan mengalahkan Pakatan Harapan.

"Dr Kamarul Yusoff telah merewang panjang berkaitan beberapa

kenyataan ahli dan pimpinan AMANAH (tulisan FB beliau bertarikh 24 Mei lalu). Kanun hanya berminat untuk mengulas mengenai pernyataan beliau terhadap Kanun," katanya.

Beliau mengajak Dr Kamarul merujuk kepada Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan berkaitan kebebasan bercakap, berhimpun dan bersatu.

"Perkara 10(2)(c) Perlembagaan jelas menyatakan sekatan yang boleh dibuat oleh Parlimen termasuk Akta Pertubuhan 1966 adalah demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau prinsip moral.

"Oleh itu, Seksyen 2A dan 13 Akta Pertubuhan 1966 hendaklah dibaca dalam konteks Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

"Seksyen 2A dan 13 itu tidak bo-

leh ultra vires (bercanggah) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Atas dasar itu, maka pentafsiran kepada Seksyen 2A dan 13 mestilah konsisten dengan prinsip yang dinyatakan dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan," jelasnya dalam satu kenyataan.

Dr Kamarul dalam komentarnya di Facebook baru-baru ini menyelar Wan Anwar berkenaan peruntukan Perlembagaan.

"Bagaimana seorang peguam seperti kamu boleh menyatakan bahawa sekatan ke atas kebebasan bersatu hanya boleh dilakukan jika ada ancaman keselamatan ke atas Persekutuan atau ketenteraman awam sedangkan Seksyen 2A (1) dan Seksyen 13 Akta Pertubuhan terang-terang memberikan kuasa kepada Pendaftar Pertubuhan untuk membatalkan pendaftaran mana-mana

## Putus tahaluf tiada kaitan pentadbiran negeri?

**SHAH ALAM:** Keputusan Pas untuk memutuskan kerjasama politik (tahaluf siyasi) dengan Keadilan tidak berkait dengan urustadbir kerajaan negeri tetapi hanya berkaitan persediaan menghadapi pilihan raya yang akan datang, dakwa Pesuruhjaya Pas Selangor Sallehen Mukhyi.

Dalam satu kenyataan media, Sallehen berkata keputusan menamatkan kerjasam politik dengan Keadilan juga bukan bermakna putus silaturrahim, putus setiakawan, putus hubungan kerjasama dalam melakukan kebaikan.

Ahli Dewan Negeri (Adun) Sabak itu juga mendakwa, Pas negeri 'teguh dan setia' bersama semua Menteri Besar yang diperkenankan Sultan Selangor sama ada ketika Selangor dipimpin oleh Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mahupun Datuk Seri Mohammad Azmin Ali.

"Pas Selangor percaya bahawa kesetiaan dan keyakinan terhadap pemimpin yang diperkenankan oleh DYMM Tuanku Sultan adalah asas penting untuk memastikan kestabilan politik dapat dipelihara dengan baik dan waktu yang sama kepercayaan rakyat dapat dilaksanakan dengan jayanya," katanya.

Beliau menambah, tiga Exco dan 10 wakil rakyat Pas negeri akan terus bekerja bersungguh-sungguh dan meneruskan kesetiaan dan khidmat cemerlang mereka.

"Apa yang penting bagi kami, kepentingan rakyat dan kestabilan politik adalah keutamaan yang tiada tukar gantinya," ujar beliau.

Pas katanya akan terus menggunakan Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS) dalam menghadapi situasi yang mendatang.

"Berpolitik secara santun, berpolitik secara hujah bukan sumpah seranah, berpolitik secara rasional dan bukan emosional adalah antara keperluan bagi memastikan kestabilan kerajaan tercapai.

"Bagi pihak-pihak yang sering mengeluarkan perkataan sumbang, yang dengki dengan kejayaan Kerajaan Selangor dan yang mengambil kesempatan untuk mengeruhkan suasana konflik politik di Selangor harap dapat mengambil pengajaran dan peringatan terhadap Titah DYMM Tuanku Sultan Selangor serta meyakini pendirian yang telah dinyatakan oleh Presiden Keadilan. Teguh dan setia bersama rakyat," ujarnya.

Dalam perkembangan berasingan, Yang Dipertua Pas Gombak Sallehuddin Nasir menerima kecaman netizen apabila memuat naik status di laman facebook yang memfitnah Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng.

Sallehuddin mengecam Guan Eng kerana membuka puasa dengan orang Islam sedangkan di masa lain 'buat pesta arak dan pesta onani'.

"DAP musuh Islam. Pan (AMANAH) PKR (Keadilan) macai DAP," kata Sallehuddin yang berserban dan memakai baju ungu Himpunan 355.

Kecaman Sallehuddin turut mendapat perhatian Pengerusi Dewan Himpunan Penyokong Pas Datuk N Balasubramaniam yang berkata tidak salah bagi orang bukan Islam untuk membuka puasa bersama orang Islam.

"Mereka datang untuk meraikan sahaja," ujar beliau.

pertubuhan yang didapati melanggar syarat-syarat yang ditetapkan?" soal Dr Kamarul.

Beliau turut mencabar Wan Anwar supaya membuat laporan polis di bawah Akta Hasutan jika benar tulisannya berbentuk hasutan.

Mengulas lanjut, Wan Anwar sebaliknya mencabar Dr Kamarul untuk menjelaskan dengan terperinci maksud Islam sebagai agama Persekutuan apabila pensyarah pro-Pas itu menganggap DAP menggugat agama Islam.

"Fahaman sempitnya itu perlu diselesaikan terlebih dahulu supaya hujahan beliau tidak melencong dan tersasar.

"Kanun juga melihat cabaran beliau supaya Kanun membuat laporan polis di bawah Akta Hasutan menggambarkan beliau sendiri tidak pernah membaca Akta Hasutan,

apatah lagi untuk mengkaji isi kandungan Akta Hasutan.

"Kanun tegas menyatakan bahawa kami sendiri tidak bersetuju dengan Akta Hasutan itu yang banyak diguna untuk menyekat kebebasan bersuara di kalangan warganegara," tegas Wan Anwar.

Beliau menambah, motif utama Dr Kamarul adalah untuk menjadi alat parti politik tertentu bagi menghasut orang ramai untuk membenci DAP dan Pakatan Harapan.

Menurut Wan Anwar, hasutan jahat sebegitu walaupun sangat buruk tetapi tidak termasuk dalam skop Akta Hasutan.

"Tulisan beliau itu hanyalah tulisan picisan politik yang bertujuan untuk membakar api kebencian orang ramai kepada DAP dan seterusnya memenangkan BN," tambahnya lagi.

# Umno kuat kerana BN

Oleh ARIF ATAN

**S**ELAYANG: Presiden AMANAH Mohamad Sabu menyifatkan gabungan empat parti dalam Pakatan Harapan sebagai saling melengkapi dan meyakinkan rakyat untuk menggantikan Umno-BN di Putrajaya.

Menurut beliau, kesepakatan AMANAH, Keadilan, DAP dan Bersatu penting kerana pengalaman pilihan raya lalu membuktikan sikap bersendirian tidak diterima dalam masyarakat majmuk di negara ini.

"Sekarang empat parti masing-masing ada kelebihan. Gabungan empat parti ini saling menampung kekurangan yang ada dalam mana-mana parti. Rakyat melihat inilah alternatif untuk mengambil alih pentadbiran Malaysia.

"Mana-mana parti politik tidak boleh bersendirian kerana keadaan majmuk masyarakat di negara ini. Kuat macam mana Umno pun, dia kena bersama dengan parti-parti lain (membentuk komponen BN)," tegasnya dalam Pidato Pakatan Harapan 'Negara Ini Kita Bina Bersama' dekat sini, 22 Mei lalu.

Tanpa menyebut secara langsung nama Pas, beliau yang mesra dikenali sebagai Mat Sabu menganggap 'parti yang bersendirian' itu tidak perlu dipedulikan lagi memandangkan banyak usaha sebelum ini mengajak parti tersebut untuk bersama-sama melawan Umno-BN tidak berhasil.

"Kita gembira bila ramai kawan. Ada parti itu suka duduk sorang-sorang, biarkanlah," katanya sebelum menggunakan panggilan 'kami' merujuk kepada



Tun Mahathir melambai tangan kepada hadirin pada majlis ceramah Pakatan Harapan di Selayang, 22 Mei lalu.

pengalamannya yang bergiat dalam Pas selama hampir 40 tahun.

Beliau menceritakan Pas meraih banyak kejayaan dalam pilihan raya apabila bersama-sama membentuk blok pembangkang menentang Umno-BN.

"Kami (Pas) pernah bersendirian dulu. Bila berceramah ramai yang hadir. Kadang-kadang mencecah puluhan ribu. Datang pilihan raya, tidak menang kerana kaum lain tidak mengundi kami.

"Tetapi bila kami bersama Pakatan Rakyat baru menang lima negeri pada 2008 kerana kita bermuafakat. Kekuatan satu parti tidak boleh menang di Malaysia ini tetapi kalau bergabung kita boleh menang," tegas bekas Timbalan Presiden Pas itu.

Sehubungan itu, beliau menggesa rakyat tidak lagi mengadu-domba sentimen perkauman yang sebenarnya hanya memanjangkan hayat Umno-BN untuk terus berkuasa.

"Hentikan gembar-gembur isu perkauman. Saya sudah meluat dengan isu perkauman ini yang dimainkan untuk survival Umno-BN.

"Kalau tiada isu perkauman ini mereka (Umno-BN) tidak boleh menang. Sekarang Tun Mahathir bersama kita meruntuhkan isu perkauman ini," ujarnya disambut tepukan gemuruh hadirin yang memenuhi Dewan Sri Siantan di Selayang itu.

Beliau berpendapat kejayaan meruntuhkan sentimen perkauman sempit menjadikan rakyat memilih pemimpin berdasarkan nilai kebertanggungjawaban.

"Bila runtuh semangat perkauman, orang memilih wakil rakyat berdasarkan kualiti khidmat dan yang mengamalkan 'good governance' (urus tadbir baik), sudah pasti rakyat memilih Pakatan Harapan," tambahnya lagi.

**“ Mana-mana parti politik tidak boleh bersendirian kerana keadaan majmuk masyarakat di negara ini. Kuat macam mana Umno pun, dia kena bersama dengan parti-parti lain (membentuk komponen BN), ”**

## Pemegang jawatan penting perlu isytihar harta

**KUALA LUMPUR:** AMANAH akan memastikan semua jawatan penting seperti wakil rakyat, ahli majlis, ketua kampung dan lain-lain mengisytiharkan harta melalui Akuan Berkanun di bawah Akta Akuan Berkanun 1960.

Setiausaha Agungnya Mohd Anuar Tahir berkata, amalan ini dicadangkan dilakukan secara berkala iaitu pada setiap tahun.

"AMANAH percaya bahawa tindakan ini menjadi sinar harapan baharu buat rakyat dalam pentas demokrasi di Malaysia. Semoga tindakan ini menjadi ikutan parti-parti politik dan rakyat keseluruhannya dalam mengangkat taraf pentas demokrasi di Malaysia," katanya

dalam kenyataan.

Beliau mengulas kenyataan Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution baru-baru ini bahawa calon yang dipilih Keadilan untuk bertanding pada pilihan raya umum ke-14 nanti wajib mengisytiharkan harta masing-masing.

Beliau berkata, keadaan politik semasa sudah berubah kerana rakyat berhak memilih pemimpin yang bersih dan dilihat bersih dari sebarang salah laku.

"Saya memuji kenyataan rakan karib saya Datuk Saifudin Nasution bahawa budaya baharu akan diperkenalkan dengan memastikan calon-calon Keadilan yang bakal bertanding pada PRU14 perlu mengisytiharkan harta.

"Malah langkah ini juga telah dimulakan oleh beberapa wakil rakyat Pakatan Harapan termasuk Rafizi Ramli (30 November 2016), Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa (9 Disember 2016), Lim Guan Eng (12 Jan 2012) dan lain-lain," kata Anuar.

Bagaimanapun menurut Anuar, usaha ini tidak memadai jika hanya dilakukan oleh mereka yang berada di pihak pembangkang sebaliknya lebih penting untuk dilakukan oleh pihak kerajaan.

"Malah lebih penting lagi pimpinan Umno-BN yang menduduki posisi-posisi penting rakyat yang terdedah kepada penyelewengan," katanya.



## MP Pas sifatkan Keadilan berjiwa besar

**AHLI** Parlimen Pas Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar mengucapkan tahniah dan syabas kepada Keadilan kerana memberi mandat kepada Datuk Seri Azmin Ali selaku Menteri Besar Selangor untuk mengekalkan 3 Exco kerajaan negeri dari Pas.

"Keputusan Keadilan membuktikan jiwa besar pimpinan Keadilan terhadap Pas dan tetap menerima Pas walaupun dituduh menentang agenda Islam yang diperjuangkan oleh Pas selama ini," katanya.

Keputusan itu juga, tambah beliau secara tidak langsung membina persepsi bahawa Keadilan adalah parti yang lebih mementingkan rakyat dan negeri Selangor serta jauh dari dilihat sebagai 'kaki gaduh' yang sesuka hati memecat serta memutuskan hubungan dengan pihak dan parti yang tidak sehaluan.

"Keadilan dilihat terbuka menerima Pas yang sebelum ini mengisytihar Keadilan sebagai musuh yang akan ditentang pada PRU14 nanti," katanya.

Menurut Mahfuz, umum mengetahui yang memutuskan hubungan kerjasama politik adalah Pas manakala yang mendapat keuntungan politik adalah Keadilan.

## Muhyiddin nafi terima wang Najib

**BEKAS** Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin menafikan pernah menerima dana daripada akaun peribadi perdana menteri.

"Fitnah sefitnah-fitnahnya. Wallahi, wabillahi, watallahi, saya tak terima satu sen pun," kata Muhyiddin ketika berucap dalam siri ceramah Jelajah Semarak di padang Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, 24 Mei lalu.

Menteri kabinet yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz mendakwa Muhyiddin dan bekas Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Shafie Apdal pernah menerima peruntukan daripada wang RM2.6 bilion daripada akaun peribadi Datuk Seri Najib Razak.

Najib dan beberapa pemimpin Umno sebelum ini berkata wang itu adalah sumbangan kerajaan Arab Saudi kepada parti itu untuk kempen pilihan raya umum 2013 dan menafikan wang itu bersumberkan anak syarikat 1MDB seperti didakwa The Wall Street Journal (WSJ).

## SPRM digesa bertindak, usah tunggu PRU14

**TIMBALAN** Presiden AMANAH Salahuddin Ayub menasihati Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) agar bertindak segera membanteras rasuah di pelbagai peringkat lapisan masyarakat.

Beliau berkata usaha ini akan mengukuhkan kembali keyakinan rakyat terhadap SPRM dan pentas demokrasi di Malaysia akan lebih matang.

"Tindakan bagi menyekat amalan rasuah sewajarnya tidak boleh dilengahkan. Ini kerana dikhuatiri ia akan terus bernanah dalam masyarakat kita. Kes berprofil tinggi misalnya perlu ditangani dengan lebih proaktif," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Dzulkifli Ahmad bahawa SPRM tidak akan mengambil tindakan terhadap mana-mana ahli politik sebelum pilihan raya umum ke-14 (PRU14) kerana tidak mahu dijadikan alat atau modal kempen oleh parti-parti politik lain.

# Ramadan Kareem

## menebar kasih dan persaudaraan





2



5



4



10



6



7

- 1** AMANAH Kawasan Seremban mengedarkan bubur lambuk, akhbar Amanah dan takwim waktu berbuka di rumah flat dan bazar sekitar Panchor dan Ampangan.
- 2** USAHA MULIA... Aktivis AMANAH Sabah mengagihkan bungkusan makanan kepada pencari barangan lusuh di tapak pelupusan sampah Sandakan. *Foto YUNIZAM YUSOP*
- 3** Menyampaikan sumbangan kepada anak-anak pencari barangan lusuh di tapak pelupusan sampah Sandakan.
- 4** Kenderaan memuatkan bungkusan makanan aktivis AMANAH Sabah dikerumuni para pencari barangan lusuh.
- 5** Ketua Pemuda AMANAH Negeri Johor, Taqiuddin Cheman merangkap Pengerusi Pusat Peduli Rakyat N54 Pulau Sebatang, Pontian, Johor turun ke lapangan mengedar takwim berbuka puasa di sekitar Bazar Ramadhan Ayer Balo sebelum berbuka puasa di Musolla Anjang Jaafar.
- 6** Mengedar kurma Dan takwim berbuka puasa Di Pasar Ramadan Changkat Jering.
- 7** Timbalan Pengerusi AMANAH Perak Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin berbuka puasa Dan solat Maghrib bersama jemaah di Masjid Changkat Jering.
- 8** Aktivis AMANAH Kawasan Taiping menyantuni kanak-kanak dari keluarga asnaf di Dun Changkat Jering.
- 9** Menyerahkan bantuan barangan keperluan harian kepada golongan asnaf di Kampung Kayan.
- 10** Bubur lambuk percuma edaran AMANAH Kawasan Taiping di hadapan Pejabat AMANAH Kawasan berhampiran flat Seri Kurau pada setiap hari Ramadan mulai jam 5 petang.



9



# Selepas dikunci, SPR dihujani laporan polis

Kelolaan **ARIF ATAN**

Tidak kenal erti mengalah, Pemuda AMANAH seluruh negara terus mara membuat laporan polis menggesa siasatan terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ekoran enggan mengedarkan Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT).

Tindakan tegas itu diambil selepas SPR masih membisu meskipun pagar di ibu pejabat tersebut di Putrajaya telah dirantai dan dikunci ketika demonstrasi, 23 Mei lalu.

Pemuda AMANAH Sabah mendahului pada 29 Mei diikuti keesokannya Wilayah Persekutuan, Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah dan Melaka. Sementara itu, Pemuda AMANAH Selangor, Perak, Terengganu dan Kelantan membuat laporan polis pada 31 Mei lalu.

Menurut Ketua Pemuda AMANAH Wilayah Persekutuan, Nik Abdul Razak Nik Md Ridzuan, keputusan SPR yang tidak lagi memberi senarai

RDPT kepada parti-parti politik seperti sebelum ini memberi kesan amat besar kepada perjalanan pilihan raya.

"Rakyat teramai mungkin tidak melihat ini sebagai isu besar. Sebelum ini, apabila CD (senarai RDPT) diedar, ini menyediakan ruang semak dan imbang untuk memastikan SPR tidak sesuka hati menambah dan mengurangkan senarai pemilih.

"Sekarang, tindakan SPR hanya mengedarkan 'hard copy' salinan di pejabat SPR menyebabkan kita terpaksa tangkap gambar di sana. Nak fotostat boleh tapi kena bawa mesin fotostat kita sendiri.

"Bayangkan satu Parlimen, RDPT itu setebal 1,000 hingga 1,500 muka surat. Kita ada 222 Parlimen bermakna kira-kira 222,000 muka surat perlu difotokopi. Ini luar biasa dan mustahil," tegasnya.

Menurutnya, tempoh dua minggu untuk



Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan (dua dari kanan) dan di sebelah kanannya Ketua Pemuda Wilayah Persekutuan, Nik Razak dalam sidang media di IPD Dang Wangi baru-baru ini.

semakan dan bantahan tidak mencukupi ekoran keengganan SPR memberi senarai RDPT dalam bentuk 'softcopy'.

"Tidak pelik bila SPR memberitahu bantahan yang diterima minimum sebaik tutup tempoh bantahan. Memanglah minimum sebab tidak cukup masa. Ini isu besar mendedahkan kepada penyelewengan yang bakal menjejaskan keputusan pilihan raya," ujarnya.

Mengulas situasi senarai pengundi di Wilayah Persekutuan, Nik Razak memberitahu pertambahan seramai 28,000 pengundi dalam senarai semakan untuk suku pertama tahun ini selepas sebulan SPR mengumumkan tidak lagi mengedarkan salinan RDPT adalah luar biasa dan mencurigakan.

"Mungkin berlaku campur tangan pihak tertentu. Ini tidak pernah berlaku. Alasan mereka kesilapan di pihak SPR yang gagal memasukkan senarai terbabit dalam senarai RDPT dalam suku pertama.

"Mereka (SPR) mengakui kesilapan mereka.

Ini satu keaiban. SPR yang berpengalaman dalam pilihan raya boleh terlepas 28,000 nama (pemilih)?" bidasnya pada sidang media di hadapan Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi di ibu negara, 30 Mei lalu.

Beliau berkata, kecikiran senarai tersebut membabitkan anggota keselamatan dan pasangan mereka.

"Seramai 7,000 daripada 28,000 adalah di Wilayah Persekutuan iaitu satu per empat daripada jumlah pemilih yang didaftarkan terkemudian itu.

"Besarnya bukan kecil. Kalau di Titiwangsa sahaja yang Umno hanya menang majoriti 866 undi yang amat tipis boleh mengekalkan kemenangan. Mereka (Umno-BN) boleh merampas Lembah Pantai dengan 7,000 pemilih.

"Setiawangsa juga antara Parlimen di Wilayah Persekutuan yang mempunyai jumlah pengundi dari badan beruniform yang tinggi," dedah Nik Razak lagi.



Pemuda AMANAH Perak antara yang tampil membuat laporan polis terhadap sikap SPR yang dilihat menjaga kepentingan rejim Umno-BN.

## 'Buat masa ini kami yang menyerang'

**TIDAK** mendabik dada tetapi realiti sudah terbukti di depan mata. Pemuda AMANAH Selangor lebih menonjol dan terus giat bekerja ketika Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) bila-bila masa sahaja akan menjelma. Saingannya, Pas selain sudah tentu Umno-BN 'tidak berbunyi' dalam memperjuangkan isu peduli rakyat.

Ikuti wawancara ringkas bersama **KETUA PEMUDA AMANAH SELANGOR, ABBAS AZMI** di pejabat parti negeri di Shah Alam sehari sebelum umat Islam berpuasa memperkatakan situasi politik semasa di negeri Pakatan Harapan itu.

**AMANAH: Bagaimana hubungan Pemuda AMANAH dalam Pakatan Harapan?**

Alhamdulillah. Hubungan AMANAH dengan Angkatan Muda Keadilan (AMK), Armada dan DAP cukup baik. Malam tadi pun (25 Mei) di pejabat AMANAH Shah Alam ada pertemuan jentera (pilihan raya) yang dihadiri pemimpin AMANAH dan PKR.

Peranan AMANAH ketara menonjol dalam Pakatan Harapan memandangkan yang menyertainya adalah aktivis dan



**Abbas Azmi**

penggerak yang sudah biasa buat kerja ketika dalam Pas dulu.

Kes Anwar Ibrahim dulu, Ustaz Fadzil Nor yang mewujudkan platform berjuang menuntut keadilan ditegakkan. Sekarang, orang kanan almarhum semua sudah dalam AMANAH.

Kami di Pemuda ini pun ibarat dapat tarbiyah daripada mereka. Memang AMANAH aktif termasuk dalam mesyuarat dan pertemuan. Saya tekankan almarhum Tuan Guru Nik Aziz sangat sayang Pakatan dan Tun Mahathir pun baru-baru ini beritahu kita kena lawan dalam satu blok pakatan.

Tidak boleh sendiri-sendiri. Presiden AMANAH pun beritahu kita kalau bertanding sendiri kalah, DAP pun payah tetapi kalau kita bersama, InsyaAllah kita akan menang seperti terbukti pada PRU 2008.

**Adakah insiden 'tampar' atau provokasi daripada Pemuda 'parti sejarah'?**

Buat masa ini kami yang 'menyerang' (ketawa). Kami masih menanti serangan atau kenyataan balas Ketua Pemuda Pas Selangor, Ustaz Syarhan Humaizi Halim. Namun, hari ini Pemuda Pas bukan lagi membawa suara rakyat.

Sebaliknya, Pemuda AMANAH Selangor berjalan lancar dan bergerak aktif sama ada di peringkat negeri dan kawasan. Alhamdulillah. AMANAH Selangor pun ada 30 Penggerak Belia Tempatan (PBT) berusia kurang 30 tahun.

Umumnya, kami tidak mengalami masalah besar. Hanya ada sedikit gangguan daripada Umno terutama di utara Selangor namun masih lagi terkawal. Kalau di kawasan bandar, memang tiada halangan.

**Calon bertanding dari Pemuda AMANAH Selangor...**

Kita ada menghantar lima nama calon bertanding dari Pemuda ke peringkat negeri. Kita serahkan keputusan pada kepimpinan peringkat negeri dan nasional untuk mempertimbangkannya.

Walau bagaimanapun, itu bukan satu perkara yang besar bagi Pemuda AMANAH. Paling penting, gerak kerja menghadapi PRU-14. Tidak guna kalau letak calon ramai tetapi kerja pilihan raya kita tidak buat, tidak jumpa pengundi. Bagus macam mana calon pun masih gerak kerja penting bagi kami.

**Tawaran Pemuda AMANAH?**

Baru-baru ini kita dapat arahan daripada Pengerusi AMANAH Selangor, Ir Izham Hashim untuk kita menyiapkan tawaran bagi Selangor pada PRU14 ini. Kami akan memuktamadkan hal itu dalam masa terdekat dengan mengambil kira pandangan anak muda untuk di bawa ke peringkat kerajaan negeri.

Tawaran ini menyeluruh dan menyentuh semua aspek dengan penekanan pada ekonomi, perumahan, pendidikan dan prasarana tempatan. Itu kita punya fokus. Di Selangor, masalah paling kritikal melibatkan isu perumahan.

**Perlunya Pakatan Harapan fokus, abaikan Pas...**

Pakatan Harapan cukup-cukuplah bazir masa, mesti fokus, PRU-14 makin dekat. Kita sudah ada platform Pakatan Harapan yang pimpinan sudah tubuhkan. Pakatan Harapan inilah satu wadah kesinambungan suara rakyat selepas 'kematian' Pakatan Rakyat.

Jadinya, kita perlu tumpukan usaha membina Pakatan Harapan supaya rakyat yakin bahawa Pakatan Harapan ini pembela terbaik rakyat khususnya di Selangor dan negara.

Pas tidak bersama Pakatan Harapan dan mereka memilih untuk bersendirian atau lebih tepat lagi mereka menjadi lidah penyambung roh Umno-BN.

Musuh kita adalah Umno-BN. AMANAH, PKR, DAP dan Bersatu perlu berada di bawah blok Pakatan Harapan. Mesti fokus memastikan gerak kerja menjelang PRU14 untuk mengalahkan Umno-BN dengan jentera pilihan raya keempat-empat parti.

Itulah juga hasrat kita disebalik gesaan penubuhan Sekretariat Pakatan Harapan dalam usaha merangka gerak kerja bersama secara berkesan sebagai satu strategi menghadapi PRU14.

# Yuran cecah **RM90,000** akibat dana dipotong?

Kelolaan **ARIF ATAN**

Langkah Universiti Malaya (UM) membenarkan sistem "pengambilan langsung" bagi program sarjana muda kejuruteraan dengan kos mencecah RM 90,000 dilihat mempunyai kaitan dengan pemotongan dana universiti mutakhir ini.

Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UM, Ahmad Syifaa Abd Khaliq berkata, pelaksanaan sistem itu perlu diteliti semula bersama wakil dan persatuan di universiti itu.



Ahmad Syifaa

"Kenapa perlu mengelirukan peranan universiti ini sebagai universiti awam dengan mengenakan kos yang terlalu tinggi sehingga mencecah belasan ribu bagi setiap semester?"

"Saya menyedari bahawa sistem ini diwujudkan bagi menjana pendapatan




fakulti berikutan pemotongan bajet universiti-universiti awam khususnya Universiti Malaya sejak tahun-tahun kebelakangan ini," ujarnya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Menurut Exco Dakwah dan Kemanusiaan Persatuan Mahasiswa Islam (PMI) UM itu, sistem tersebut dibimbangi akan mendorong pihak fakulti mengurangkan kuota pengambilan penuntut melalui sistem Unit Pengambilan Universiti (UPU).

Hal tersebut, jelasnya, atas faktor kewangan dan secara langsung akan menyebabkan mahasiswa daripada golongan keluarga berpendapatan rendah dan sederhana terjejas.

"Kami percaya dorongan keuntungan daripada sistem ini seterusnya akan menyebabkan amalan ini berterusan malah akan turut diterima pakai di fakulti-fakulti lain di UM demi menjana pendapatan.

"Sistem ini tidak dinyatakan secara jelas akan had jumlah pelajar. Sekali lagi tiada klarifikasi yang jelas menyebabkan ramai mahasiswa universiti ini tertanya-tanya apa nasib mahasiswa yang berpendapatan sederhana



dan rendah yang memohon ke Universiti Malaya pada masa akan datang," katanya.

Sehubungan itu, Ahmad Syifaa menggesa pentadbiran UM menjelaskan kewajaran pelaksanaan sistem itu manakala kerajaan menambahkan dana tahunan kepada universiti

awam.

"Saya juga menggesa agar kerajaan meningkatkan peruntukan tahunan bagi universiti-universiti awam di Malaysia supaya mahasiswa-mahasiswa tidak sengsara lagi," tambahnya lagi.

## 'Perkauman kunci utama mainan'

**KENYATAAN** Yang Dipertua Pas Kawasan Gombak, Salehuddin Nasir yang "meluat menyampah" dengan kehadiran pemimpin DAP dalam majlis berbuka puasa bersama penganut Islam dibimbangi menajamkan sentimen perkauman dan ekstremisme agama, kata aktivis mahasiswa, Ahmad Arifin Shakimin (*gambar*).



"Tindakan itu tidak bijak. Impaknya bukan setakat kepuasan menyerang DAP tapi akibat yang sepatutnya dielak apabila menyemarakkan lagi api perkauman melalui sosok DAP yang diserang.

"Perkauman yang subur inilah jadi kunci utama mainan Umno menjelang PRU (Pilihan Raya Umum) nanti," ujarnya ketika dihubungi akhbar mingguan Amanah.

Menurutnya, watak-watak pelampau memang ada dalam mana-mana parti politik dan tindakan Salehuddin yang cuba menyekat penganut bukan Islam

berbuka puasa dengan Muslim amat memalukan.

"Kalau dulu Safwan Anang pun pernah digertak anaknya YDP Gombak waktu Safwan serah surat pada pejabat agung kes Menteri Besar Selangor, inikan pula serangan pada DAP.

"Pendekatan dan sikap Justin Trudeau (Perdana Menteri Ke-23 Kanada) dan sebahagian ahli parlimen Kanada sebelum Ramadan sehingga kini wajib kita contohi dan amalkan di sini," ujarnya.

Sehubungan itu, Arifin menyifatkan anak muda khususnya mahasiswa sama sekali menolak politik kebencian.

"Toleransi dan keharmonian, bukan sahaja dalam kehidupan beragama, bahkan semua tindakan termasuk dalam berpolitik sesuai dengan ciri majmuk masyarakat di negara ini," tambah penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu lagi.

## Lihat kes Aishah dari sudut kemanusiaan

Oleh **AMIR ABD HADI**

Sedih sebenarnya, bila ada yang tidak melihat kes Siti Noor Aishah dari sudut kemanusiaan, tapi hanya dari sudut benar atau salah. Lebih-lebih lagi jika dia mengaku aktivis.

Apa yang berlaku pada Aishah, sama ada benar Aishah punya kecenderungan atau tidak, hanya memperkuat dan mempercepat proses radikalisasi keatasnya. Ia bukan sekadar soal benar atau salah.

Salah seorang pemimpin Al-Qaeda, Ayman Al-Zawahiri, yang bertanggungjawab meletupkan kedutaan Amerika di Yemen pada 2008, melalui proses radikalisasi di dalam tahanan.

Menurut pakar kriminologis, Dr Mark Hamm, keadaan dalam tahananlah sebenarnya punca proses radikalisasi berlaku, bukan doktrin agama.

Namun kita pula, punya kecenderungan yang besar, untuk menghukum seseorang, berbanding melihat isu ini dalam konteks yang lebih besar. Sedang yang perlu ditekankan sebenarnya, adalah proses rehabilitasi, selain prosedur penahanan yang tidak adil.

Kita gagal melihat, bahawa Aishah, serta tahanan yang lain, akhirnya akan kembali kepada masyarakat selepas dibebaskan. Proses yang tidak adil, selain penderaan fizikal dan mental yang berlaku semasa dalam tahanan, mendatangkan bahaya yang besar dikemudian hari.

Kita gagal melihat, bahawa undang-undang seperti SOSMA, POTA dan POCA, punya ruang untuk disalahguna. Untuk yang ditahan SOSMA sahaja, sehingga Februari, adalah sebanyak 989 orang. 363 bebas, dan 139 sedang dibicara.

Proses rehabilitasi kita, gagal menekankan aspek pendidikan, vokasional dan psikososial.

Rehabilitasi di dalam tahanan hari ini, cuma merupakan kuliah bulanan Ustaz Zamihan, yang secara peribadi



saya rasakan, juga memiliki pandangan yang agak ekstrim.

Hal ini berdasarkan sumber yang punya akses untuk masuk ke dalam tempat tahanan. Sekarang, kami sedang jalankan kajian menyeluruh berkaitan radikalisasi dan rehabilitasi.

Hak asasi manusia dan keadilan bukan hanya terpakai untuk satu kelompok individu. Ia milik semua manusia, tanpa mengenal agama, latar belakang dan warna kulit.

Untuk tahanan keganasan, kita pecahkan kepada dua iaitu 'soft supporter' yang paling ramai ditahan. Kebanyakan kerana memiliki bendera atau video berkaitan keganasan, membuat posting di media sosial atau menyumbang dana dari sekecil RM10 kepada kumpulan keganasan. Kumpulan ini, kita lihat sebagai kumpulan yang mudah dimanipulasi. Mereka tidak membaca geopolitik, serta terdedah dengan radikalisasi di dalam tahanan. Mereka melahirkan rasa simpati melalui video pembunuhan dan kekejaman yang mereka tonton, yang berlaku di Timur Tengah.

Walau bagaimanapun, mereka adalah golongan yang kan sebagai 'mampu diamankan'.

Kategori kedua adalah kategori 'hardcore supporter' iaitu berkecenderungan untuk bergabung dengan kumpulan pengganas di Syria atau Timur Tengah, atau melakukan jihad dalam negara.

Kumpulan ini merupakan minoriti dalam tahanan dan harus diberi penekanan terutamanya dari sudut rehabilitasi dan pemantauan. Kumpulan ini akhirnya juga, akan dibebaskan dari tahanan dan kembali pada masyarakat.

Semoga kita semua terlindung dari ancaman terrorisme dan ekstrimisme.

\* Penulis merupakan Penyelaras Projek SUARAM.

Salehuddin Nasir

17 hrs · Serendah ·

Meluat menyampah aku tgk pemimpin dap buka puasa sekali dengan orang islam. menyebok je. masa lain buat pesta arak dan pesta onani. haram jadah sungguh. krpada orang islam allah dah sebut lakum di nukum waiyadin. sori saya tak perlu pandangan sufi tasauf di sini. dap musuh islam. pan pkr macai dap!!

Like Comment Share

Kenyataan Yang Dipertua Pas Kawasan Gombak di laman Facebook.

# 'Apakah teater saya teater Islam?'

**J**UMAAT lalu seorang pelajar Phd daripada sebuah universiti berjumpa saya untuk mendapat maklumat berkaitan kajiannya mengenai teater Islam. Dia senaraikan beberapa judul teater saya dan meminta saya mengesahkan apakah betul senarainya itu adalah karya-karya saya yang dikatakan teater Islam.

Saya kata biarlah itu para pengkaji teater yang menilainya dan menentukan apakah karya-karya itu tergolong teater Islam atau apa. Bagi saya sendiri saya tidak menamakan mana-mana teater saya sebagai teater Islam. Sebab saya perhatikan istilah dan konsep "teater Islam" itu sendiri pun tidak jelas definisinya.

Apanya yang Islam? Skripnyakah yang Islam, manakala pementasannya melanggar nilai-nilai dan hukum Islam? Dan teater itu sendiri, yakni pementasannya, yang bagaimanakah yang dikatakan Islam dan yang bagaimanakah pula yang tidak Islam?

Saya melihat banyak kekeliruan dan kecelaruan di situ, yang belum dapat diperjelaskan sepenuhnya. Beberapa pementasan yang dikatakan sebagai teater Islam yang pernah saya tonton, saya dapati terdapat unsur-unsur yang tidak bersifat Islam dalam pelaksanaan pementasannya dan apatah lagi perkara-perkara yang berlaku dalam kerja-kerja mempersiapkan pementasan itu.

Jadi apakah hal-hal yang di luar skrip dan di luar pentas persembahannya tidak diambil kira dalam kita menilai dan menentukan sesuatu karya itu teater Islam atau tidak?

Saya sebutkan beberapa contoh daripada teater saya kepada pelajar tersebut. Misalnya karya yang sama namakan "Teater Nabi Yusuf". Skripnya diolah sepenuhnya berdasarkan al-Quran surah Yusuf. Saya namakannya "Teater

Dari Al-Quran". Saya tidak namakannya Teater Islam.

Memang ia teater dari al-Quran. Cerita Nabi Yusuf yang diceritakan dalam surah Yusuf itu saya ambil sepenuhnya dan jadikan ia sebuah skrip yang siap untuk dipentaskan. Apabila saya menyatakan hal ini kepada umum, saya menerima beberapa pandangan yang menentang dan menegaskan bahawa Islam tidak membenarkannya.

Teater yang diolah sepenuhnya dari al-Quran dan sepanjang pementasannya ayat-ayat al-Quran akan dikumandangkan -- ini dikatakan tidak dibenarkan oleh Islam? Sebab apa? Sebab dikatakan bahawa Islam tidak membenarkan watak Nabi dilakonkan.

Apakah ada nas (ayat Quran atau hadis) yang menyatakan demikian? Tidak ada nas yang melarangnya secara jelas. Tetapi mereka mantafsirkan bahawa lakonan itu akan menjadi satu penghinaan kepada Nabi.

Akhirnya saya meminta pandangan seorang Mufti (Dr Mohd Asri Zainul Abidin), dan skrip ini pun dibincangkan dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Mufti Negeri Perlis, dan ia diluluskan untuk pementasan. Tetapi sehingga hari ini teater ini belum dapat dipentaskan, kerana beberapa sebab yang lain.

"Menunggu Kata Dari Tuhan" pula ialah teater yang saya panggil "Teater Dari Hadis Nabi". Ia paling tidak ada masalah dengan nilai dan hukum Islam. Telah dipentaskan lebih daripada 60 kali di serata Semenanjung, termasuk di dalam beberapa buah masjid dan surau. Namun ada satu masalah, iaitu penggunaan alat muzik.

Saya memerlukan seorang pemain biola yang berada di atas pentas sepanjang pementasan, mengiringi lakonan. Ada pihak masjid yang kata

Islam melarang muzik bertali; maka kami tukar biola kepada gendang. Tetapi banyak pula masjid yang boleh menerima muzik biola. Dan saya sendiri mendapati tidak ada nas yang jelas melarang muzik bertali.

Teater "Apocalipso" juga mengalami kontroversi apabila terdapat watak lelaki lembut di dalamnya. Saya mementaskannya bersama pelajar-pelajar Unisel yang mengambil kursus teater dengan saya. Siapakah yang akan melakonkan watak utama yang seorang pemuda lembut itu?

Saya dapati pelakon yang paling sesuai melakonkan watak itu ialah seorang perempuan. Dia perlu memakai pakaian lelaki. Para agama-wan yang dirujuk kebanyakannya mengatakan hukum perempuan memakai pakaian lelaki adalah haram. Dan habis di situ. Tidak ada perbincangan lagi.

Saya pun terpaksa mengambil pendirian sendiri, berdasarkan ilmu Islam yang sempat saya pelajari, maka saya memutuskan mengambil pelakon wanita tersebut.

Saya memberanikan diri membuat 'fatwa' sendiri kerana saya dapati para alim ulamak kita hari ini tidak ada yang berminat untuk membuat kajian yang mendalam dan menyeluruh akan permasalahan-permasalahan yang terdapat dalam dunia teater.

Disebabkan tidak ada minat untuk mengkaji dan mendalami permasalahan berkenaan, saya anggap pandangan mereka hanya sekadar melepas batok ditangga. Bukannya untuk memberi penyelesaian sebenar yang diperlukan. Maka saya tidak ada pilihan -- terpaksa mengkaji sendiri semampu yang mungkin.

Misalnya ada ulamak besar yang mengharamkan muzik, dengan hujahnya yang



panjang lebar. Saya menghormati keluasan ilmunya dalam pelbagai bidang tertentu. Tetapi saya dapati dia memang tidak ada pengetahuan mencukupi berkenaan dunia muzik hari ini dan juga lingkungan kehidupan kita hari ini. Saya fikir fatwanya yang mengharamkan muzik itu seperti tidak berjejak di alam nyata hari ini.

Begitu juga mengenai hukum lelaki berpakaian wanita dan sebaliknya itu. Dalam suasana kehidupan hari ini dimana nilai berpakaian sudah banyak berbeza dengan dulu, dan perbezaan pakaian lelaki-perempuan pun sudah hampir tidak menjadi isu lagi -- saya fikir alim ulamak kita patut memberi perhatian yang lebih.

Sama juga dengan permasalahan transgender. Kita lebih banyak melihat hal-hal yang negatif, dengan menafikan langsung hal-hal yang tidak negatif.

Kembali kepada soal Teater Islam yang menjadi subjek kajian pelajar Phd tadi. Apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan Teater Islam? Atau apakah perlu kita mempunyai 'teater Islam' itu? Seperti juga kita mewujudkan 'Bank Islam' misalnya -- apakah kita benar-benar memerlukannya?

Atau kita memerlukan sesuatu yang lain sebenarnya? ■

## Iktibar dari kekecewaan lalu, bina harapan baharu

Oleh **ABU FIRDAUS**

**B**ARU-BARU ini keluar berita mengenai Gulbuddin Hekmatyar, yang masih memimpin Hizb-e Islami Afghanistan kembali ke tanah airnya setelah 20 tahun berada dalam pembuangan di Pakistan.

Bagi penyokong-penyokong Parti Amanah Negara yang menyertai gerakan Islam pada tahun 1980-an tentu ingat mengenai perjuangan Mujahidin di Afghanistan menentang pendudukan Soviet Union ke atas negara itu.

Pada masa itu Revolusi Islam Iran baru berlaku. Maka kedua-dua, Iran dan Afghanistan merupakan negara yang diharapkan oleh gerakan Islam akan menjadi negara Islam.

Walaupun revolusi di Iran itu adalah peristiwa lebih besar tetapi ia merupakan sebuah negara Syiah yang mempunyai kaedah fiqhnya berlainan daripada majoriti penduduk Islam di seluruh dunia. Maka bagi pendukung gerakan Islam dunia, perhatian mereka lebih

tertumpu kepada Afghanistan kerana ia adalah negara Sunni.

Maka tentulah pendukung gerakan Islam ketika itu turut berdemostrasi membantah Soviet Union dan juga memberi derma untuk Mujahidin. Ketika itu mungkin antaranya anak-anak muda yang pada hari ini adalah pendukung-pendukung AMANAH.

Pada masa itu sememangnya sukar untuk mendapat maklumat. Ada sesekali dapatlah membaca berita dan rencana mengenai perjuangan Mujahidin di Afghanistan. Apa yang diketahui bahawa di kalangan para Mujahidin terdapat banyak kumpulan.

Dua kumpulan utama ialah Jamaat-e Islami dan Hizb-e Islami. Jamaat dipimpin oleh Burhanuddin Rabbani dan Hizb diketuai oleh Hekmatyar. Mujahid terkenal ialah Ahmad Masoud yang merupakan anggota Jamaati.

Orang Malaysia hanya mendengar kisah-kisah yang baik mengenai Mujahidin. Terdapat kisah-

kisah pelik untuk menunjukkan perjuangan Mujahidin adalah jihad sebenar, dan mereka yang terkorbani menjadi syahid. Sedangkan pihak musuh adalah komunis yang atheis.

Ada juga kalangan orang Malaysia turut pergi ke Afghanistan untuk berjuang dengan Mujahidin. Gerakan Mujahidin menjadi pasukan internasional yang disertai oleh banyak mujahid dari seluruh dunia Islam.

Maka umat Islam Malaysia pada setiap hari Jumaat mendoakan kejayaan Mujahidin, malah dibacakan juga qunut nazilah. Impian umat Islam ialah supaya Negara Islam Sunni pertama dapat ditubuhkan di Afghanistan. Negara Islam yang dibayangkan adalah sebuah negara aman, makmur dan diredhai Allah SWT.

Bukan saja pelaksanaan Syariah dikuatkuasakan tetapi perkembangan ilmu yang setanding dengan zaman Kekhalifahan Abasiyah di Baghdad dapat lahir di Kabul, Kandahar dan bandar-bandar di

Afghanistan. Bukan saja ilmu agama tetapi juga sains dan teknologi.

Negara Islam yang makmur melahirkan usahawan dan saudagar hebat yang turut menyebarkan kemakmuran ke seluruh dunia. Selain itu negara Islam melahirkan seniman-seniman yang mampu membina senibina indah, bukan saja masjid tetapi bangunan-bangunan lain seperti perpustakaan, muzium dan balai cerap bagi mengkaji astronomi.

Ternyata itu hanyalah impian. Setelah Mujahidin menang, mereka perang sesama sendiri. Hekmatyar mendapat diberi nama jolokan sebagai The Butcher of Kabul atau Penyembelih Kabul. Ini kerana beliau dikatakan banyak membunuh orang di Kabul. Tetapi beliau dikatakan lebih banyak memerangi sesama Mujahidin daripada menyerang komunis.

Beliau sempat menjadi perdana menteri setelah komunis tumbang. Tetapi kemudian Mujahidin dika-

lahkan oleh Taliban. Setelah Taliban ditumbangkan, Hekmatyar memerangi pula kerajaan Hamid Karzai yang tonggakannya ialah Perikatan Utara yang turut dianggotai oleh Jamaat-e Islami. Beliau dibuang negara ke Pakistan. Baru tahun lalu perjanjian dibuat dan beliau dibenarkan kembali.

Kini peperangan masih berlaku di Afghanistan antara kerajaan Kabul dengan Taliban dan sekutunya iaitu Al-Qaeda serta Daesh. Daesh adalah IS atau Islamic State. Islamic State bermaksud Negara Islam. Nama Negara Islam telah tercemar. Ini kerana ia menggambarkan kekejaman, keganasan, pembunuhan, penderaan dan tiada langsung belas kasihan.

Mengapa jadi begini? Ini semua adalah kisah sejarah yang perlu dipelajari. Kini diketahui bahawa di belakang Mujahidin dan Taliban adalah Amerika dan Pakistan melalui agensi-agensi perisikan mereka, CIA dan ISI. Walaupun gerakan Islam itu daif, ia tidak perlu naif. ■

# Situasi kritikal Maritim

**INSIDEN** "kehilangan" kapal ronda pihak penguatkuasa Maritim Malaysia di Sedili tempoh hari semasa cuba menahan nelayan Vietnam yang mencero bohi perairan Malaysia menimbulkan banyak tanda tanya.

Bagaimana bila berhadapan dengan hanya nelayan Vietnam mereka boleh "hilang"? Tidak mungkin mereka begitu lemah. Berita dari sumber dalaman yang boleh dipercayai menyatakan kebanyakan kapal serta bot ronda Malaysia begitu usang, berusia lebih 40 tahun sehinggakan senang rosak.

Sudahlah kapal usang selalu bermasalah, radio alat komunikasi pun senang rosak hingga tidak boleh memanggil bantuan dalam situasi kecemasan. Itulah sebabnya mereka dilaporkan hilang. Bagaimana pula jika mereka berhadapan dengan Navy tentera negara asing yang bersenjata dan mempunyai peralatan canggih?

Inilah realiti yang sudah lama dihadapi pihak keselamatan Maritim Malaysia. Berita yang sudah lama kita ketahui adalah peruntukan minyak untuk rondaan pun tidak cukup. Saya minta Kerajaan Malaysia memberi penjelasan isu ini, yang datangnya dari sumber dalaman yang sudah tidak tahan lagi bertugas dalam keadaan serba kekurangan dan yang membahayakan negara dan diri anggota sendiri.



**PENDAPAT**  
**RAJA BAHRIN SHAH**

Insiden kehilangan bot KD Perdana TLDM, sepatutnya membuka mata kerajaan dan rakyat Malaysia tentang besarnya situasi masalah pencerobohan nelayan rakyat asing, khususnya dari Vietnam.

Beberapa hari selepas itu pada hari Rabu pula, akhbar Straits Times Singapura menyiarkan berita utama tentang pertembungan di antara Navy Indonesia dan Vietnam semasa Navy Indonesia cuba menangkap nelayan Vietnam yang mencero bohi perairan Indonesia.

Seorang anggota Navy Indonesia telah diambil sebagai tebusan oleh pihak berkuasa Vietnam dalam insiden tersebut. Saya menggesa Kerajaan Malaysia mengambil perhatian serius keselamatan nelayan kita

menghadapi ancaman dari nelayan Vietnam. Insiden di Sedili adalah contoh terkini walaupun masalah ini sudah lama berlarutan.

Insiden-insiden tersebut sepatutnya membuka mata Kerajaan Malaysia dengan lebih luas lagi. Nelayan Sedili telah menyatakan masalah pencerobohan nelayan asing ini berlaku dalam tempoh begitu lama, seperti juga di Terengganu yang pernah saya laporkan. Soalannya, kenapa tidak ada tindakan yang tegas diambil oleh pihak berkuasa?

Kalau pihak berkuasa Indonesia sanggup lebih tegas berhadapan dengan pihak Vietnam demi kebaikan rakyat Indonesia, di mana kesungguhan Malaysia dalam isu ini?

Kawalan perairan Malaysia amat lemah. Ada sumber dalaman penguatkuasa laut Malaysia menyatakan peruntukan minyak untuk rondaan pun tidak cukup dan Menteri Pertanian kita pula rasa memadai acara menambah tukun di laut untuk menyelesaikan masalah nelayan yang jauh lebih luas dan rumit ini.

Ini menunjukkan dangkalnya pemikiran serta usaha untuk betul-betul berhadapan

masalah yang lebih besar dan serius. Kalau TLDM kita dan pihak berkuasa Navy Indonesia pun bergelut hebat dengan pihak Vietnam, apalah harapan nelayan kita berhadapan secara bersendirian ancaman luar. Kerajaan tidak memandang serius situasi di laut kita.

Saya menuntut jawapan dan penyelesaian jangka masa panjang dirangka oleh kerajaan. Masalah utamanya, adakah kerajaan benar-benar mempunyai kesungguhan azam politik untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya?

Bekas Jeneral, Dato Arshad Raji pernah menyatakan baru baru ini kelemahan ketara pertahanan negara. Cukuplah dengan acara-acara simbolik yang menghabiskan duit serta masa ini. Sudah sampai masanya rakyat dan nelayan dibela.

Harga ikan makin meningkat pada bulan Ramadan yang mulia dan Hari Raya Puasa ini. Kerajaan perlu bangkit dari mimpi dan khayalan mereka yang tidak menguntungkan rakyat jelata. Keselamatan rakyat dan negara mesti diutamakan. .

■ Raja Bahrin, Ahli Parlimen Kuala Terengganu

## Perairan Johor mudah dibolosi?

**D**ALAM suasana bening di selatan semenanjung, saya merenung jauh merenung jauh menonton pelbagai masalah yang sering mengganggu waktu tenang. Bagi seorang penulis kembara, melihat dan mencari bahan adalah kerja yang perlu ilunaskan.

Saya pernah mengutarakan harga ikan yang tidak munasabah dijual di pasar-pasar basah sekitar negeri Johor. Tetapi ramai juga yang berpendapat bahawa peniaga sengaja menaikkan harga barang untuk mengambil kesempatan atas harga minyak yang tidak stabil waktu itu.

Rasanya agak kurang tepat jika tuduhan itu dihalakan kepada peniaga. Mereka juga perlu memikirkan hal untung-rugi. Mana tidaknya jika harga yang mereka letakkan tidak munasabah, pasti pembeli tidak akan membeli barang jualan.

Saya mendekati seorang rakan yang juga peniaga di pasar basah untuk mengetahui isu sebenar. Tidak perlu dinyatakan pasar basah mana beliau berniaga kerana saya dinasihatkan tidak merekodkan tempat cari makannya. Beliau berniaga hampir lebih lima belas tahun dan sehingga Mac 2017, beliau sendiri terkejut dengan kenaikan harga hidupan laut yang dinaikkan begitu mendadak oleh pengedar.

Beliau memberitahu, harga tersebut juga bukan ditetapkan pengedar tetapi sebaliknya ia ditentukan oleh nelayan atau peraih sendiri. Hasil maklumat yang diberikan, saya meran-

### Kembara Selatan

*Amni Jagat*



cang untuk bertemu nelayan sendiri bagi bertanya akan isu harga ikan yang melambung.

Jejak saya kali ini adalah mencari seberapa ramai kenalan yang menjadikan pendapatan utama mereka sebagai nelayan. Namun hampa apabila disemak tidak ada seorang pun kenalan saya yang berkerjaya sebagai nelayan. Sehingga pada suatu hari saya ditemukan dengan seorang individu nelayan di Endau Mersing, Johor.

Nama dan butiran peribadi beliau tidak juga mampu saya maklumkan atas permintaannya. Tetapi nelayan ini banyak berkongsi maklumat mengenai hasil tangkapan yang beliau perolehi.

Di Johor, terdapat tiga sudut utama perairan atau laut yang luas (timur, selatan dan barat), tetapi mengapa harga ikan masih mahal berbanding dengan negeri-negeri lain yang harga ikannya lebih rendah. Sedangkan negeri-negeri tersebut hanya terdapat satu sudut sahaja perairan mereka.

Semasa mencari isu sebenar harga ikan yang mahal, secara tidak sengaja saya menemui masalah yang lebih besar. Antaranya, berkenaan lambakan bot dan kapal asing yang menembusi sempadan negara untuk menangkap ikan secara besar-besaran.

Itu antara punca mengapa tangkapan ikan

berkurangan. Ia kemudian dumaklumkan dan sudah diberi teguran oleh kepimpinan Parti Amanah Negara Negeri Johor pada Februari 2017, namun tiada sebarang perubahan berlaku.

Berita yang mengejutkan, pada 2 Februari 2017, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah menahan kapal pemancing profesional, kapal MT Hua Xiang 801 dari negara China yang memancing ikan di kawasan perairan timur negeri Johor. Yakni kawasan nelayan yang saya temui itu tadi, untuk meraih hasil.

Selepas menyemak maklumat, ternyata kes seperti itu telah berlaku sebanyak 32 kali hanya membabitkan APMM Tanjung Sedili sahaja, bukan seluruh perairan negeri Johor. Ternyata ia bukan perkara ringan dan enteng. Bagaimana perairan negara boleh dibolosi kapal asing sebanyak itu? Apakah sistem pertahanan laut kita ini kurang efektif?

Bagi saya, isu ini agak kronik dan perlu ditangani segera. Ia bukan sahaja membabitkan sistem pertahanan negara yang semakin longgar, sistem pertahanan negara yang semakin longgar.

Apa yang dilakukan pihak maritim APMM adalah suatu kerja yang bagus dan pantas, tetapi yang menjadi kemusykilan apakah kawalan ini menjadi longgar dengan kehadiran kapal-kapal tamu di pelabuhan-pelabuhan timur negeri Johor. Jika ini berlaku ia memerlukan pemantauan yang lebih kuat lagi atau dengan mewujudkan zon keselamatan perairan dan sebagainya.

Pada 27 Februari 2017, APMM Tanjung Sedili menahan kapal dagang tanpa muatan yang bersaiz tanpa kebenaran di perairan

Tanjung Sedili. Bayangkan sebulan telah berlaku kes sebanyak dua kali membabitkan kapal yang berjaya masuk secara salah. Itu hanya di perairan timur Johor. Bagaimana dengan lokasi yang lain?

Pada 5 Februari 2017, pihak APMM daerah Johor Bahru pula telah menahan kapal MV MSC PYLOS yang berlabuh secara tidak sah di perairan barat Johor yakni di perairan Tanjung Piai, Pontian Johor. Sesungguhnya kedaran tentang tahap keselamatan perairan negara ini perlu ditingkatkan.

Baru-baru ini, pada hari Sabtu 20 Mei, ramai dikejutkan dengan kehilangan kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) KD Perdana yang bertindak menghalau nelayan asing yang memasuki ruang perairan negara sebelum didapati hilang dari kesian pihak berkuasa. Ini juga membuktikan bagaimana jenayah di laut ini semakin meruncing; mungkin kelemahan aspek pertahanan kita perlu diteliti.

Tumpuan yang lebih fokus harus diberikan untuk menambahbaik sistem pertahanan negara. Bermula dari keinginan mencari punca kenaikan harga ikan telah membawa saya menemui isu yang lebih besar yakni mengenai sistem pertahanan negara di kawasan perairan yang semakin bermasalah.

Itulah punca harga ikan naik melambung, dengan pencerobohan secara besar-besaran oleh nelayan asing yang mengaut hasil dari perairan negara. Namun yang lebih mengkusarkan, kapal-kapal asing ini sebenarnya boleh mengancam keselamatan negara, sekali gus membuktikan sistem pertahanan perairan kita senang dibolosi.

# Siapa pengkhianat?

Oleh **AMIR ZULKIFLI**

**D**ALAM samar-samar pandangan, aku dapat mengecam susuk tubuh yang sedang duduk di kedai kopi itu sambil menghirup secawan kopi. Tidak lain, tidak bukan itu adalah Qalbi, kawan lama aku.

Qalbi sudah setahun tidak pulang ke kampung ini setelah mendapat kerja baru di negeri Terengganu. Sejak dia berpindah ke sana, aku tidak pernah melihatnya lagi sehingga hari ini.

Aku menghampirinya. Qalbi memang kawan baik aku semenjak zaman sekolah menengah. Masih segar dalam ingatanaku ketika kami mengambil peperiksaan STAM. Kebetulan pula ketika itu musim hujan. Qalbi menumpang ke sekolah kerana keluarganya tidak mempunyai kereta.

"Assalamualaikum Qalbi."

"Walaikumsalam Haidar," jawab Qalbi lemah sambil riak wajahnya tidak langsung menunjukkan rasa gembira bertemu diriku.

"Lama tak jumpa kau. Kau sihat ke? Ok ke kerja baru kau kat Terengganu tu?" Aku tetap juga meneruskan bicara walaupun menyedari Qalbi tidak berminat untuk meneruskan komunikasi.

"Semua baik-baik saja." Itu sahaja yang mampu dibalas olehnya.

Jelas sekali petanda yang ditunjukkan oleh Qalbi bahawa dia memang tidak bersemangat untuk meneruskan komunikasi.

"Takpalah Qalbi. Aku pergi dulu." Sengaja aku menghabiskan sesi perbualan itu dengan mengundur diri. Aku faham mungkin Qalbi ada masalah sebab itu dia tidak mahu berseimbang denganku.

"Tunggu dulu Haidar. Aku ada benda nak cakap." Niatku untuk beredar dari situ terbatal sebaik sahaja Qalbi mengeluarkan kata-kata itu. Aku menarik kerusi di meja itu dan melabuhkan punggung.

"Kenapa kau mengkhianati perjuangan

kita Haidar?"

Sebaik sahaja soalan Qalbi itu terpacul keluar daripada mulutnya, aku terus kaku. Hatiku terguris dengan soalan itu. Tidak sangka kawan baikku juga melabel aku sebagai pengkhianat.

Qalbi bukanlah orang pertama yang bertanyakan soalan seperti itu kepadaku. Aku dan Qalbi dulu memang merupakan ahli aktif dalam sebuah 'parti Islam'. Namun, itu dulu. Parti itu kini telah berubah sepenuhnya. Jika dulu Islam dijadikan teras perjuangan, kini Islam dijadikan selimut dan senjata bagi menentang parti rakan.

Menyedari perkara itu, beberapa pemimpin parti itu telah mengumumkan keluar parti dan menubuhkan parti baru. Aku merupakan salah seorang ahli parti baru tersebut. Sebenarnya aku tidak bersendirian di sini. Sebaik sahaja diumumkan parti baru tersebut ditubuhkan, majoriti penduduk kampung ini telah mengumumkan untuk menyertai parti baru itu.

Hal ini telah memberikan tekanan yang hebat buat anggota parti lama apabila kampung ini tidak lagi menjadi kubu kuat mereka sebaliknya menjadi kubu kuat parti baru yang ditubuhkan. Sejak itu, ahli-ahli parti baru ini sering mendapat kutukan, difitnah, dicaci-maki dan lebih teruk dipulaukan oleh mereka yang masih kekal dengan parti lama.

Melalui pertanyaan Qalbi sebentar tadi, jelaslah Qalbi masih bersama parti lama yang aku sertai dulu.

"Kau pengkhianat Haidar. Kau tak istiqamah dalam berjuang. Kau bersama dengan mereka yang menolak Islam. Rugi sahaja perjuangan kau selama ini. Kau ni memang macam biawak. Pengkhianat!"

Qalbi terus menyerangku tanpa sempat aku mengeluarkan sebarang kata-kata. Memang begitulah fitnah serta tohmahan



yang bakal aku terima daripada ahli-ahli parti lamaku. Kononnya memperjuangkan Islam tetapi adab serta akhlak ditinggal belakang. Aku hanya tersenyum sambil tepat memerhati jauh ke dalam mata Qalbi.

"Aku nak tanya kau Qalbi. Siapa yang menolak Islam sebenarnya? Siapa sebenarnya yang pengkhianat? Dulu kita berjuang bermati-matian menentang kezaliman musuh kita tu.

"Kau sendiri dulu yang cakap kita wajib lawan mereka kerana kezaliman mereka yang telah dilakukan terhadap rakyat. Barang semua naik, agama dipersendakan, kebajikan rakyat tak terjaga tapi parti kau tu malah berbaik dengan mereka."

Qalbi hanya mampu terdiam mendengarkan penjelasanku yang panjang lebar. Sekali-sekala dia mengangguk kerana ada isi yang dia bersetuju.

"Lagi satu Qalbi. Aku masuk parti baru ni atas dasar istiqamah. Aku istiqamah dengan perjuangan parti kau. Menentang musuh yang sudah pasti wajib ditentang

bukannya berkawan baik untuk kepentingan peribadi. Jadi, siapa pengkhianat sekarang ni?"

Qalbi terus membisu dan menundukkan kepalanya. Kelihatan wajahnya memang sangat bercelaru ketika ini. Dia tidak seperti ahli partinya yang lain. Dia selalu berfikir terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang tindakan. Mungkin masih belum terbuka hatinya untuk menyertai parti baru ini.

"Betul juga cakap kau Haidar. Aku pun terfikir siapa yang mengkhianati perjuangan kita dulu. Parti aku dah tak tentu arah.

Aku sendiri pun tak faham perjuangan mereka. Aku memang tak setuju dengan tindakan pemimpin parti berbaik dengan musuh yang jelas wajib ditentang tapi aku sayang nak tinggal parti ni Haidar."

Qalbi sekali lagi menundukkan kepala sambil meluahkan perasaan sebenar terhadap parti yang disokongnya.

"Kau fikir lah baik-baik Qalbi. Pemimpin-pemimpin parti kau tu lah yang sebenarnya mengkhianati perjuangan sebenar kita. Sampai bila lagi kau nak bersama mereka? Kau sanggup tikam belakang kawan-kawan kita hanya kerana termakan umpan musuh?" Sekali lagi aku cuba meyakinkan Qalbi bahawa partinya itu sudah tidak berada di landasan yang betul.

Qalbi hanya mampu membisu. Mungkin baru hari ini dia terfikir tentang pengkhianatan yang dilakukan oleh partinya itu. Mungkin juga dalam hatinya penuh sesal. Aku bangun dan meminta diri.

Jelas terpapar perasaan rusing dan sesal di wajah Qalbi ketika melihat aku berlalu pergi. Aku berdoa supaya Allah SWT membuka pintu hati Qalbi untuk bersama denganku dalam perjuangan yang sebenar.

## RAMADAN KAREEM DI BANDAR RASUL

Di tengah malam itu  
Aku terkenang Madinah Bandar Rasul  
Penuh cahaya bergemerlapan  
Yang dibina dari keringat dan air mata  
Bagaikan kilauan mutiara di malam purnama  
Tidak sedar air mata mengalir menyaksikannya.

Kutulis puisi ini untuk merakamkan  
Cinta kasih sedalam-dalamnya  
Kepadamu ya Rasul pemimpin umat  
Masjidmu yang penuh sejarah seolah-olah berkata  
Di sinilah Rasul dan para sahabat memancarkan Islam  
Menebarkannya ke seluruh alam.

Aku seperti terdengar engkau berkata  
Dengan penuh kasih sayang,  
Selamat datang umatku, selamat datang umatku

Kasihmu kepada umat ini seperti air mengalir dari gunung  
Bersih, jernih dan tenang tidak putus-putusnya.

Di Raudhatul Jannah aku berdiri di tepi makammu  
Seperti tidak mahu beredar dari situ  
Terkenang perjuanganmu, kepimpinanmu,  
Jihadmu, tarbiyah dan dakwahmu  
Bagai arus mengalir dan mengalir  
Ke seluruh alam sepanjang zaman.

Azan yang berkumandang  
Di Ramadhan Kareem di masjidmu  
Mengingatkan aku Bilal Ibnu Rabah  
Insan berkulit hitam bersuara merdu,  
Bilal yang sabar dan tabah  
Menjadi sahabat karibmu.

Dan aku juga terbayangkan  
Engkau menyampaikan pesan di mimbarmu  
Supaya umat ini mempertahankan Islam  
Dengan nyawa dan harta  
Jangan seorangpun yang menyerah kalah  
Kerana umat ini pewarisnya hingga akhir zaman.

Bukanlah lapar dan dahaga yang menjadi derita umat  
Tetapi kejahatan dan nafsu serakah  
Menewaskan mereka.

Ya Rasul, kami menyahut amanatmu  
Gemerlapan purnama di langit Madinah ini  
Menjadi saksi  
Ya Rasul yang mulia kami memohon syafaatmu.

**ABD SHUKUR HARUN**

# Pembahagian unit Flat Desa Melayu meragukan

Oleh AMNI JAGAT

**J**OHOR BAHRU: Wujudnya unsur penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah dalam pembahagian unit-unit rumah Flat Desa Melayu bagi penempatan semula penduduk setinggan Kampung Desa Melayu mendorong satu laporan polis dibuat.

Laporan polis oleh ahli jawatan kuasa Badan Bertindak Penduduk Kampung Desa Melayu, Majidi Bahru itu dibuat di Balai Polis Johor Bahru Central, dekat sini.

Menurut wakil penduduk, Razali Tahir, 59, terdapat penafian hak milik penduduk asal Kampung Desa Melayu yang telah dijanjikan Ahli Parlimen Johor Bahru Datuk Shahrir Samad sewaktu taklimat yang pernah

diberikan kepada penduduk kampung.

Razali yang juga Pengerusi Badan Bertindak Penduduk Kampung Desa Melayu menjelaskan, wujud pemilikan untuk penyewaan yang berlaku dalam kes pembahagian rumah di flat tersebut dan pembahagian rumah tidak diuruskan Pejabat Perumahan Negeri dan pemaju Tebrau Teguh.

"Penduduk serta anak penduduk asal telah dinafikan hak mereka dan ada penduduk atau penyewa asal juga telah dinafikan daripada memiliki unit rumah tersebut sedangkan dalam taklimat Datuk Shahrir Samad sebelum ini menjanjikannya.

"Saya mempersoalkan mengapa dan kenapa pembahagian unit-unit rumah tersebut tidak dilakukan oleh pihak Pejabat Perumahan Negeri dan pemaju Tebrau

Teguh sebaliknya ia telah diuruskan oleh orang tengah yang berkepentingan," ujar Razali.

Beliau juga memperitikaikan proses pemilihan dan pembahagian unit rumah yang dikendalikan Umno Bahagian Johor Bahru bagi Flat Desa Melayu.

Wakil penduduk turut mengemukakan laporan kepada Suruhanjaya Pen-cegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya siasatan dibuat terhadap dakwaan salah laku dan rasuah dalam pembahagian unit rumah flat berkenaan.



Razali dan ahli jawatankuasa Badan Bertindak Penduduk Kampung Desa Melayu selepas membuat laporan polis.

Hadir sama Naib Ketua AMANAH Kawasan Johor Bahru Rosli Kemin, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Stulang Andrew Chen Kah Eng dan para pemimpin Pakatan Harapan kawasan.

## Semak kembali rutin bekerja doktor

**JOHOR BAHRU:** Keluhan doktor perubatan berhubung beban tugas di hospital kerajaan perlu diberi perhatian serius kerana ia boleh menjejaskan kualiti perkhidmatan dan kebajikan para pengamal perubatan.

Naib Pengerusi AMANAH Negeri Johor Dr Sulaiman Mohd Nor merujuk keluhan serta luahan rasa seorang doktor perubatan di hospital kerajaan seerti tersier dalam sebuah akhbar komuniti baru-baru ini.

Menurut Dr Sulaiman, sudah tiba masanya untuk kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan menyemak semula kriteria serta cara bekerja doktor-doktor di hospital kerajaan bagi 'menyelamatkan' kerjaya yang mulia itu.

"Jika dinilai dengan kerja tidak tentu masa yang berlaku dalam kerjaya doktor ini sehingga ada yang terpaksa berkerja selama 30 jam dan lebih bagi memenuhi panggilan kecemasan atau dipanggil sebagai 'on call'.

"Pihak kami merasakan ia amat tidak normal kerana perkara ini boleh memudaratkan doktor



Dr Sulaiman Mohd Nor

tersebut serta turut membabitkan kualiti perawatan kepada pesakit akan menurun teruk akibat keletihan dan hilang daya tumpu seorang doktor," ujarnya.

Beliau turut merujuk kes beberapa orang doktor yang terkorban akibat kemalangan ekoran keletihan ketika memandu pulang daripada tugas 'atas panggilan' (on call).

"Apa yang kami ingin cadangkan adalah supaya dipertimbangkan semula gaji serta elaun doktor dalam perkhidmatan kerajaan.

"Kami akui terdapat ramai doktor yang telah berhenti kerja di hospital kerajaan untuk ber-

pindah ke hospital swasta yang menawarkan gaji yang lebih besar," ujarnya.

Keadaan ini, ujarnya megakibatkan kekurangan doktor di hospital awam sehingga doktor sedia ada dikerah bekerja lebih daripada 30 jam dengan kadar kes rawatan yang begitu banyak.

AMANAH ujarnya berharap perkara ini diberikan perhatian khusus bertujuan memajukan bidang kesihatan sekaligus dapat menyelamatkan rakyat yang semakin dihipit masalah ekonomi.

## Jab Metereologi perlu beri amaran ribut

**JOHOR BAHRU:** Jabatan Meteorologi perlu memaklumkan lebih awal berkenaan ancaman ribut atau angin kencang yang diramal melanda di sekitar perairan agar para nelayan yang mencari rezeki di kawasan perairan dimaklumkan lebih awal dan mampu membuat persediaan.

Sehubungan itu, Ketua Pemuda AMANAH negeri Taquiuddin Cheman melahirkan rasa simpati atas kehilangan mangsa bot pukut tunda yang karam 26 Mei lalu di perairan Pontian dekat Pantai Rambah.

"Kejadian ribut yang kuat pada Jumaat yang lalu telah membabitkan dua kes yang berasingan dan tiada siapa yang menjangka kedatangan angin kencang dan ribut yang kuat berlaku di sekitar perairan Pontian itu.

"Dalam kejadian yang melibatkan Mohd Syami Hasing yang sehingga kini masih belum ditemui, AMANAH mendoakan keselamatan beliau dan ingin merakamkan simpati kepada keluarga mangsa terutamanya ibu mangsa Rosnah Laibah," ujarnya.

AMANAH, ujar Taquiuddin memuji usaha Mohd Syami, 16, yang dalam usia muda itu mencari rezeki bagi menampung keluarga dengan bekerja sebagai seorang nelayan.



Taquiuddin Cheman

"Sekali lagi AMANAH Johor merakamkan dukacita dan simpati terhadap nasib yang menimpa keluarga mangsa bot karam Mohd Syami serta mereka yang terlibat," katanya.



KUKUH PERPADUAN... Pengerusi AMANAH Johor Aminolhuda Hassan yang juga Adun Parit Yaani bersama Ahli Parlimen Batu Pahat Datuk Idris Jausi dan Ahli Parlimen Gelang Patah Lim Kit Siang ditemuramah pemberita seusai mengagih kurma untuk berbuka puasa dan risalah Ramadan kepada pengunjung Bazar Ramadan Pesta, Batu Pahat, baru-baru ini. Usaha mengukuhkan persefahaman dan toleransi sesama rakyat menjadi keutamaan Pakatan Harapan demi membina generasi cemerlang di masa hadapan.

# SPR canggahi prinsip demokrasi

**S**EREMBAN: Kesal dengan tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang melarang pengedaran Rang Daftar Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) kepada parti-parti politik, Pemuda AMANAH Negeri Sembilan telah membuat laporan polis.

Laporan dibuat Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Negeri Sembilan Sahrizal Masrudin merangkap Pengarah Mobilisasi AMANAH Negeri Sembilan di Balai Polis Daerah Seremban, dekat sini, 30 Mei lalu.

Beberapa pemimpin AMANAH Negeri Sembilan dan Pakatan Harapan Negeri Sembilan juga hadir antaranya Timbalan Pengerusi AMANAH Negeri Sembilan Taufek Abdul Ghani, Ketua Pemuda AMA-

NAH Negeri Sembilan Mohd Zaki Sabri, Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri Sembilan Shanmugam a/l Marimuthu dan Pengarah Komunikasi AMANAH Negeri Sembilan Mohamad Azrin Amran.

Ketika ditemui, Sahrizal menyifatkan tindakan SPR sebagai bercanggah dengan prinsip demokrasi kerana menyusahkan parti-parti politik untuk menjalankan proses semak dan imbang.

"Semakan ke atas RDPT adalah satu-satunya mekanisme memastikan senarai pemilih SPR adalah benar dan bersih dari sebarang manipulasi," tegasnya.

Taufek pula menyatakan kecurigaan terhadap tindakan SPR itu memandangkan hanya parti politik pembangkang sahaja

yang dilihat prihatin dengan arahan terbaru itu sedangkan parti-parti komponen BN hanya berdiam diri.

Mengulas isu yang sama, Shanmugam bimbang larangan SPR akan membuka ruang yang lebih luas kepada manipulasi daftar pemilih.

"Sebelum arahan ini dibuat dan berbekalkan RDPT oleh SPR sebelum ini, kita dapat mengesan sebilangan besar pengundi yang didaftarkan di rumah-rumah yang tidak berpenghuni," katanya.



Taufek (tengah) bercakap kepada pemberita selepas Sahrizal selesai membuat laporan polis.

## Guan Eng kesal pukul jadi budaya baru

**GEORGETOWN:** Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng kesal terhadap insiden Pegawai Penerangan Pejabat Ketua Menteri, Zaidi Ahmad ditampar peserta himpunan di hadapan sebuah masjid, 26 Mei lalu.

Guan Eng berkata, budaya memukul orang dilihat menjadi budaya baharu masyarakat negara ini.

Menurut beliau, keganasan tidak perlu berlaku sekiranya terdapat perbezaan pendapat tentang sesuatu perkara sebaliknya boleh dibincang dengan baik.

"Saya kesal dengan apa yang berlaku kerana tidak seharusnya berlaku keganasan di kalangan masyarakat kita. Walau apa pun, tak boleh pukul orang. Saya lihat ini dah jadi budaya baru. Saya juga amat prihatin dengan apa yang berlaku ke atas pegawai saya.

"Apa-apa hal atau tak sependapat, akan pukul orang. Ini bukan budaya Malaysia, ia budaya luar yang ganas dibawa masuk ke

dalam kehidupan masyarakat Malaysia," lapor Sinar Online.

Beliau berkata demikian kepada media di Majlis Amal Rock-A-Duck di Batu Feringghi, baru-baru ini.

Zaidi yang juga bekas pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ditampar seorang warga emas ketika himpunan membanth kerajaan negeri selepas solat Jumaat di Masjid Simpang Enam.

Kejadian berlaku apabila Zaidi yang mendengar ucapan Pengerusi Jaringan Muslimin Pulau Pinang, Mohamed Hafiz Mohamed Nordin mempersoalkan ucapan Hafiz.

"Saya berada di masjid ketika itu dan Hafiz menuduh kerajaan Pulau Pinang campur tangan dalam fatwa negeri. Jadi saya bertanya kepada dia fatwa mana yang dicampuri.

"Saya cuma nak tahu fatwa mana yang kerajaan negeri campur tangan, tapi tiba-tiba kena serang," katanya.

## Sivarasa nafi beri ceramah politik di masjid

**SUBANG:** Ahli Parlimen Subang R Sivarasa mengakui hadir ke Masjid An-Nur Kampung Melayu Subang, 24 Mei lalu untuk menyampaikan sumbangan dan bukan memberikan ceramah politik.

Majlis sumbangan berjumlah RM71,000 bagi diagihkan kepada surau dan masjid di kawasan parlimen yang diwakili beliau telah disalah erti sesetengah pihak.

"Saya hanya buat ucapan ringkas menyampaikan salam Ramadan kepada hadirin dan menegaskan keyakinan saya kepada komitmen Kerajaan Selangor untuk terus bimbing institusi surau dan masjid.

"Saya juga hadir sebagai Ahli Parlimen kawasan Subang yang dipilih majoriti pengundi Islam dan bukan Islam.

"Saya tidak hadir sebagai wakil menteri besar seperti yang dikatakan oleh beberapa pihak yang salah faham fakta kerana saya tidak diminta untuk mewakili beliau," katanya kepada media.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Datuk Haris Kasim dilaporkan berkata, Sultan Selangor murka dengan tindakan Sivarasa.

Haris juga telah ditemui oleh sekumpulan ahli kariah masjid yang tidak berpuas hati dengan kehadiran Sivarasa pada majlis itu.

"Saya hadir selepas dimaklumkan berkenaan majlis penyampaian sumbangan itu oleh Pejabat Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Damansara," katanya sambil menambah telah menyampaikan sumbangan bersama Penyelaras Dun Radzlan Jalaludin yang turut memberikan ucapan.

Sivarasa juga mengakui berkongsi pengalaman sebagai Ahli Parlimen Subang yang melawat surau dan masjid di kawasannya sejak 2008 kepada kira-kira 70 wakil surau dan masjid di kawasan itu.

"Saya yakin (perkara) ini sudah dijelaskan oleh semua pihak yang terbabit kepada pihak Jabatan Agama Islam Selangor (Jais)," katanya.

## AMANAH Jerai kumpul hampir 2,000 ahli

**JERAI:** Meskipun semakin banyak dakwah yang dilemparkan terhadap AMANAH, ia tidak melunturkan semangat masyarakat untuk memilih parti baharu ini sebagai wadah politik.

Ini terbukti apabila AMANAH Kawasan Jerai berjaya mendaftarkan lebih 1,800 ahli baru.

Menurut Ketua Pemuda AMANAH Jerai, Mohd Ridwan Arshad Ahmad, sokongan yang semakin bercambah terhadap AMANAH berlaku selepas Pas memutuskan hubungan dengan Pakatan Harapan serta semakin mesra dengan Umno.

"Sejak kebelakangan ini pergerakan AMANAH semakin mendapat tempat di hati penduduk termasuklah di kawasan Parlimen Jerai yang diwakili Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

"Ramai yang mulai menerima AMANAH secara diam-diam dan terdapat juga di-

kalangan mereka yang mengisytiharkan diri sebagai ahli AMANAH.

"Dahulu kita terpaksa mencari ahli untuk menyertai AMANAH, namun begitu kini ramai yang menghubungi sekretariat AMANAH untuk mendaftarkan diri," katanya.

Penyertaan terbaru kata Ridwan memabitkan 20 penduduk Kampung Kuala Sungai Yan.

"Kebanyakan yang baru menyertai AMANAH dalam majlis penyerahan borang tersebut sebelum ini menyokong Pas dan Umno.

"Ramai antara mereka adalah nelayan yang tidak dibela oleh kerajaan negeri mahu pun kerajaan pusat," tegasnya lagi.

Tambah beliau, ramai lagi penyokong Umno dan Pas yang akan turut serta mendaftar sebagai ahli AMANAH dalam tempoh terdekat.

## Terengganu belum sedia laksana hudud

**KUALA TERENGGANU:** Terengganu belum bersedia melaksanakan hukum hudud sebelum kajian mendalam terhadapnya dilaksanakan, kata Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman.

Beliau berkata keputusan untuk melaksanakan hukum hudud juga hanya ditentukan oleh Dewan Undangan Negeri dan seterusnya perlu mendapat perkenan Sultan (Sultan Terengganu).

"Kita sekarang memberi tumpuan kepada Rang Undang-Undang 355... jika ia diluluskan baru kita boleh lihat apa yang boleh (hukum syariah) dilaksanakan di bawah RUU kerana tidak mahu terburu-buru dalam soal ini," katanya dilapor Bernama.

Ahmad Razif mengulas kenyataan Exco Telekomunikasi, Multimedia dan Tugas-

Tugas Khas Negeri Terengganu, Ghazali Taib bahawa Terengganu akan tetap memperjuangkan pelaksanaan Undang-Undang Syariah 2001 di negeri itu, ketika Kembara Dakwah Media Terengganu ke Aceh, 26 Mei lalu.

Ghazali turut berkata Negeri Terengganu akan menjadikan Aceh, Indonesia sebagai model dalam pelaksanaan hukum hudud jika ia dilaksanakan kelak.

"Mungkin itu pandangan peribadi beliau (Ghazali) secara umum terhadap peruntukan yang pernah kerajaan negeri luluskan sebelum ini," katanya.

Terengganu hingga kini masih belum melaksanakan Undang-Undang Islam dan Syariah 2001 berikutan masih menunggu undang-undang itu diluluskan di Parlimen.



# Enggan edar Rang Daftar Pemilih Tambahan Lapor polis siasat SPR

**KOTA KINABALU:** Pemuda Pakatan Harapan (PH) Sabah telah membuat satu laporan polis terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 29 Mei lalu berhubung isu larangan edaran cakera padat Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) kepada parti politik.

Laporan polis dibuat Ketua Pemuda AMANAH Sabah Khairuddin Daud, Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Sabah Razeef Rakimin dan Setiausaha Pemuda AMANAH Sabah Asraf Sharafi.

Menurut Khairuddin, larangan edaran cakera padat RDPT itu akan menyusahkan parti-parti politik dan orang ramai untuk menyemak senarai daftar pemilih yang dikeluarkan SPR.

"Sebelum ini, SPR mengedarkan cakera padat yang mempunyai senarai daftar pemilih dalam bentuk format PDF dan Mdb. Ini memudahkan kita untuk menyemak serta meneliti senarai daftar pemilih yang dikeluarkan oleh SPR sekiranya ada pengundi hantu atau pengundi yang meragukan dalam senarai daftar pemilih.

"Selepas digazetkan tidak ada guna lagi untuk membantah kerana seksyen 9 Akta Pilihanraya tidak lagi membenarkannya," jelas Khairuddin.

Tambah beliau, tindakan SPR ini adalah sangat regresif dan tidak menunjukkan semangat

demokratik serta ketelusan pengurusan oleh SPR.

"Larangan ini sangat tidak bersifat demokratik serta tidak menunjukkan persepsi bahawa SPR seharusnya bebas daripada mana-mana pengaruh politik seperti yang termaktub dalam Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan iaitu SPR harus mendapat kepercayaan awam. "Kepercayaan awam ini hanya boleh didapati sekiranya SPR bebas dan adil," katanya.

Razeef pula yakin larangan SPR ini dibuat selepas beberapa siri pendedahan dilakukan badan pemantau pilihan raya Bersih 2.0 serta beberapa badan lain terhadap isu pengundi hantu dan pengundi meragukan ini.



**Khairuddin bercakap kepada pemberita selepas membuat laporan polis terhadap SPR.**

"Tindakan SPR itu juga nampak seolah-olah ingin menutup banyak lagi kesalahan selepas beberapa pendedahan berkenaan pengundi hantu dan pemindahan pengundi yang didedahkan oleh Bersih dan parti politik pembangkang sebelum ini," katanya.

Arahan larangan tersebut telah tular di media sosial berdasarkan satu surat yang dikeluarkan Setiausaha SPR Datuk Abdul Ghani Salleh.

Sebelum ini, Pemuda PH Sabah telah menghantar memorandum memohon penjelasan daripada SPR Sabah bagi mendapatkan rasional larangan edaran RDPT tersebut kepada parti-parti politik.

Namun sehingga kini tiada maklum balas daripada pihak SPR Cawangan Sabah mahupun ibu pejabat SPR.

Dalam pada itu, Asraf Sharafi menyifatkan arahan terbaru SPR itu sebagai tindakan kebelakang.

"Dalam dunia yang serba moden hari ini,



**Hamzah membuat laporan yang sama di Balai Polis Sandakan.**

SPR bertindak sebaliknya, mengambil langkah regresif dengan menafikan hak rakyat mendapatkan maklumat mengenai pengundi.

"Sepatutnya SPR menjadi pemudahcara, tapi yang berlaku sebaliknya," kesal Asraf.

Laporan Polis yang sama turut dibuat IPD Sandakan dan Semporna.

Di Sandakan, laporan polis dibuat Pengerusi AMANAH Sabah, Hamzah Abdullah.

## Penduduk dakwa Exco, Adun Pas berbohong

**KUBANG KERIAN:** Sejumlah 14 keluarga yang tanah kediaman mereka diambil alih untuk projek pelancongan Lembah Binjai membuat laporan polis terhadap Exco Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Datuk Abdul Fattah Mahmood dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Demit, Mumtaz Mat Nawi kerana berbohong berkaitan projek itu.

"Abdul Fattah dan Mumtaz telah berbohong menyatakan majoriti daripada kami telah bersetuju dengan pengambilan tanah kami untuk projek Lembah Binjai," kata mereka selepas membuat laporan di Balai Polis Binjai, baru-baru ini.

Menurut laporan polis penduduk terbabit, Abdul Fattah melakukan pembohongan itu pada 17 Mei manakala Mumtaz pada 19 Mei lalu.

Menurut para pemilik tanah terbabit, mereka tidak pernah menerima wakil sama ada dari

pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) atau syarikat yang diberi kuasa datang memaklumkan, berbincang atau menyampaikan maklumat tentang pengambilan berkenaan.

"Kami hanya sedar maklumat ini melalui media setelah berlakunya pewartaan," kata Abdul Rahman Awang Mat yang mewakili penduduk terlibat.

Kenyataan bohong itu katanya, cuba menutup cara pengambilan yang tidak mengikut prosedur.

"Ini satu sikap zalim yang merugikan pihak kami kerana tidak ada apa-apa persetujuan dengan projek dan kos pengambilan.

"Harga tawaran pengambilan amat rendah berbanding harga pasaran," katanya.

Beliau berharap pihak polis segera membuka fail siasatan berkaitan penganiayaan yang dilakukan terhadap penduduk terlibat.



**Penduduk Lembah Binjai sempat berdemonstrasi selepas membuat laporan polis terhadap Fattah dan Mumtaz.**

## Tuntutan Orang Asli Pos Balar didengar 13 Jun



**Peguam yang mewakili Orang Asli menerangkan ketetapan mahkamah kepada wakil Orang Asli yang hadir.**

**KOTA BHARU:** Mahkamah Tinggi Kota Bharu menetapkan 13 Jun depan bagi perbicaraan pengurusan kes tuntutan penduduk Orang Asli (OA) Pos Balar terhadap Kerajaan Negeri Kelantan berkaitan projek Ladang Rakyat.

Menurut peguam yang mewakili Orang Asli, pihak kerajaan negeri mengemukakan beberapa tawaran.

"Pihak kerajaan bersedia menawarkan kawasan yang sedia diduduki Orang Asli dan kawasan bercucuk tanam untuk diwartakan sebagai tanah adat Orang Asli," katanya.

Bagaimanapun, Orang Asli disyarat membenarkan pihak kerajaan negeri memasuki kawasan mereka tanpa sekatan kerana buat masa ini tanah berkenaan adalah milik kerajaan.

"Mereka (wakil kerajaan) memberitahu mahkamah bahawa pihaknya ada masuk ke

kawasan tuntutan untuk buat ukur kawasan tetapi pihak Orang Asli tidak memberi kerjasama," ujarnya.

Dalam pernyataan balas, peguam Orang Asli berkata anak guamnya tidak pernah dimaklumkan tentang kerja-kerja ukur itu.

Bagaimanapun pihak kerajaan menyatakan kerja-kerja ukur itu dilakukan atas permintaan Orang Asli.

"Mereka kata Tok Batin juga hadir sepanjang sembilan jam wakil kerajaan berada di kawasan itu.

"Bila disoal siapa nama Tok Batin yang dimaksudkan, pihak kerajaan gagal menamakannya dan terus mengulang hanya Tok Batin sahaja," katanya.

## Temurapat pertama Pakatan Harapan Kelantan Ikrar bersatu lawan BN

Oleh ZIKRI ABDULLAH

**K**OTA BAHRU: Untuk pertama kali pemimpin Pakatan Harapan (PH) peringkat negeri Kelantan mengadakan temurapat di Wisma Tok Guru, Salor, dekat sini, 25 Mei lalu.

Penasihat AMANAH Kelantan Datuk Husam Musa ketika berucap mengalu-ngalukan kehadiran hampir 200 pemimpin peringkat negeri berharap perjumpaan itu menjadi permulaan penting kepada masa depan politik Kelantan.

"Rakyat sedang menunggu-nunggu munculnya gabungan mantap parti-parti di luar BN bagi membentuk sebuah kerajaan baru selepas pilihan raya umum (PRU) nanti.

"Rakyat Kelantan juga yang kini tidak yakin lagi dengan Umno dan golongan yang mesra parti itu amat berharap sebuah gabungan yang boleh dipercayai mampu mengambil alih Kelantan," katanya.

PH katanya adalah gabungan versi baru dalam politik Malaysia.

"Dalam gabungan ini kita tidak harus merasa ada siapa tinggi siapa rendah.

"Semua pihak perlu memberi tumpuan kepada objektif bersama iaitu menumbangkan BN dan mendirikan sebuah kerajaan prorakyat," katanya.

Kehadiran menyeluruh semua pemimpin parti komponen PH pada majlis itu, katanya

menunjukkan komitmen untuk bekerjasama.

"Sebelum ini Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan Keadilan memang diberi peluang untuk berinteraksi dengan Pas dalam usaha mewujudkan pertandingan satu lawan satu antara BN dan gabungan pembangkang.

"Sekarang dengan keputusan muktamar Pas memutuskan gabungan dengan Keadilan dan pihak PPBM sudah menamatkan tempoh rundingan dengan parti itu, kita bolehlah memberi tumpuan lebih mantap," katanya.

Sementara itu ketua perhubungan PPBM Kelantan Datuk Kamaruddin Mohd Nor dalam ucapannya berharap PH Kelantan akan segera bergerak seiringan.

"Sudah sampai masanya sekretariat bersama perlu dibentuk bagi mengadakan perancangan dan operasi bersama.

"Sekretariat ini amat perlu supaya kerja-kerja penerangan dan latihan kemahiran anggota parti dapat dijalankan secara lebih teratur," katanya.

Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) Keadilan Kelantan Ab Aziz Ab Kadir berkata kerja-kerja turun padang bagi tujuan kebajikan dan merayu undi perlu segera diselenggarakan antara parti-parti.

"Sebagai contoh menjelang Ramadan ini masing-masing parti buah kurma dengan logo parti masing-masing.



Lebih 200 pemimpin parti-parti dalam Pakatan Harapan Kelantan berhimpun di Wisma Tok Guru.

"Apa salahnya kita bergabung dengan meletakkan logo semua parti sementara satu logo bersama belum muncul.

"Dengan cara ini pertindihan penerima boleh dielakkan dan tentulah lebih ramai yang dapat kita sampaikan untuk mempromosikan Pakatan Harapan," katanya.

Turut berucap di majlis itu ialah wakil DAP Kelantan, Chua Chin Hui yang berharap parti itu akan dapat turut menyumbang kepada kejayaan Pakatan Harapan.

"Sebagai sebuah parti yang sejak awal bersama PH, kami akan bekerja keras memberi apa jua bantuan untuk mengalahkan BN.

"Memang kami berharap PH memberi peluang untuk calon DAP bertanding di Kelantan, namun itu bukanlah syarat untuk kita bekerja," katanya.

Temurapat itu turut disertai aktivis Transparency International Datuk Akhbar Satar.

Beliau membentangkan kertas bertajuk 'Indek Rasuah di Malaysia'.



Pemimpin wanita Pakatan Harapan turut serta.



Pengerusi AMANAH Kelantan Datuk Wan Abdul Rahim Abdullah sedang berucap dengan diapit para pemimpin parti-parti Pakatan Harapan Kelantan.

## Bantah bina jejambat berhampiran masjid

**TANAH MERAH:** Cadangan pembinaan jejambat di tengah bandar ini dibantah penduduk kerana membabitkan kawasan masjid, balai polis dan kawasan perniagaan.

Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Kelantan, Dr. Hafidz Rizal berkata, bantahan itu bukan bermaksud penduduk antipembangunan, namun perancangan pembangunan sepatutnya mengambil kira pandangan penduduk tempatan.

Baru-baru ini, penduduk sekitar bandar Tanah Merah berhimpun selepas menunaikan solat Jumaat membantah pembinaan jejambat yang dicadangkan untuk dibina berhampiran kawasan masjid.

Dr. Hafidz yang juga penduduk kawasan itu menolak tuduhan kononnya rakyat di bandar

itu menolak pembangunan.

Bantahan itu, katanya dibuat kerana berlaku pengambilan tanah milik Masjid Sultan Ismail Petra yang terletak di tengah-tengah bandar Tanah Merah.

"Kami membantah flyover (jejambat) yang mengorbankan tanah rumah Allah SWT.

"Sepatutnya dicari satu alternatif yang tidak melibatkan kawasan masjid," katanya.

Menurutnya, sebelum ini beliau mendapat maklumat bahawa cadangan jalan baru itu melalui kawasan lain.

"Laluan ini sama sekali tidak sesuai kerana ia melibatkan kawasan masjid, balai polis dan deretan kedai yang telah



Dr. Hafidz Rizal

sedia jadi tumpuan orang ramai.

"Pembinaan ini akan mengganggu pengujung masjid, keesediaan balai polis dan masa depan kawasan perniagaan," katanya.



Penduduk mengadakan bantahan selepas solat Jumaat membantah cadangan pembinaan jejambat berhampiran masjid.

# Disiplin ilmu bukan sentimen murahan

**ADA** seorang pensyarah yang mendakwa dirinya sebagai ahli akademik di utara Semenanjung telah menjerumuskan dirinya dalam kancang yang sepatutnya jadi mainan politikus murahan. Katanya dia pensyarah di UUM.

Nuansa ahli akademik ini agak menghina keilmuan golongan yang berakal tapi pada waktu sama dia berbangga berada di gedung ilmu yang sepatutnya menjana akal dan minda yang progresif dan maju.

Walhasilnya saya hanya respons atas dakwaannya kepada Adun Subang Jaya YB Hannah Yeoh atas buku "Becoming Hannah" bahawa setelah membacanya ia tidak menjadikan saya Kristian seperti mana didakwa oleh pensyarah ini kononnya buku ini ada unsur memurtadkan orang Islam.

Saya tidak ada apa pun isu dengan pensyarah dari UUM ini, saya hanya mahu menegaskan bahawa dia tidak mewakili umat Islam kerana tiada umat Islam yang mahu dikaitkan dengan kejumudan dan pencemaran toksik rasis dan agama sempit seperti dia. Dengan hanya beberapa perkataan terhad saya pun 'tweet', "Akan baca buku Hannah Yeoh dan harap saya akan terus menjadi Muslim".

Tweet saya rupanya ditularkan dengan cacian dan penghormatan. Saya sudah biasa dengan itu semua, namun kerana ada orang yang enggan diwakili oleh pensyarah ini, suara saya menjadi satu 'gangguan' pada kelompok yang ingin membajai kejumudan diselit dengan insuniasi politik tentang anti-DAP.

Saya tidak kenal pensyarah ini tetapi kerana keengganan tunduk pada kejumudan pemikirannya saya diheret dengan tulisan beliau terhadap saya. Ada tiga tulisan yang dimuatkan dalam status mukabukunya. Saya dinasihatkan oleh peguam saya untuk menjawab dua sahaja kerana salah satu tulisannya itu akan dikendalikan oleh

oleh peguam saya.

Dua tulisan dari pensyarah tersebut seolah hendak menafikan kenyataan saya dalam satu artikel yang keluar dalam *The Star* pada 26 Mei 2017 bawah tajuk 'Yusof Rawa Tried Middle Path'. Kenyataan saya dihubung artikel adalah: "*The Amanah party has recognised his leadership by continuing his legacy of openness*" mengiktirafi Haji Yusof Rawa atas sikap keterbukaannya.

Sebagai rekod AMANAH telah meletakkan Yusof Rawa, Fadzil Nor dan Tuan Guru Nik Abdul Aziz sebagai legasi contoh yang patut diteruskan pemikiran politik mereka atas keterbukaan mereka dan bukti kejayaan mereka dalam persada demokrasi di Malaysia. Kenapa pensyarah ini terasa terkejut dengan pengiktirafan AMANAH kepada tiga tokoh parti Islam ini?

Saya tidak faham apabila pensyarah ini tersinggung malah membawa poin panjang tentang Tahaluf Siyasi yang Almarhum ayahanda saya tegaskan. Tiada siapa yang pertikai semua itu dan tidak ada siapa yang membuat perbezaan dengan Tahaluf semasa Haji Yusof Rawa dan parti politik pada waktu itu dengan sekarang yang AMANAH sertai. Mengheret pada sesuatu yang tidak disentuh oleh saya adalah tulisan sia-sia yang Allah sahaja tahu apa motifnya.

Berkenaan dengan tesis saya, pensyarah ini mendakwa ia adalah kajian lokal iaitu tentang konflik di dalam organisasi Pas Melaka dan bukan tentang Pas Malaysia.

Ya sekurang-kurangnya ada gunanya 'tajam' pengenalan dia tetapi malangnya sebagai ahli akademik dia patut tahu bahawa Pas Melaka adalah sampel kepada pemikiran konflik dalam Pas secara umum dan seorang pengkaji terpaksa terlebih dahulu membuktikan adanya insiden dan fenomena konflik dalam organisasi tersebut sebelum memutuskan untuk meng-

ambil sampel kajiannya di bahagian mana atau di negeri mana kajian akan dibuat. Konflik dalaman memang wujud dalam Pas sejak sebelum Asri dan pasca Asri dan semasa era 'kepimpinan ulama'.

Justeru, tidak ada alasan isu lokal atau nasional, kita mengkaji fenomena malah lebih mudah untuk pengkaji selanjutnya membuat sampel di nasional kerana sudah ada kerangka kajian yang berstruktur di-bentuk oleh kajian konflik di Melaka. Sepatutnya ia adalah cabaran pada ahli akademik untuk melanjutkan kajian kerana tidak ada pengkaji konflik dalam organisasi parti Islam dibuat secara disiplin konflik di Malaysia. Saya amat menghargai jika ada pihak lain yang membuat kajian, ia boleh meluaskan lagi dapatan yang saya temui.

Pensyarah yang dakwa saya 'menipu' menggunakan tesis saya juga mungkin lupa, salah satu 'alat'(tool) untuk kajian dalam kaedah 'kualitatif' adalah penulisannya sendiri kerana kajian kualitatif deskriptif saya tidak menggunakan alat statistik untuk mengumpul maklumat tetapi melalui wawancara, analisa dokumen, perhatian dan paling utama adalah pengalaman pengkaji sendiri. Itu memberi kualiti kepada kajian yang dibuat.

Saya tidak tahu pensyarah ini ada atau tidak pengalaman dalam organisasi Pas, tapi saya ada rekod sebagai pimpinan Pemuda, AJK Pas Pusat dan menerajui Lajnah Perpaduan Nasional serta perintis pembentukan Dewan Himpunan Penyokong Pas (DHPP) dan aktiviti dialog dengan berbagai agama. Tidak kurang pengalaman memimpin negeri Melaka dan Pulau Pinang dan pernah menjadi Yang Dipertua Pas Kawasan Jasin, Bayan Baru dan Bukit Gelugor.

Melainkan pensyarah ini ada rekod yang lebih cemerlang dalam Pas, saya menganggap pandangannya pada Pas hanyalah akademik yang duduk dalam bilik malah lebih buruk jikalau dia hanya merupakan penulis upahan demi mendapat sesuatu habuan peribadi, saya harap saya silap.

'Kegilaan' pensyarah ini 'menyerang' AMANAH dan saya serta obsesinya pada kebencian DAP tidak kenal batasan dan nilai keilmuan. Dia sanggup menganggap Maqasid Syariah adalah atas dorongan DAP dan G25 hanya kerana mereka menyokong pendekatan Maqasidi. Jadi AMANAH dengan pendekatan Maqasid Syariah adalah boneka DAP dan kelompok liberal!

Saya tidak tahu apakah bidang kajian pensyarah ini tetapi kejahilannya kepada disiplin Maqasid benar-benar menyerlahkan 'kecerdikannya'. Dia sanggup memetik kata-kata ayahanda Haji Yusof Rawa yang tidak ada kena mengena dengan isu Maqasid. Maqasid seperti semua sedia maklum bukan menolak Al-Quran dan Sunnah malah Maqasid menemukan tujuan utama Syariah diturunkan dengan merujuk kepada prinsip Umum dan Khusus yang diambil dari Al Quran dan Sunnah.

## Pendapat

Dr Mujahid Yusof



Seorang ahli akademik kerana obsesinya yang sempit sanggup memperlekehkan Maqasid Syariah yang merupakan asas kepada pembinaan negara dan masyarakat malah ketamadunan itu sendiri. Penasihat AMANAH, Ustaz Ahmad Awang tidak silap apabila menyatakan bahawa perjuangan AMANAH adalah untuk mencapai tujuan besar Syariah iaitu nilai Kemanusiaan, Keadilan dan Kesejahteraan Sejagat. Berbeza dengan sesetengah pihak di Malaysia yang mendakwa parti Islam yang hanya memaparkan Syariah=Hudud dan Hudud=Syariah, itulah Islam.

Memetik kesilapan tarikh yang saya catitkan dan membetulkannya adalah satu-satunya perkara jujur yang dibuat oleh pensyarah ini dalam tulisannya dan saya amat menghargainya. Namun motif tersebut diselit dengan sinis bagi mencapai motif besar penulisannya iaitu memperlekehkan saya.


Sesiapa pun berhak mengkritik mana-mana hasil penulisan. Sebagai rekod, buku-buku saya yang dipetikanya dalam tulisannya sekurangnya menampakkan idea saya untuk memajukan organisasi yang saya sertai dahulu iaitu Pas. Selain buku tentang Pas yang bersifat ide masa depan Pas, pemikiran saya dalam suasana masyarakat berbagai kaum dirakam dalam "Islam dan Kepelbagaian: Rahmat Untuk Semua" Dalam suasana Islamophobia hari ini, saya menulis "Islam Bukan Agama Teroris" dan perjalanan hidup saya diterjemahkan dalam bahasa Inggeris "Aren't We All Malaysian?"

Golongan pelabel yang menularkan saya liberal hanya perlu membaca tulisan saya dalam buku-buku tersebut supaya Allah merahmati tahap berfikir mereka semoga mereka bertaubat. Saya yakin ianya bukan isu saya liberal tetapi itulah ungkapan sesuai yang boleh menjatuhkan reputasi saya dan ia hanyalah pembunuhan karektor untuk tujuan politik. Apakah pensyarah cemerlang ini sampai ke tahap itu?

Beliau ada memetik kata-kata saya dalam portal bahawa PH jika ke Putrajaya akan menghapuskan politik berasaskan kaum dan agama. Saya bercadang untuk menjelaskan secara lebih khusus apa yang dimaksudkan dan sememangnya setiap warganegara di bumi bertuah ini perlu ada impian untuk negaranya aman dari golongan jumud kaum dan agama.

Ramadan Kareem.

■ Dato' Dr Mujahid Yusof Rawa ialah Naib Presiden AMANAH.



Buku bibliografi tulisan Hannah Yeoh didakwa segelintir pihak sebagai usaha menyebarkan agama Kristian di negara ini.

# Muslim korup dan bukan Islam, siapa lebih baik?

**K**EBENCIAN boleh menjadi satu fenomena kolektif bila ia dipupuk melalui kepercayaan atau ideologi yang dianuti ramai orang. Apabila ini berlaku, mudahlah golongan itu melakukan tindakan ganas terhadap mereka yang menjadi sasaran kebencian mereka.

Inilah yang berlaku di Jerman di bawah pemerintahan Hitler. Ini juga fenomena yang membolehkan golongan Zionis mengusir dan menindas orang Palestin.

Demikian juga ketika perang di Bosnia Herzegovina. Kebencian kolektif membolehkan askar Serbia membunuh umat Islam Bosnia secara beramai-ramai.

Bibit-bibit fenomena kebencian secara kolektif turut dapat kita lihat di Malaysia.

Ada golongan yang mencanang kebencian untuk menjustifikasi tindakan mereka bercumbuan dengan kelompok yang sebelum ini musuh mereka. Mereka menjadikan "ancaman" golongan bukan Islam sebagai rasional tindakan mereka.

Di antara hujah yang digunakan adalah "Muslim yang korup adalah lebih baik dari orang bukan Islam".

Orang Islam dikatakan perlu bersatu sesama Islam walaupun ini bererti menyokong umat Islam yang korup. Secara tidak langsung, ia menjadikan golongan bukan Islam sebagai objek permusuhan.

## Apa kata syarak

Adalah wajar sikap ini diteliti daripada kaca mata syarak. Adakah benar orang Islam yang korup patut disokong? Dan adakah benar semua orang bukan Islam memusuhi Islam?

Pertama, berkelakuan korup adalah sebahagian daripada fasad yang dibenci Islam. Melakukan fasad adalah lawan kepada islah atau kebaikan dan kebajikan yang dianjurkan Islam. Terdapat banyak hadis yang mengecam pemimpin yang fasad. Di antaranya:

Abu Ja'la (Ma'qil) bin Jasar r.a berkata: "Saya telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: 'Tiada seorang yang diamankan oleh Allah memimpin rakyat kemudian ketika ia mati ia masih menipu rakyatnya, melainkan pasti Allah

mengharamkan baginya syurga.'" (HR Bukhari dan Muslim)

Dalam sebuah lagi hadis, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Ada dua golongan manusia, bila mereka baik manusia menjadi baik, bila mereka rosak manusia menjadi rosak: mereka ialah ulama dan umara (pemerintah)." (Abu Na'im dalam al-Hulyah).

Abdullah ibn Mubarak juga menyebut: "Golongan yang berkuasa terdiri dari dua golongan, iaitu umara (pemerintah) dan ulama. Bila mereka saleh, manusia akan menjadi saleh. Bila mereka fasad, manusia akan menjadi fasad."

Daripada dalil di atas, kefasadan bukanlah suatu yang dipandang ringan dalam Islam. Sebaliknya, ia dilihat sebagai satu yang akan membawa kepada kemusnahan yang lebih besar kepada ummah.

Dalil di atas juga menunjukkan golongan ulama juga boleh menjadi fasad. Bila keduanya golongan itu iaitu pemimpin dan ulama itu fasad, maka akan musnahlah umat.

Melayu dan tali barut British

Sejarah Tanah Melayu sendiri menunjukkan bagaimana tanah air mudah digadai dan jatuh kepada penjajah apabila pemimpin fasad. Kemasukan British di Perak adalah di atas jempolan pemimpin-pemimpin Melayu sendiri.

Pemimpin Melayu ini mementingkan kedudukan mereka dan sanggup membawa masuk kuasa asing untuk menjamin kedudukan mereka. British tidak perlu membawa angkatan tentera yang besar untuk memasuki Tanah Melayu.

Demikian juga, di antara sebab teretusnya Perang Saudara Selangor (1867-1874) adalah apabila pemimpin Melayu di Klang memberi hak mengutip cukai kepada dua orang saudagar Negeri-Negeri Selat, iaitu W.H. Read dan Tan Kim Cheng (orang asing).

Ini menimbulkan kemarahan pemimpin Melayu lain dan akhirnya mencetuskan perang saudara.

Ketika Perang Nanning pula, tentera British ditewaskan oleh orang Nanning pada Perang Nanning Pertama (1831). Namun ketika British melancarkan Perang Nanning Kedua (1832), mereka mendapatkan sokongan orang Rembau yang diketuai Syed Shaaban. Nanning akhirnya tewas selepas digempur tentera sekutu Rembau-British.

Peristiwa di atas menunjukkan apabila orang Islam dipimpin oleh pemimpin yang tidak beramanah, mementingkan diri dan kedudukan sendiri dan bersifat fasad, ia akan membawa kepada malapetaka yang lebih besar.

Malah pemimpin sebeginilah yang akhirnya menggadaikan umat dan kedaulatan tanah air kepada musuh dari luar.

Sejarah Tanah Melayu berkali-kali menunjukkan pemimpin yang fasad akhirnya menyebabkan malapetaka yang lebih besar.

Pandangan bahawa "Muslim yang korup lebih baik daripada bukan Islam" mengandaikan semua orang bukan Islam adalah sama.

## Pandangan Nabi tentang bukan Islam

Namun, sikap ini amat bertentangan dengan ajaran Al-Quran dan amalan Rasulullah.

Al-Quran jelas menyebut golongan ahli kitab (Kristian dan Yahudi) itu lebih hampir kepada Islam. Inilah sebabnya Rasulullah s.a.w. telah mengarahkan sebahagian dari sahabat berhijrah ke Habsyah yang dipimpin oleh seorang Raja Kristian untuk mendapatkan perlindungan.

Ketika Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah, baginda mengupah Abdullah ibn Urayqit, seorang bukan Islam, sebagai malim untuk membawa baginda dan Abu Bakar ke Madinah.

Hijrah merupakan saat yang getir pada Rasulullah s.a.w. Baginda diburu oleh orang Quraisy yang berazam untuk membunuh beliau.

Nyata di sini, Rasulullah menganggap terdapat kalangan orang bukan Islam yang amanah dan boleh dipercayai.

Sekiranya baginda menganggap semua orang bukan Islam sebagai jahat dan tidak boleh dipercayai, sudah tentu baginda tidak akan meminta Abdullah ibn Urayqit bertindak sebagai malim dalam perjalanannya.

Demikian juga, hadis mengiktiraf terdapat sifat baik pada orang bukan Islam.

Dalam sebuah hadis, Nabi s.a.w. menyebut, "Yang terbaik di kalangan kamu semasa jahiliyyah adalah yang terbaik di kalangan kamu semasa Islam." (Riwayat Muslim)

Suatu kepincangan yang terdapat pada pandangan bahawa "Muslim yang korup lebih baik daripada bukan Islam" ialah ia mendikotomikan sikap yang harus kita pegang.

Ia menyempitkan pilihan kita kepada sama ada menerima Muslim yang korup atau dikuasai oleh bukan Islam yang memusuhi Islam. Ini adalah pandangan yang sempit dan songsang serta tidak logikal. Ia juga sangat bertentangan dengan syarak dan contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w..

## Madinah di bawah Nabi

Contoh kepimpinan Rasulullah s.a.w. di Madinah jelas menunjukkan sikap yang adil serta inklusif serta menggambarkan sifat Islam sebagai rahmat kepada seluruh alam dan menekankan islah dan pembinaan sifat saleh.

Golongan bukan Islam di Madinah, iaitu Yahudi, Kristian dan penyembah berhala, diberi hak dan perlindungan yang sama. Rasulullah boleh saja menggunakan kedudukan baginda untuk menindas golongan bukan Islam di Madinah. Baginda boleh saja mencetus kebencian terhadap mereka dan seterusnya mengusir mereka.

Namun, itu tidak berlaku kerana ia bukanlah jalan islah, rahmah dan berhikmah yang dikehendaki Islam.

## PENDAPAT DR ROZHAN OTHMAN

Malah Rasulullah s.a.w. menandatangani piagam Madinah meminta semua warga Madinah untuk sama-sama membangun dan mempertahankan Madinah. Hanya suku-suku Yahudi yang mengkhianati Madinah setelah memungkir piagam Madinah ketika perang Khandaq yang diusir dari Madinah.

Hubungan di antara umat Islam di Madinah dan golongan bukan Islam di Madinah berjalan sangat baik. Dengan itu juga menarik ramai orang bukan Islam untuk mengenali Islam dan akhirnya ramai yang memeluk agama Islam.

Malah terdapat beberapa riwayat yang menunjukkan golongan Islam dan bukan Islam saling mengundang di antara mereka ke majlis jamuan.

Rasulullah s.a.w. sendiri mempunyai hubungan yang rapat dengan seorang pemuda Yahudi. Baginda mengambilnya bekerja sebagai pembantu untuk tugas-tugas di rumah baginda.

Ketika Perang Khandaq, semua penduduk Madinah, Islam dan bukan Islam, kecuali suku Yahudi Bani Qurayzah, sama-sama mempertahankan Madinah daripada serangan tentera bersekutu yang dipimpin Quraisy. Inilah sifat masyarakat Islam yang dibina Rasulullah s.a.w..

## Ulama fasad

Selain mengecam pemimpin yang fasad, Islam juga menolak ulama yang fasad. Bila ulama mengiyakan pemimpin yang fasad, mereka telah sama-sama terjerumus dalam kefasadan.

Rasulullah s.a.w. memberi amaran dalam sebuah hadis: "Akan terdapat para pemerintah yang fasik dan zalim. Maka sesiapa yang mengiyakan pendustaan mereka itu dan menolong mereka melakukan kezaliman dia bukanlah dari kalangkanku." (Ahmad, al-Nasa'i dan al-Tirmizi)

Pandangan bahawa Muslim yang korup lebih baik daripada bukan Islam merbahaya dan menyimpang daripada ajaran Islam. Ia juga merbahaya kerana ia mempergunakan Islam untuk tujuan muslihat politik.

Adalah salah dan menyeleweng menggunakan Islam untuk menjustifikasi tindakan para agamawan bersekongkol bersama pemimpin yang korup dan fasad. Pandangan ini juga memberi gambaran seolah Islam dan bukan Islam tidak boleh bersama secara harmoni.

Apatah lagi bila pandangan ini digunakan secara selektif untuk 'menjembalangkan' golongan bukan Islam tertentu yang dilihat sebagai saingan politik sahaja. - FMT ■



Bukan sahaja sempit dan songsang serta tidak logik, pandangan Muslim korup lebih baik bertentangan dengan syarak dan contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah.

# Rasional kekalkan Pas dalam Kerajaan Selangor

**R**AMAI yang membicarakan persoalan hubungan Pas dan Kerajaan Negeri Selangor setelah Pas memutuskan hubungan dengan Keadilan. Sebelum ini hubungan dengan DAP telah diputuskan dan tiada pula hubungan dengan PPBM ataupun AMANAH. Dengan itu ramai tertanya-tanya, apa rasionalnya Pas dikekalkan sebagai sebahagian dari Kerajaan Selangor?

Ada juga yang meminta supaya Pas dipecat dan dikeluarkan dari Kerajaan Selangor. Ianya kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan Pas tiada apa-apa hubungan dengan PH. Atas sebab itu, ramai juga yang membidas Menteri Besar (MB) Selangor atas ketidaksanggupan beliau untuk memecat Pas.

Bagi saya, sepatutnya yang dibidas adalah Pas kerana tidak sanggup meletakkan jawatan selepas memutuskan hubungan dengan setiap parti dalam PH. Dalam soal memecat Pas atau sebaliknya, itu persoalan strategik yang MB perlu fikirkan dari sudut untung rugi politik PH.

Tiada salahnya MB mengekalkan Pas kerana bukan Keadilan yang mencaci dan menggelar Pas sebagai pengkhianat serta memutuskan hubungan dengan Pas. Pas yang melakukan itu semua dan Pas yang sepatutnya meletakkan jawatan.

Sebenarnya Pas sememangnya ingin Exco mereka dipecat. Dengan itu Pas akan dilihat sebagai mangsa. Pas dan Umno boleh selepas itu menuduh kerajaan Selangor dikuasai DAP dan tindakan memecat mereka adalah kononnya desakan DAP. MB dan PH boleh dituduh tunduk pada DAP. Itulah sebabnya Pas tidak letak jawatan.

Pas sanggup berbuat demikian demi kepentingan politik seperti mana telah mereka lakukan sebelum ini. Oleh itu, strategi mereka adalah supaya mereka dipecat. Kenapa kita perlu ikut kehendak mereka? Biar mereka dilihat tidak bermaruah oleh semua, mencaci rakan sehingga menceraikan namun masih ingin bersama.

Saya rasa semua sudah jelas, sudah tiada apa-

LAUT  
BUDI  
TEPIAN  
AKAL

KHALID SAMAD



apa hubungan antara Pas dan PH. PRU ke-14 ini akan menyaksikan Pas bertanding menentang bukan sahaja parti BN tetapi juga parti yang mewakili PH. Persoalan tiga penjurong itu tidak lagi dapat dinafikan. Namun demikian itu adalah setelah Parlimen dan Dun dibubarkan. Oleh itu, dalam pada Pas terus berada bersama kerajaan PH di Selangor, persediaan untuk berhadapan dengan Pas semasa PRU ke-14 tetap perlu dilakukan.

Apabila keputusan dibuat untuk tidak memecat Pas, perlu diawasi supaya kedudukan mereka sebagai sebahagian dari kerajaan Selangor tidak dimanfaatkan untuk melemahkan PH dengan mengukuhkan Pas. Perlu dikawal keadaan supaya sambil mereka dikekalkan dalam kedudukan mereka, matlamat PH dicapai dan bukan matlamat Pas. Biar PH semakin mantap dan kuat sambil Pas diperlihatkan tidak berprinsip dan bermaruah kerana terus bersama kerajaan Selangor.

Ada yang bertanya, kalau begitu apa perlu Pas dikekalkan bersama? Tidakkah lebih mudah sekiranya mereka dipecat?

Saya membaca tindakan mengekalkan Pas dalam kerajaan Selangor sebagai satu taktik yang bertujuan "memanfaatkan Pas demi kepentingan PH". Sepertimana Umno/BN memanfaatkan Pas untuk kukuhkan BN dan pecahkan Pakatan Rakyat sebelum ini. Di sini kita boleh belajar dari tindakan Umno. Ianya bagaimana pepatah Melayu, "menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak".

Sebagai contoh kita boleh lihat tindakan

Umno dalam RUU 355. Mereka membenarkan Pas sekadar mensyarahkannya. Ia memuaskan hati dan kehendak Pas sambil mencapai matlamat merenggangkan lagi hubungan Pas dengan PH. Sambil itu, oleh kerana sekadar disyarah, ianya tidak menyebabkan Umno berpecah dengan rakan-rakan BN. "Rambut tidak putus", iaitu berjaya ditarik Pas semakin jauh dari PH dan mereka bertambah renggang. "Tepung tidak berselerak" bererti BN tidak berpecah.

Tipu helah Umno sememangnya hebat. Apa tidaknya, mereka dibantu penasihat antarabangsa.

Sekiranya kita bersetuju itulah apa yang perlu dilakukan maka kita mesti juga memahami apa yang ingin dicapai dan apa yang ingin dielak. Yang ingin dicapai diumpamakan sebagai 'rambut tidak putus'. Yang ingin dielak diumpamakan dengan 'tepung tidak berselerak'.

Yang ingin dicapai adalah Kerajaan Selangor tidak goyang atau tergugat. Tindakan mengekalkan Pas turut mengekalkan kedudukan lebih dua pertiga majoriti di Dun Selangor. Ini membenarkan kerajaan terus berjalan dengan baik dan lancar, sehingga ke pembubaran Dun. Ia menyebabkan PH berpeluang menamatkan tempohnya 'on a high note' atau dengan cemerlangnya. Ini akan membantu PH untuk menghadapi PRU dengan rakyat merasa bahagia dan berpuas-hati dengan PH.

Sekiranya tempoh penghujung pemerintahan dilihat bergelora dan bergolak, serta program-program tidak dapat dijalankan dengan lancar, maka apabila tibanya masa mengundi, rakyat mungkin berada dalam perasaan bosan dan tidak berpuas-hati. Walaupun ianya boleh disalahkan kepada Pas, sebahagian rakyat akan percaya dengan alasan itu, tetapi sebahagian lain akan menolaknya.

Yang ingin dielak pula adalah Pas bertambah kukuh sambil PH bertelagah. Pas perlu dihalang dari menyalahgunakan kedudukan mereka dalam kerajaan demi kepentingan Pas. Ini perlu

diawasi dengan sebaik-baiknya.

Keberadaan Pas dalam kerajaan bererti 'memberi kuasa kepada bakal saingan'. Ia ada bahayanya yang boleh merugikan kita. Kalau jawatan yang diberi 'bertaring', maka taringnya perlu dicabut. Kalau 'berbisa' maka penawar perlu disediakan untuk merawat kesan bisanya. Mengekalkan Pas bersama bererti mengekalkan 'bakal saingan' bersama dalam kerajaan PH. Ini hakikat yang perlu sentiasa disadari dan oleh itu biarlah ianya menguntungkan PH semaksima dan Pas seminima yang mungkin. Malahan kalau boleh, tiada keuntungan bagi Pas kecuali dilihat tidak bermaruah atau berprinsip.

Untuk elak PH sendiri bertelagah maka perlu semua memahami 'game plan' PH terhadap Pas. Dalam soal ini ianya perlu dilihat strategi PH dan bukan strategi MB seorang. Semua kena faham apa yang ingin tercapai dan peranan mereka.

'Game plan' Pas juga perlu dikaji dan difahami. Jangan dianggap mereka tiada game plan.

Cara terperinci bagaimana matlamat 'tepung tidak berselerak' akan tercapai saya serahkan kepada kebijaksanaan semua. Namun ianya satu matlamat yang perlu dicapai bersama.

Politik adalah seni. Walaupun batas-batas perlu dijaga, matlamat tetap perlu dicapai. Di sini letaknya seninya. Ianya seni yang berprinsip dan matlamat.

Antara batas yang perlu dijaga adalah memperalatkan sentimen agama dan menipu rakyat. Di sini bezanya kita dengan politik Umno dan Pas. Mereka sanggup memperalatkan sentimen agama demi mencapai matlamat politik mereka. Seperti mana jelas terserlah dalam kes RUU 355.

Bagi saya, biarlah Pas tidak dipecat. Saya yakin apabila mereka sedar betapa untungnya PH dan ruginya Pas melalui tindakan ini, mereka sendiri akan meletakkan jawatan. Atau mungkin juga terus berjawatan sehingga akhir tempoh? Sekurang-kurangnya memaksimumkan tempoh berjawatan bergaji penuh.

## Kenaikan harga barang: Kegagalan agensi undang petaka

**SELEPAS** pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST), kenaikan harga barangan bukan lagi satu perkara yang janggal. Ia semakin menjadi-jadi apabila menjelang musim perayaan termasuklah memasuki bulan Ramadan.

Ramadan tahun ini adalah tahun paling sengsara buat rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Kos hidup di negara ini semakin meningkat naik dan harga barangan tidak lagi mampu dikawal oleh kerajaan melalui agensinya.

Menjelang Ramadan baru-baru, rakyat di semua peringkat merintih

tentang kenaikan harga barangan terutama barangan keperluan asas. Antara yang naik termasuklah harga barangan basah seperti ayam, ikan, daging dan sebagainya.

Keluhan ini turut disuarakan oleh para peniaga khususnya di bazar Ramadan yang menjadi kelompok paling terkesan akibat kegagalan kerajaan mengawal harga barang. Kenaikan kos ini memaksa para peniaga menaikkan harga jualan yang pastinya memberikan kesan besar kepada para pembeli.

Para peniaga tidak lagi mampu untuk mengekalkan harga asal kerana terpaksa menanggung dan menampung kos yang

semakin meningkat. Mereka perlu memikirkan keuntungan yang diperoleh selari dengan modal yang dikeluarkan.

Hakikatnya, apa yang berlaku ketika ini mendapati Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) seolah-olah tiada fungsinya. Kementerian ini gagal untuk menjalankan tugasnya bagi memastikan harga barangan selari dengan harga yang ditetapkan.

KPDNKK lebih cenderung untuk menyalahgunakan pendorong tanpa menginsafi kelemahan yang ada pada mereka menyebabkan perkara ini berlaku. KPDNKK

sewajarnya membuktikan mereka adalah lebih berkuasa daripada semua termasuklah para pendorong.

Kegagalan fungsi penting agensi kerajaan seperti KPDNKK ini adalah satu malapetaka besar buat negara, kerajaan yang ada tidak lagi mampu untuk mengurus hal negara khususnya melibatkan kepentingan rakyat. Apabila agensi tidak berperanan, maka berlakulah pengurusan cacar merba seperti yang berlaku pada hari ini!

Oleh yang demikian, Pemuda AMANAH Nasional menggesa kerajaan meningkatkan lagi fungsi agensi-agensinya dalam



**PENDAPAT**  
MOHD SANY HAMZAN

memastikan harga barangan di negara ini dapat dikawal. Kerajaan perlu mereformasi agensi-agensi berkaitan agar ia lebih berfungsi dengan lebih efisien dan bertanggungjawab!

#PemudaBekerja  
Membina Negara Berintegriti

**Mohd Sany Hamzan ialah Ketua Pemuda AMANAH Nasional.**

# Pasir Mas tapak subur perkenal politik 'rahmatan lil 'alamin'

## PASIR MAS:

Dengan keyakinan memperkembangkan politik Islam generasi baru "rahmatan lil 'alamin", AMANAH Pasir Mas yakin masyarakat akan menerima baik parti itu.

Ketua AMANAH Kawasan Pasir Mas Che Abdul Rahim Che Daud berkata ketika mem-



perkenalkan AMANAH pada penghujung tahun 2015, ramai yang pesemis dan menganggap parti Islam baru tidak mampu berhadapan dengan parti lama yang telah bertapak kukuh.

"Saya sendiri tidak menduga ketika kami mengadakan majlis

pelancaran dengan mengadakan ceramah kali pertama begitu ramai yang hadir.

"Ceramah itu diadakan di rumah Ustaz Jamal (Kamaruzzaman Hassan) seorang aktivis Pas yang sudah dikenali di bandar ini.

"Ceramah yang dihadiri oleh Dr Dzulkefly Ahmad dan Dr Mujahid Yusof yang masing-masing baru saja dilantik memimpin AMANAH di peringkat pusat memberi semangat besar kepada kami," katanya ketika ditemui di satu majlis ceramah di Slow Machang baru-baru ini.

Ketika berceramah beliau menegaskan bahawa umat Islam dikehendaki beristiqamah atas kebenaran.

"Yang kita disuruh istiqamah ialah atas kebenaran dan bukannya atas nama persatuan atau pemimpin yang diikuti.

"Persatuan, parti dan pemimpin mungkin baik dan perlu diikuti jika mereka bersama Islam dan kebenaran.

"Sebaliknya bila perubahan telah berlaku dan jelas kebenaran tidak lagi jadi dokongan, maka kita wajib bersama kebenaran dan bukan terus menjadi pengikut semata-mata atas alasan telah ikut sejak dulu-dulu," katanya.

Che Rahim yang juga seorang pakar



Pusat Peduli Rakyat dan bilik gerakan JDUN Tendong baru dirasmikan Presiden AMANAH Mohamad Sabu.

farmasi berkata AMANAH di Pasir Mas kini diterima baik semua lapisan khususnya mereka yang mempunyai akses maklumat dan mempunyai pendidikan tinggi.

"Tuan rumah yang kita adakan ceramah pada malam ini adalah satu contoh terbaik.

"Haji Mohd Nor Che Man atau lebih dikenali Abe Li Inter Sticker ini pernah menjadi ahli Pas seumur hidup.

"Saya kenal beliau ketika bersama parti lama dulu dan amat tahu beliau bukan orang yang menagih imbuhan dari parti sebaliknya beliau begitu banyak menyumbang.

"Alhamdulillah, kesungguhan beliau yang kini bersama AMANAH tentu akan boleh dinilai oleh masyarakat di sini," katanya.

Menurut Che Rahim kemasukan beberapa tokoh utama sepanjang pergerakan AMANAH Kawasan Pasir Mas jelas menunjukkan masa depan parti akan mendapat sambutan baik.

"Sebagai contoh penyertaan Ir Ali Omar yang kini menjadi timbalan saya berlaku tanpa kami duga.



Zakaria Mat

"Saya hanya jumpa beliau dalam satu majlis ceramah AMANAH di Tumpat.

"Setelah mengetahui beliau berasal dari kawasan Chetok, kami terus mempelawanya menyertai kepimpinan kawasan.

"Sebagai aktivis masyarakat dan bekas pegawai tinggi kerajaan, beliau dengan segera muncul sebagai ikon AMANAH di Dun Chetok," katanya.

Sementara itu dalam tinjauan di pejabat kawasan, Setiausaha AMANAH Pasir Mas Zakaria Mat berkata, organisasi parti di peringkat kawasan sudah lengkap.

"Selepas kami mengadakan mesyuarat penubuhan kawasan pada awal 2016, semua jawatan yang dilantik dapat diisi secara beransur-ansur.

"Kini semua jawatan itu sudah dipenuhi dan mulai tahun 2017 kami dapat bergerak selengkapnya," katanya.

Penubuhan

cawangan-cawangan katanya berlaku secara berterusan.

"Kemasukan tokoh-tokoh baru merencanakan perkembangannya ini.

"Penyertaan Ustaz Ali Abdul Rahman atau dikenali Tok Ime Li (Imam Li) mencetuskan fenomena penubuhan cawangan-cawangan di Dun Chetok.

"Bagi Dun Pengkalan Pasir, penyertaan Marzuki Yusoff dan kini Abe Li Inter Sticker dijangka akan merencanakan penubuhan cawangan-cawangan baru.

"Di Dun Tendong pula, pelantikan ketua Awan Dr Rohani Ismail sebagai ketua jawatankuasa Dun (JDUN) diyakini akan mengukuhkan perkembangan AMANAH,"

katanya. Bagi pergerakan peringkat Dun katanya, semua bilik gerakan pilihan raya sudah diwujudkan.

"Bagi Dun Pengkalan Pasir bilik gerakan diadakan di pejabat kawasan di Jalan

Zaaba, bagi Dun Chetok di Kampung Galok manakala bilik gerakan JDUN Tendong di pekan Tendong," katanya.

Dalam satu pertemuan dengan Timbalan Ketua Kawasan Ir Ali Omar di majlis pelancaran bilik gerakan Dun Chetok, beliau berkata rakyat perlu membuat penilaian rasional terhadap parti AMANAH.

"Selain berpaksikan Islam, AMANAH adalah parti masa depan yang akan menawarkan konsep masyarakat maju dan progresif yang diperlukan generasi depan.

"Parti-parti sedia ada beroperasi untuk mengubah masyarakat dalam konteks menyediakan keperluan-keperluan asas.

"Kita selalu dengar pemimpin datang ke kampung-kampung menjanjikan untuk membina kemudahan yang belum ada.

"Belum ada letrik, dijanjikan letrik, belum ada jalan dijanjikan jalan, belum ada sekolah dijanjikan sekolah," katanya.

Setelah semua kemudahan asas ini wujud katanya, apa yang lebih penting ialah perlunya semua itu diselenggara supaya kesejahteraan dan kebahagiaan boleh dicapai.

"Misalnya dalam masalah kebersihan, tiada guna kita ada banyak kemudahan tetapi penyelenggaraan kebersihan dan rancangan untuk mewujudkan suasana bersih tidak jadi agenda pembangunan negeri.

"Sungai kita semakin tercemar, sampah sarap terus mengelilingi kita tanpa difikirkan cara pembaikan oleh pemimpin-pemimpin sedia ada," katanya.

AMANAH di Pasir Mas atau di mana sahaja, kata beliau akan menjadikan agenda kes-

elesaian dan kebahagiaan rakyat ini sebagai fokus terpenting yang akan ditawarkan sebagai pilihan rakyat dalam pilihan raya akan datang.

Penubuhan

**JAWATANKUASA AMANAH**  
**KAWASAN PASIR MAS**  
SESI 2016 - 2018

**Ketua Kawasan : HAJI CHE RAHIM CHE DAUD**

**Timbalan Ketua : HAJI ALI OMAR**

**Naib Ketua : ADNAN DERAMAN**

**Naib Ketua : MOHD NASIR ISMAIL**

**Setiausaha : ZAKARIA MAT**

**Bendahari : WAN MUSTAFFA WAN HASSAN**

**Ketua Komunikasi : MARZUKIAKIEYUSOFF**

**Ketua Biro Pilihanraya : MOHAMAD SATUZI HASSAN**

**Ketua Pemuda : MOHD SAPUAN MOHD MARZUKI**

**Ahli Jawatankuasa**

- ARIFFIN AB. LATIFF
- ALI AB. RAHMAN BIN HASSAN
- AZMI NOH
- KAMARUZZAMAN HASSAN
- MUHAMMAD HAJI AB. RAHMAN
- AMIRNUDDIN AHMAD
- KAMARUDDIN HAJI GHAZALI
- HAJI HASHIM OMAR
- HAMZAH TAIB
- MEJ (B) NORMAN MANSOR
- WAN ABDULLAH HARUN
- ZULKIFLI HASSAN
- AIZUL HAIZAT KHAIRUL ANWAR
- DR. MUHAMAD FAUZI ZAKARIA
- AB. MALIK JAAFAR
- MOHD NOR CHE MAN

# Pengajaran daripada peristiwa Portland, Oregon

Oleh KHALID SAMAD

**S**AYA tertarik dengan berita laporan *Malaysiakini* berhubung peristiwa di Portland Oregon yang berlaku pada Jumaat, 26 Mei lalu.

Tiga orang bukan Islam telah berusaha meredakan keadaan dalam sebuah tren komuter apabila dua wanita Islam diganggu seorang lelaki bukan Islam. Hasil dari keadaan itu, dua dari tiga lelaki tersebut telah mati ditikam sambil yang ketiga cedera parah.

Lelaki yang menimbulkan ketegangan itu dan menikam ketiga-tiga mereka telah melarikan diri selepas itu dan kemudiannya ditahan polis. Beliau akan dihadapkan ke mahkamah di bawah tuduhan membunuh.

Dua lelaki yang mati ditikam bernama Rick Best dan Namkai Meche. Rick Best adalah seorang bekas tentera Amerika, berkahwin dan meninggalkan seorang isteri dan 4 orang anak. Namkai Meche pula seorang pemuda yang berusia 23 tahun yang baru sahaja menamatkan pengajian dalam bidang ekonomi peringkat ijazah muda. Lelaki ketiga, iaitu Micah Fletcher, berusia 21 tahun adalah pekerja di sebuah kedai pizza berhampiran tempat kejadian. Beliau sedang dirawat di hospital dengan kecederaan parah.

Hasil tindakan berani mereka bertiga, dua wanita Islam berkenaan terselamat dari gangguan dan ancaman. Mereka bertiga tidak mengenali dua wanita Islam itu. Mereka bukan beragama Islam dan mungkin juga tidak sebangsa, namun mereka sanggup membela kehormatan dua wanita Islam tersebut.

Walaupun imej Islam, khususnya di Amerika, begitu terpalit dengan tindakan golongan 'pengganas Islam', tiga lelaki ini

menyedari bahawa pengganas yang mengganas atas nama Islam, kononnya, tidak mewakili semua orang Islam. Dan dua wanita berkenaan, walaupun beragama Islam, tidak wajar diherdik dan dicaci sebegitu rupa.

Tindakan mereka bertiga, yang mampu membezakan pengganas dari umat Islam secara amnya, harus dicontohi semua. Menghukum kesemua umat Islam sebagai pengganas adalah tidak tepat dan tidak adil. Begitu juga sebaliknya. Menghukum semua bukan Islam sebagai 'musuh Islam', 'anti-Islam' dan sebagainya adalah juga tidak tepat dan tidak adil.

Nabi Muhammad s.a.w. sendiri telah menunjukkan kepada kita bagaimana bukan Islam boleh bersikap adil dan melindungi umat Islam. Raja Najashi di Habsyah yang beragama Kristian telah menjadi tempat berlindungnya umat Islam dalam peristiwa Hijrah pertama. Malahan dewasa ini, berapa ramai umat Islam telah berhijrah mendapat perlindungan di negara-negara Eropah dan Amerika? Dalam banyak keadaan, mereka berhijrah melarikan diri dari pemimpin zalim yang beragama Islam.

Sikap menghukum keseluruhan bukan Islam sebagai 'musuh Islam' dan menanam kebencian terhadap mereka adalah punca berlakunya tindakan keganasan. Turut dihukum adalah mereka yang dikatakan 'berlembut' dengan yang bukan Islam yang dilihat mengadai kepentingan agama.

Inilah sebabnya golongan pengganas tidak berasa bersalah dengan tindakan membunuh secara rambang, termasuk wanita dan kanak-kanak, seperti yang berlaku di Manchester dan juga di Mesir sehari sebelum Ramadan. Begitu juga yang berlaku di Indonesia dan Filipina. Sebahagian yang terkorban adalah umat Islam sendiri. Siapa



Sekumpulan warga Amerika Syarikat beragama Islam menunjukkan solidariti mereka terhadap tiga hero tragedi Portland.

sahaja yang tidak bersama mereka boleh dikorbankan kerana hanya mereka kononnya yang berada di jalan Allah.

Dalam peristiwa keganasan di Mesir yang menjadi sasaran adalah sekumpulan Kristian Koptik yang dalam perjalanan ke tempat ibadah mereka. Mereka diserang dan dibunuh semata-mata kerana mereka Kristian Koptik. Sedangkan semua tahu bagaimana Umar Al-Khattab pernah membela hak Kristian Koptik yang dizalimi oleh anak gabenor Mesir yang beragama Islam. Umar berpihak kepada Kristian Koptik tersebut dan menghukum si zalim yang beragama Islam!

Islam mengajar kita untuk bersama keadilan dan kebenaran bukan bersama orang Islam secara membabi buta. Janganlah atas desakan 'solidariti bersama Islam' maka kita bersolidariti dengan penzalim yang menzalmi pihak lain khususnya bukan Islam.

Istilah-istilah seperti 'musuh Islam' dan 'anti-Islam' adalah istilah-istilah yang suka digunakan oleh golongan pengganas dalam usaha menanam kebencian terhadap masyarakat atau kumpulan tertentu. Dengan menggunakan istilah-istilah yang begitu emotif atau merangsangkan perasaan, khususnya perasaan kemarahan dan kebencian, mereka mengharapkan umat Islam akan menyokong tindakan mereka.

Sehingga pembunuhan rambang wanita dan kanak-kanak oleh pengganas Islam akan dianggap 'harus' dan tidak menimbulkan kemarahan umat Islam. Ianya seolah-olah sesuatu yang boleh diterima kerana ianya balasan terhadap mereka yang dikatakan 'musuh Islam' dan 'anti-Islam'.

Sebenarnya golongan pengganas dan 'berpikiran pengganas' menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka. Dengan imej keislaman mereka menanamkan nilai-nilai yang bercanggah dengan ajaran Islam itu sendiri. Mereka melakukan kerosakan terhadap Islam yang jauh lebih dahsyat berbanding tindakan-tindakan tertentu yang sedang dihebohkan yang kononnya menghina Islam dan mencabar

umat Islam.

Kekecohan terhadap laporan muka depan akhbar *The Star*, Sabtu, 27 Mei lalu agak membingungkan apabila dibandingkan dengan berita tindakan pengganas yang dilaporinya. Saya hairan kenapa umat Islam diajak memarahi *The Star* atas kesilapan 'layout' berita tersebut dan tidak pula terhadap kegiatan pengganas yang melibatkan umat Islam dari Malaysia?

Sepertimana juga kemarahan terhadap kesilapan seorang Ahli Parlimen bukan Islam yang mengucapkan "Selamat Menyambut Bulan Ramadan" selepas dijemput ahli kariah ke dalam dewan solat Masjid.

Saya melihat satu perancangan untuk menimbulkan kemarahan dan kebencian umat Islam terhadap bukan Islam sedang sengaja dijalankan. Isu yang sepatutnya dimarahi umat Islam, iaitu keganasan, dan usaha untuk menangani falsafahnya tidak dilakukan. Akan tetapi yang dilakukan adalah yang sebaliknya.

Kempen ini, yang bertujuan menanam kebencian dan kemarahan umat Islam terhadap bukan Islam, perlu ditolak dan ditentang semua yang waras dan bertanggungjawab. Bukan sahaja ianya mampu memusnahkan negara, ia merosakkan umat Islam dan imej Islam.

Ummat Islam kena sentiasa diingatkan, Islam datang bukan untuk menghasilkan kebencian dan pertembungan dengan bukan Islam. Islam datang sebagai rahmat untuk semua, sama ada muslim atau bukan muslim. Kalau bukan Islam boleh mempertahankan hak dua wanita Islam di Portland Oregon, sehingga tergadai nyawa, tidakkah umat Islam mempunyai kekuatan moral untuk melakukan yang sama, atau lebih dari itu?

Sambil Melayu Islam bergelut dengan semangat perkauman dan ekstremis agama, dengan mengemukakan berbagai hujah dan dalil, tiga lelaki bukan Islam di Portland Oregon menunjukkan akhlak mulia yang sepatutnya ada pada umat Islam.



Tragedi yang berlaku di Portland mendapat liputan meluas media Amerika Syarikat.

➔ 10 Rafizi 'sekolahkan' Najib

➔ 14 Negeri PM paling kurang sejahtera

➔ 24 SPR canggahi prinsip demokrasi



PP18978/03/2016(034450)

**Ramadhan Kareem**  
WAKTU SOLAT BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.  
SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
4.6.2017	5:30	5:40	7:02	13:14	16:39	19:23	20:38
5.6.2017	5:30	5:40	7:02	13:15	16:40	19:23	20:38
6.6.2017	5:30	5:40	7:02	13:15	16:40	19:23	20:39
7.6.2017	5:30	5:40	7:02	13:15	16:40	19:24	20:39
8.6.2017	5:30	5:40	7:02	13:15	16:40	19:24	20:39
9.6.2017	5:30	5:40	7:03	13:15	16:41	19:24	20:40
10.6.2017	5:30	5:40	7:03	13:15	16:41	19:24	20:40

# Amanah

BIL 53 | 4 - 10 JUN 2017

## Di sebalik penjualan Proton kepada Geely?

# SIAPA UNTUNG



**BELUM** selesai isu IPIC, Bandar Malaysia dan kini isu penjualan Proton kepada Zhejiang Geely Holding Group atau Geely dari negara China dihadapkan kepada rakyat yang jelas kesemuanya merugikan kerajaan atau pembayar cukai di negara ini.

Bagi Pengarah Strategi AMANAH, Dr Dzulkefly Ahmad, yang untung dalam urusniaga ini adalah DRB Hicom yang mendapat RM556 juta dari Geely untuk pembelian 51% saham Lotus.

Geely pula untung kerana syarikat dari China itu mendapat Lotus melalui urusniaga ini dengan bayaran hanya RM170 juta.

Kerajaan pula paling rugi kerana terpaksa membayar terus kepada Proton RM250juta, baki dari 'pinjaman mudah' RM1.5 bilion walaupun telah dibeli 49.9% sahamnya oleh Geely.

"Di samping itu, kerajaan akan bayar RM1.1bilion sebagai geran R&D kepada Proton," kata Dzulkefly.

➔ **Laporan penuh muka 12**



➔ **HISHAM FAUZI** menerima sijil keahlian AMANAH dari Pengerusi Kanun, Mohamed Hanipa Maidin dengan diperhatikan oleh rakan-rakan peguam.

## Bekas JK Teknikal Hudud keluar Pas sertai AMANAH

**KECEWA** dengan tindakan Pas khususnya dalam membelakangkan 'roadmap' pelaksanaan Syariah yang dirancang oleh Jawatankuasa Teknikal peringkat Persekutuan, bekas Pengerusi Lajnah Undang-Undang Pas Kelantan Hisham Fauzi bertindak keluar Pas dan menyertai Parti Amanah Negara (AMANAH).

Laporan penuh muka 2

**TERBARU TERBITAN ILHAM BOOKS**  
01132334322 untuk urusan pembelian  
DAPATKAN SEGERA

Zulqarnain Lukman  
**PEGUAM BUKAN PEGUAM**  
HANYA RM 25

YUSUF AL-QARADHAWI  
**ISLAM AGAMA WASATII**  
DITERJEKANKAN OLEH ROSLI MOHITAR  
HANYA RM 25

**MALA FIDE**  
MOHAMED HANIPA MAIDIN  
HANYA RM 25

MASA DEPAN STRATEGIK KEBANGKITAN ISLAM  
ZULKIFLI HASAN  
HANYA RM 30